

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**Eucalyptus membelit kerajaan Kelantan, kata Husam**



→ ms2

**Bangkitkan bai'ah: Pentaksab yang akan kalahkan Pas**



→ ms8

**Perjanjian Tanam Semula Felda menjerut peneroka**



→ ms9

# TURUN MINYAK TURUN NAJIB



**SELEPAS** berjaya turunkan harga petrol 8 sen minggu lalu melalui piket di depan Parlimen, Pemuda Pakatan Harapan (PH) dan AMANAH mahu berkempen "Turunkan Najib" pula di samping terus berkempen turunkan harga minyak.

→ **Laporan penuh muka 2**

**PROMOSI TERBARU!!**

**DAPATKAN SEGERA**

☎ 01132334322  
untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

FAIZ FADZIL  
**KLEPTOKRASI BUKAN RAHMAT**



HANYA RM 30

**TEKAL BERJUANG**  
MEMOIR ANUAR TAHIR




HANYA RM 35

MUSAFIR KEROHANIAN KEMBARA KEMANUSIAAN



HANYA RM 39

**SYURA & DEMOKRASI**  
dari perspektif 'Maqasid al-Shari'ah



HANYA RM 49

Charles Allers  
**ANWAR IBRAHIM**  
PENAMPILAN DEMOKRAT MUSLIM



HANYA RM 49

# Selepas berjaya 'Turun minyak' kini 'Turun Najib' pula

Oleh **ARIF ATAN**

**S**ELEPAS berjaya turunkan harga petrol 8 sen minggu lalu melalui piket di depan Parlimen, Pemuda Pakatan Harapan (PH) dan AMANAH mahu berkempen "Turunkan Najib" pula di samping terus berkempen turunkan harga minyak.

Kempen "Turun Harga Minyak, Turun Najib" itu akan dilakukan Pemuda AMANAH Nasional sempena sambutan Ambang Tahun Baru 2018 nanti.

Naib Ketua Pemuda Amanah, Shazni Munir Mohd Ithnin berkata, kempen 'Turun Harga Minyak, Turun Najib' itu sebagai lanjutan aksi bantah kenaikan harga petrol dan diesel di bangunan Parlimen mulai 21 November lalu.

"Sebagaimana yang telah kita umumkan sebelum ini, perkampungan protes 42 jam depan Parlimen akan kita lanjutkan ke kempen 'Turun Harga Minyak, Turun Najib' atau ringkasnya disebut TURUN TURUN.

"Kempen ini akan bergerak

dengan kerjasama pelbagai peringkat kumpulan dan NGO. Setakat yang telah bergerak adalah flashmob (aksi kilas) desakan dan bantahan di lokasi-lokasi strategik," jelasnya kepada akhbar mingguan Amanah, 28 November lalu.

Aksi protes Pemuda Pakatan Harapan berembun, berpanas dan berhujan di bahu Jalan Parlimen itu kemudiannya menyaksikan penurunan harga mingguan petrol sebanyak lapan sen dan dua sen bagi diesel mulai 23 November lalu.

Minggu sebelum itu, harga RON95 melonjak paling tinggi sehingga tujuh sen menjadi RM2.38 seliter, RON97 naik enam sen menjadi RM2.66 manakala diesel naik lima sen kepada RM2.25 seliter.

Semakan akhbar mingguan Amanah mendapati penurunan mendadak harga petrol berjumlah lapan sen seliter bagi tempoh 23 hingga 29 November lalu adalah kadar harga paling banyak diturunkan selepas jangka masa lima



*Shazni Munir berkata kemuncak kempen akan diadakan pada malam tahun baru.*

bulan.

Walau bagaimanapun, harga RON95 (RM2.30) dan RON97 (RM2.58) itu dilihat masih tinggi apabila melepasi paras RM2 seliter dengan harga RON95 kali terakhir pada RM1.91 seliter bagi tempoh 22 hingga 28 Jun lalu.

Sejak 30 Mac lalu, kerajaan mengumumkan penetapan harga runcit bagi petrol dan diesel secara

**“ Kempen ini akan bergerak dengan kerjasama pelbagai peringkat kumpulan dan NGO. Setakat yang telah bergerak adalah flashmob (aksi kilas) desakan dan bantahan di lokasi-lokasi strategik, ”**

mingguan pada setiap hari Rabu.

Najib dalam kenyataan rasminya memberitahu tentang penarikan subsidi bagi bahan api terutama petrol, diesel dan Petroleum Gas Cecair (LPG) serentak dengan gula berkuatkuasa 16 Julai 2010.

Mengulas lanjut, Shazni yang juga Pengarah Mobilisasi Pemuda Pakatan Harapan memberitahu, siri jelajah kempen TURUN TURUN di peringkat negeri sedang disusun di seluruh negara.

"Kemuncak pada kempen ini akan berlangsung pada sambutan malam tahun baru, 31 Disember nanti.

"Kita jangkakan rakyat ketika itu telah amat muak dengan ketida-

ktentuan harga minyak ketika ini dan mengambil sikap lebih tegas dan tuntas terhadap kerajaan," ujarnya.

Shazni berpendapat tuntutan harga minyak dan pentadbiran Najib diturunkan penting bagi mengekang tekanan dari segi kenaikan kos hidup berterusan sehingga membebaskan majoriti rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan mengembalikan semula subsidi bahan api dan menubuhkan Tabung Khas bagi memastikan harga minyak kekal rendah dan stabil.

## Eucalyptus membelit kerajaan Kelantan, kata Husam

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

**ADUN** Salor, Datuk Husam Musa menganggap jawapan Timbalan Menteri Besar, Datuk Nik Mohd. Amar Nik Abdullah pada sidang Dun bahawa tiada kelulusan 20,000 ekar oleh Kompleks Perkeruan Kelantan (KPK) adalah satu pembohongan.

"Pelbagai komitmen menghalang saya bertindak balas segera atas kenyataan TMB Kelantan mengenai

Eucalyptus semasa penggulungan perbincangan DUN Kelantan Rabu lalu," katanya melalui satu kenyataan yang disiarkan pada blognya baru-baru ini.

Eucalyptus adalah sejenis pokok yang menghasilkan minyak kayu putih untuk memanaskan badan.

"Menurutnya surat Sheeco bertarikh 27 Ogos 2017, memaklumkan anak pokok sebanyak 400,000 telah pun sampai.

"Jika surat-surat yang saya

siarkan ini palsu, sila TMB Kelantan mengambil tindakan sewajarnya untuk membuktikan ia palsu.

"Jika tindakan seperti itu tidak diambil, ternyata TMB Kelantan telah sekali lagi berbohong.

"Bahawa sememangnya kelulusan dasar telah dikeluarkan," katanya

Perlu diketahui katanya berapakah luas kawasan tanaman untuk 400,000 anak benih.

"Jika surat Sheeco bertarikh 27

Ogos 2017 dijadikan sandaran, Sheeco memerlukan paling kurang 400 hektar tanah KPK untuk menanam 400,000 anak pokok Eucalyptus yang ia bawa masuk.

"Berdasarkan rencana Utusan Online mengenai tanaman Eucalyptus tulisan Ahmad Zuhaidi Yahya, bertarikh 8 Februari 2017, jumlah anak pokok untuk setiap hektar adalah 833 pokok," katanya.

Ini katanya memerlukan 480 hektar minima yang sudah melebihi 1,000 ekar.

"Ingat, surat itu untuk KPK dan seharusnya terpakai untuk ditanam di atas tanah KPK," katanya.

Berkeenaan Eucalyptus yang dikatakan tiada kesan buruk beliau menganggap hujah Mohd Amar sangat simplistik.

Beliau melahirkan kebimbangan kelulusan ini hanya untuk mengaut balak sebelum menanam Eucalyptus.

Mengulas dakwaan ramai yang ikut rombongan ke China beliau berkata itu bukan bermakna mereka bersetuju.

"TMB mem-

bacakan senarai anggota yang mengikuti rombongan beliau ke Nanning.

"Ikut rombongan tak semestinya mereka setuju.

"Kalau mereka setuju, tunjukkan kertas pandangan mereka," katanya.

Namun menurut Husam, sekurang-kurangnya akhirnya Datuk Nik Mohd. Amar mengaku beliau terbang ke Nanning bersama Datuk Roshaimi Razak, seorang ahli perniagaan kontroversi di Kelantan.



*Husam Musa*

## Gerakkan misi banjir Pantai Timur

**B**ANJIR sedang melanda beberapa negeri khususnya di Pantai Timur termasuk Kelantan dan Terengganu. Selain itu beberapa kawasan di Johor juga mula ditenggelami air.

Saya menyeru semua pimpinan Parti Amanah Negara (AMANAH) khasnya Biro Kebajikan Kemanusiaan dan Bencana Alam (BKKBA) yang diketuai Naib Presiden Ustaz Hassanuddin Yunus dan BKKBA negeri-

negeri mengaktifkan usaha membantu mangsa banjir sedaya termampu.

Pasukan sukarelawan ARIF hendaklah digerakkan sepenuhnya untuk membantu mereka yang terlibat dengan malapetaka dan banjir yang sedang melanda di negeri-negeri tersebut.

Pasukan AMANAH harus memberikan kerjasama penuh kepada agensi kerajaan negeri mahupun


persekutuan, rakan-rakan parti dalam Pakatan Harapan serta NGO yang turut serta dalam menyampaikan bantuan.

Saya mengharapkan semuanya mengambil perhatian dan dapat menggerakkan segala kekuatan dalam usaha membantu masyarakat yang ditimpa musibah banjir ini. Setiap dari kita adalah duta kepada parti. Tonjolkanlah sikap peduli yang kita sering laungkan.

Kepada mangsa yang terlibat, saya doakan semoga tabah dan dipermudahkan segala urusan. Sentiasa ambil langkah-langkah keselamatan seperti yang diarahkan oleh pihak berkuasa.

**#MenjunjungAmanahRakyat**

**MOHAMAD SABU**  
**Presiden**  
Parti Amanah Negara



# Amiruddin bantu kukuh Pakatan Harapan

Oleh **ARIF ATAN**

**K**UALA LUMPUR: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit, Datuk Ir Amiruddin Hamzah berkata, keputusannya menyertai Parti Bersatu Pribumi Malaysia (PPBM) bertujuan membantu mewujudkan blok pembangkang yang kukuh bagi menentang BN pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Menurutnya, tindakan beliau meninggalkan Pas ekoran keputusan parti lamanya itu yang enggan lagi bersama blok pembangkang sejak ketika dikenali sebagai Pakatan Rakyat.

Bekas Ahli Jawatankuasa Pas Pusat Sesi 2013 ñ 2015 itu berpendapat, gabungan parti pembangkang yang

mantap penting sebagai langkah paling ampuh seperti terbukti pada keputusan dua siri pilihan raya sebelum ini.

"Tun Mahathir pun pernah kata Perikatan kemudiannya BN nak kata kuat sangat tidaklah kuat sangat tetapi pembangkang tidak pernah berada dalam pakatan yang padu untuk berdepan dengan BN.

"Dalam keadaan rakyat pun sudah rasa kesengsaraan, tekanan hidup disebabkan oleh GST dan wang yang patut dibelanjakan kepada rakyat diputar belit, dihilangkan dan diselewengkan, jadi kita perlu berhadapan dalam pilihan raya ini sebagai satu pakatan yang padu.

"Kita dapat lihat pada Pilihan Raya Umum ke-12 dan ke-13. Kita harus

berdepan BN dalam keadaan padu dan kukuh sebegini.

"Kita harus dalam satu kesepakatan yang padu untuk berdepan BN dan ini kita dapat lakukan dalam Pakatan Harapan yang telah ditubuhkan," ujarnya ketika mengumumkan permohonan untuk menjadi ahli PPBM yang disaksikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Amiruddin yang sebelum ini meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Pas Kuala Kedah pada 12 Mei 2016 memberitahu keputusan itu juga hasil perbincangan dengan rakan-rakannya.

"Ini keputusan yang saya buat dengan penuh sedar dengan rundingan bersama kawan-kawan juga di dalam

kawasan dan sebagainya.

"InsyaAllah, ini adalah keputusan terbaik yang saya buat untuk menjatuhkan kerajaan kleptokrat yang ada ini yang menyebabkan kesengsaraan kepada rakyat melalui PPBM yang bersama dengan Pakatan Harapan untuk menentang BN," jelasnya.

Bekas Exco Kerajaan Negeri Kedah itu sebelum ini antara pemimpin Pas negeri yang dilihat mesra Pakatan Harapan selain Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dan Adun Kubang Rotan, Mohd Nasir Mustafa.

Mereka secara terbuka menunjukkan sokongan kepada Pakatan Harapan termasuk berceramah di atas pentas anjuran blok pembangkang gabungan AMANAH, PPBM, DAP dan Keadilan.

## AMANAH Kedah ucap syabas pada Amiruddin

**ALOR SETAR:** AMANAH Kedah mengucapkan syabas dan tahniah atas keputusan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit, Datuk Amiruddin Hamzah menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) seperti diumumkan baru-baru ini.

Pengerusi AMANAH Kedah, Dr Ismail Salleh berkata, Amiruddin adalah sahabat karib beliau sejak sekian lama, berpengalaman, tokoh yang disegani ramai, Adun yang cemerlang dan bekas Exco Kerajaan Negeri Kedah.

"Sudah tentu dengan segala

pengalaman yang ada, beliau mampu berperanan menarik seramai mungkin rakyat di negeri Kedah untuk bersama perjuangan menegakkan keadilan dan mewujudkan sebuah kerajaan dengan tadbir urus yang baik," kata beliau dalam satu kenyataan.

AMANAH Kedah, katanya menyifatkan langkah yang dibuat Ketua Pembangkang Dun Kedah itu sebagai satu lonjakan baru bukan sahaja kepada PPBM tetapi juga akan memperkukuhkan lagi kerjasama Pakatan Harapan dalam usaha mengh-

adapi pilihan raya umum (PRU) yang dijangka diadakan pada bila-bila masa.

"AMANAH Kedah menghormati pilihan yang telah dibuat beliau. Selamat berjuang dan selamat maju jaya bersama PPBM," kata beliau.

## Nafikan tuduhan bukan halau Adun keluar dewan

**GELANG PATAH:** Tindakan Speaker Dewan Undangan Negeri (Dun) Johor Tan Sri Mohamad Aziz menghalau Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Senai Wong Shu Qi amat dikesali kerana beliau hanya mahukan penjelasan berhubung dakwaan rasuah membabitkan Menteri Besar.

Adun Parit Yaani Aminolhuda Hassan melahirkan perasaan kecewa dengan tindakan Speaker yang tidak memberi laluan kepada Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin untuk menjawab isu berkenaan rasuah hartanah itu sebaliknya menghalau

Adun Senai keluar dewan.

Aminolhuda yang juga Pengerusi AMANAH negeri berkata, Wong hanya bertanya dan bukan menuduh Menteri Besar melakukan rasuah.

Sebuah portal baru-baru ini mendakwa Khaled menerima wang berjumlah RM12 juta bagi urusan pemindahan status hartanah Bumiputera kepada bukan Bumiputera.

"Sepatutnya MB Johor perlu menjawab lebih awal dan beliau tidak perlu menunggu sehingga penggulungan sidang dewan.

"Adun Senai, YB Wong han-

ya bertanya sama ada benar MB Johor Datuk Seri Khaled mengambil wang sebanyak RM12 juta dan jika beliau di pihak yang benar, kenyataan penafian perlu dibuat segera," katanya.

Sehubungan itu, Pakatan Harapan negeri akan memas-tikan dakwaan itu disiasat pihak berwajib.

Wong telah diperintah Speaker meninggalkan sidang Dun selepas bertanyakan pembabitan Menteri Besar dalam proses pemindahan kuota hartanah bumiputera kepada bukan bumiputera



Aminolhuda dalam sidang media PH Johor di sudut media Dun Johor, Nusajaya.

## Minda Pengarang

### Keadaan Timur Tengah semakin menggelegak

**T**idak seharipun keadaan di Timur Tengah yang tidak bergelora. Ia penuh dengan sengketa, permusuhan dan perang antara negara. Padahal Timur Tengah adalah negara yang sering diasosiasikan sebagai negara Islam.

Di sanalah terletak Tanah Suci Makkah dan Madinah, terletaknya maqam para anbia seperti di Mesir, Jordan dan lain-lain.

Kini peperangan dan permusuhan terus berlaku di sana. Sengketa antara Arab Saudi dan Mesir bersama negara teluk yang lain menentang dan memulaukan negara Qatar. Belum lagi permusuhannya dengan Iran yang amat membimbangkan dan juga Yamen.

Dalam masa yang sama Amerika dan sekutunya Israel diyakini mempunyai peranan di belakang tabir terhadap sengketa dunia Arab ini. Tidak mungkin Amerika dan Israel sekedar memerhatikan apa yang bergolok di negara Arab itu.

Di sisi lain, terus menggelegak keganasan demi keganasan yang dilakukan oleh penganas Daesh bukan saja di Syria dan Iraq bahkan di kawasan lain.

Keganasan penganas itu dieksport pula ke negara Barat seperti Amerika dan Eropah. Keganasan demi keganasan berterusan mengakibatkan korban jiwa dan harta benda. Bahkan nama baik Islam telah terjejas teruk oleh perbuatan durjana penganas itu.

Perkembangan yang sangat mengerikan ialah serangan ganas penganas di Sunai Utara, Mesir, di mana lelaki bersenjata menyerang sebuah masjid di sana dan mengorbankan sekurang-kurangnya 305 nyawa dan lebih seratus cedera ketika umat Islam menunaikan solat Jummat di masjid tersebut.

Angkatan Udara Mesir telah melancarkan serangan udara ke atas kubu militan dan kenderaan selepas lelaki bersenjata menyerang masjid tersebut. Jurucakap tentera Tamer Rifai

berkata, pihaknya turut menasarkan beberapa kubu militan yang mengandungi senjata dan unsur radikal.

Tentera Udara Mesir memburu elemen militan dan menemui serta memusnahkan beberapa kenderaan yang digunakan dalam serangan.

Selain itu, pasukan keselamatan berjaya menumpaskan semua anggota militan yang berada di dalam kenderaan terbabit.

Setakat ini, tiada individu atau kumpulan mengaku bertanggungjawab mendalangi serangan, namun ia didakwa ada ciri-ciri serangan militan Daesh.

Dalam kejadian itu, serangan bermula selepas letupan di bangunan bersebelahan masjid, sebelum sekumpulan lelaki bersenjata bertindak melepaskan tembakan ke arah jemaah yang sedang menunaikan solat Jumaat.

Penyerang turut melakukan serangan hendap dan menembak ambulans yang sedang membawa mangsa cedera sebelum ketibaan perkhidmatan keselamatan.

Sementara itu sengketa antara sesama negara Arab belum kelihatan akan reda. Bagaimanakah umat Islam boleh mengharapkan kedamaian di jazirah Arab itu.

Sementara itu di negara yang majoritinya umat Islam, seperti Pakistan dan Afghanistan letupan demi letupan, serangan demi serangan terus berlaku dilakukan oleh pelbagai kumpulan. Semuanya menimpakan wajah buruk terhadap Islam.

Ke mana dan di mana OIC atau Persidangan Negara Islam, yang terus tenggelam di tengah sengketa dunia umat Islam. Apa yang telah terjadi kepada OIC itu.

Dalam masa yang sama, jutaan umat Islam Rohingya sedang diburu oleh rejim Myanmar dalam gerakan mereka apa yang dinamakan 'Penghapusan ethnic'. OIC juga membisu. Inilah keadaan yang dihadapi oleh dunia umat Islam.

## Panduan memilih pusat tahfiz

**T**entu ramai anak-anak lepasan UPSR bakal dimasukkan oleh ibu bapa masing-masing ke pusat tahfiz pada tahun depan. Saya ada beberapa saranan kepada ibu bapa yg mempunyai hasrat berkenaan sebagai panduan.

Pastikan anak-anak berminat untuk hafaz al-Quran. Jika tidak, usah paksa mereka. Berilah mereka peluang untuk memilih bidang yang mereka minat, bukan bidang yang kita mahu.

Pilihlah pusat tahfiz yang selamat, mempunyai tenaga pengajar terlatih, punya kurikulum yang baik dan membuka peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yg lebih tinggi.

Usahlah hantar anak-anak ke pusat tahfiz sekadar untuk boleh



Pencerahan Mingguan  
**TANWEER  
USBU'II**

**USTAZ ZOLKHARNAIN ABDIN**  
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

Elakkan pusat tahfiz yang menjadi pusat indoktrinasi kumpulan tertentu. Paling penting, elakkan pusat tahfiz yg berorientasikan politik, apatah lagi politik kepartian. Bahkan, elakkan juga pusat tahfiz yang ditubuhkan oleh parti

Pastikan pusat tahfiz yang dipilih tidak menumpu kpd hafaz al-Quran semata-mata tetapi turut wujud pengajian ilmu-ilmu lain yang menjadi keperluan semasa dan akan datang, khususnya ilmu-ilmu alat seperti bahasa, sains, matematik, seni, kemahiran dan lain-lain.

Ibu bapa perlu mempunyai sumber kewangan yang mencukupi jika menghantar anak-anak ke pusat tahfiz swasta. Apabila mereka berada dalam sistem pengajian di luar daripada sistem arus perdana, dibimbangi pengajian mereka terbantu kerana faktor kewangan.

Jika anak-anak tidak berminat untuk masuk bidang tahfiz seperti kemahuan ibu bapa, usah gundah gulana kerana bidang tahfiz bukanlah satu-satunya bidang yang melayakkan seseorang untuk masuk syurga. Sesiapa saja boleh masuk syurga walau pun tidak hafaz al-Quran kerana syurga boleh dimasuki dengan rahmat Allah, bukan amal hamba.

Akhir sekali, usah terpengaruh dengan janji dan kata-kata manis pengusaha pusat tahfiz. Usah korbankan masa depan anak kita yang menjadi harapan umat dan negara sekadar terpesona dgn pelbagai janji pengusaha pusat tahfiz, apatah lagi pengusaha yang menjual sistem pengajian tahfiz untuk mencari habuan duniawi.

**“...Pastikan pusat tahfiz yang dipilih tidak menumpu kepada hafaz al-Quran semata-mata tetapi turut wujud pengajian ilmu-ilmu lain yg menjadi keperluan semasa dan akan datang, khususnya ilmu-ilmu alat seperti bahasa, sains, matematik, seni, kemahiran dan lain-lain.**

jadi imam solat, tapi letakkan sasaran yg tinggi seperti menjadi ulama sehebat al-Qaradhawi, atau profesional yang hafal al-Quran.

Elakkan pusat tahfiz yang tidak memberi tumpuan kepada hafalan al-Quran tetapi menjadikan pelajar juru kutip derma, berniaga minyak angin, atau berqasidah dan berya hanana di sana sini.

politik.

Usah terpengaruh dengan hanya penampilan lahiriah pelajar pusat tahfiz seperti berserban, pakai rida', cukur kepala, berkain pelikat sepanjang masa, atau berjubah ke mana-mana saja, tapi pilihlah pusat tahfiz yang cemerlang pencapaian akademik dan akhlak pelajarnya.



**“Parti Amanah Negara membimbing dan mendidik rakyat Malaysia agar bersama-sama menggembirakan orang susah, kanak-kanak, bersedia membantu sesama anak Adam.”**

**USTAZ HASANUDDIN MOHD YUNUS**  
Naib Presiden AMANAH



# Bukan semua pemakan dedak

**M**anusia cenderung mencari jalan pintas untuk sampai ke destinasi. Dalam politik, seringkali "matlamat menghalalkan cara" dijadikan alasannya. Ada kalanya ia berlaku ke atas pembangkang. Maklumlah, pembangkang di Malaysia begitu terdesak, kerana terpaksa berdepan dengan sebuah regim yang sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk menjahanamkan musuhnya.

Justeru itu, dengan ruang yang sebegitu sempit, pembangkang sentiasa berwaspada dalam percaturan langkahnya. Pembangkang khuatir sebarang idea atau langkah politik yang terkedepan, atau menongkah arus perdana - sungguhpun betul, gagal diterangkan dengan baik untuk mengolah restu masyarakat. Malah, pembangkang ada kalanya bersikap terlalu "defensif", kerana dikepung dan diserang oleh musuh setiap masa. Seseekali pertikaian berbangkit dari kalangan rakyat dengan hasrat yang murni, malangnya ia disalah-tafsir sebagai sabotaj yang berniat jahat.

Lebih-lebih lagi, kita berada dalam masyarakat yang mempunyai tahap pemahaman dan kesedaran yang berbeza. Kerap kali saya tertarik dengan hujah Hishammuddin Rais, aktivis jalanan yang terkenal. Beliau mampu mer-



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

ungkai satu isu yang rumit dengan bahasa yang mudah. Beberapa logik yang mudah sering dipetik dan diulanginya. Contoh, "Apabila musuh menentang kita, maka ia bermaksud kita berada di jalan yang benar." Maknanya, kita harus meneruskan langkah yang dikritik musuh, kerana inilah yang paling digeruni musuh.

Namun politik jauh lebih rumit daripada logik semudah ini. Hatta skrin televisyen pun sudah berwarna, mustahil dunia ini hanya tinggal hitam dan putih. Begitu juga, skenario politik Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara, selepas melalui gelombang Reformasi 1998, Bersih 1-5, Tsunami Politik 8 Mac 2008 dan 5 Mei 2013 dan sebagainya. Pembangkang bukan lagi pembangkang semata-mata, tetapi juga pemerintah di dua negeri yang terkaya untuk dua penggal berturut-turut. Rakyat mula menilai pembangkang bukan dari kelantangannya bersuara semata-mata, tetapi juga

kemampuannya untuk mengurus-tadbir.

Senario terkini menyaksikan perubahan lanskap politik yang ketara. Pakatan pembangkang kehilangan pembangkang tradisional, PAS; tetapi menyambut penyertaan "bekas diktator" Dr. Mahathir Mohamad di sebaliknya. Perubahan sedemikian tidak menyenangkan pihak tertentu, dan sudah tentu perbezaan pandangan akan berlaku di kalangan kita.

Padahal ia menguji bagaimana kita menangani perbezaan yang timbul, antara yang menyokong dengan yang menolak kerjasama bersama Dr. Mahathir. Agak malang apabila sesetengah di kalangan kita mengambil jalan pintas untuk terus melabel mereka yang berbeza pandangan sebagai "pemakan dedak", sedangkan golongan inilah yang berkongsi idealisme "Reformasi" bersama kita.

Bukan itu sahaja, hujah-hujah untuk mempertahankan kerjasama dengan Dr. Mahathir, telah menafikan perjuangan pembangkang selama ini tanpa disedari. Misalnya, pujian yang melampau terhadap rekod pemerintahan Dr. Mahathir, yang disifatkan sebagai zaman kegemilangan Malaysia. Jikalau itulah keadaannya, untuk apa pembangkang turun ke jalan raya pada tahun 1998 sambil melancarkan "Reformasi"? Mengapa

Dr. Mahathir digelar "Mahazalim" dan "Mahafiraun", malah disindir sebagai "Bapa Mirzan" untuk menggantikan "Bapa Pemodenan" pada hujung abad yang lalu?

Jangan salah faham. Saya berpegang kepada pendirian untuk bersetuju bahawa peristiwa silam tidak wajar menjadi penghalang kita untuk membawa perubahan pada masa depan. Namun, adalah hak untuk aktivis sosial mempersoalkan apakah "perubahan" yang ingin diperjuangkan. Sudah tentu kita tidak berpuas hati sekadar dengan menjatuhkan Najib Razak. Ini perebutan kuasa dalaman Umno. Semestinya aktivis NGO tidak menuntut hanya pertukaran parti pemerintah, ini misi pembangkang. Adalah sangat wajar untuk masyarakat madani menuntut satu jaminan agar perubahan sistem berlaku apabila regim Umno-Barisan Nasional ditumbangkan.

Justeru itu, pembangkang tidak boleh memperlekehkan pertikaian mereka sungguhpun sinis. Jangan pembangkang menyalahkan mereka apabila peristiwa silam diungkit, sebaliknya, pembangkang harus mendesak agar mereka yang bertanggungjawab terhadap kesilapan silam itu memohon maaf, supaya babak sejarah itu ditutup dan masyarakat kita maju ke depan.

Saya tabik kepada beberapa pemimpin pembangkang, yang menyatakan bahawa perjuangan pembangkang akan diteruskan, jikapun satu hari nanti dikhianati Dr. Mahathir. Ia menunjukkan bahawa pembangkang masih tidak buta dalam percaturan langkahnya. Kita akur dengan realiti politik bahawa keterlibatan massa itu penting untuk membawa perubahan. Perubahan itu berperingkat, dan bukan semua pihak berkongsi destinasi akhir yang sama.

Justeru itu, kekuatan Dr. Mahathir diperlukan untuk peringkat ini, sebelum kita menuju ke peringkat selanjutnya. Namun, sepanjang proses ini, kita cuba meyakinkan pengikutnya untuk menyokong perjuangan Reformasi, bukan kita "dimurtadkan" untuk memuja Dr. Mahathir di sebaliknya. Jikapun terpaksa berpisah satu hari nanti, perjuangan "Reformasi" masih kita teruskan.

Di sini kuncinya. Agak-agak siapa yang akan bersama kita untuk meneruskan perjuangan ini, jikalau Dr. Mahathir mengundurkan diri bersama pengikutnya setelah matlamatnya tercapai? Oleh itu, bukankah lebih baik perbezaan strategi hari ini ditangani dengan rasional, agar satu hari nanti, persahabatan masih terjalin untuk kita teruskan perjuangan Reformasi yang belum selesai?

## Contohi sikap terbuka, toleransi Nabi Muhammad s.a.w.

**KETIKA** umat Islam menyambut Maulidul-Rasul, ulangtahun kelahiran Rasulullah s.a.w. kita teringat akan sebuah tulisan Micael H. Hurt dalam bukunya *The 100 - A Ranking Of The Most Influential Persons In History* yang menyebut:

*"He (Muhammad) was the only man in history who was supremely successful on both the religious and secular level." "Mohammad founded and promulgated one of the world great religions, and became centuries after his death, his influence is still powerful and persuasive."*

Ini sebuah pengakuan terus terang bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah pemimpin agung yang berjaya memimpin kehidupan insan berasaskan agama. Dalam istilah yang biasa dan sering diungkapkan ialah 'Mendirikan agama dan siasah dunia'.

Kini umat Islam terus mengingatkannya dengan penuh kasih sayang, mengadakan sambutan Maulidul-Rasul dengan pelbagai cara tradisi.



**CETUSAN MINDA**  
ABDUL SHUKUR HARUN

Disambut dengan perarakan, ceramah dan jamuan diiringi dengan seruan supaya umat Islam mencontohi Rasulullah s.a.w.

Apa yang lebih penting di sini, sebenarnya, ialah melandani perjuangan Rasulullah s.a.w., sikap keterbukaannya, toleransi, pandangan jauhnya, strateginya dan segalanya yang benar-benar menggambarkan ia adalah 'a living Quran', iaitu ia telah 'menghidupkan' Al-Quran dalam seluruh kehidupannya.

Banyak peristiwa yang menggambarkan pandangan jauh dan strategi politiknya - Perjanjian Hudaibiyah, peristiwa Hilful-Fadhul, strategi Taif, Piagam Madinah dan pelbagai lagi.

Perjanjian Hudaibiyah yang mensyaratkan bertukar-tukar tawanan perang, menggambarkan

kan pandangan jauh dan berstrategi Nabi Muhammad s.a.w. yang akhirnya memenangkan umat Islam dengan pembukaan kota Makkah, walaupun Perjanjian Hudaibiyah itu pada mulanya menimbulkan tanda tanya oleh sesetengah para sahabat sendiri.

Sejarah Nabi Muhammad s.a.w. juga merakamkan peristiwa Hilful-Fadhul di Makkah, ketika Nabi Muhammad s.a.w. berumur sekitar 17 tahun.

Waktu itu, kota Makkah dan sekitarnya berkecamuk dengan kejadian rompakan oleh lanun-lanun padang pasir.

Dalam peristiwa itu, seorang pedagang dari Yamen yang membawa dagangan ke Makkah telah dirompak habis barangan-nya. Lalu dia menangis dan masuk ke kawasan Masjidil Haram dan membaca sajak sambil menangis kerana sangat kecewa barangan dangannya habis dirompak.

Peristiwa itu dilihat oleh pemimpin Quraish pada waktu itu, lalu mereka mengambil tindakan menubuhkan pasukan kesela-

matan untuk mengawal keselamatan kota Makkah dari kegiatan rompakan.

Nabi Muhammad s.a.w. yang waktu itu masih sangat remaja, memerhatikan peristiwa tersebut.

Selepas berhijrah ke Madinah, Nabi Muhammad s.a.w. menceritakan peristiwa itu kepada Sayidatina Aishah r.a., lalu Rasulullah s.a.w. memberitahu Sayidatina Aishah r.a. bahawa "Jika aku diajak menyertai pasukan keselamatan itu, nescaya aku akan menyertainya."

"Kalau aku ada unta merah (kenderaan paling mahal waktu itu) nescaya aku akan berikan kepada jawatankuasa keselamatan itu," kata Rasulullah s.a.w.

Ini menggambarkan sikap terbuka dan toleransi Nabi Muhammad s.a.w. yang boleh bekerjasama dengan semua pihak, termasuk non-Muslim.

Kemudian datang Piagam Madinah atau Shahifatul Madinah, juga selepas hijrah. Mengandungi 47 Fasal. Ia sebuah dokumen yang agung, disusun oleh Rasulullah

s.a.w., yang menjadi suatu perjanjian formal antara umat Islam dengan semua suku-suku dan kaum-kaum penting di Yathrib (Madinah).

Dokumen tersebut dengan tujuan utama untuk menghentikan pertentangan sengit antara Bani 'Aus dan Bani Khazraj di Madinah.

Untuk itu dokumen tersebut menetapkan sejumlah hak-hak dan kewajipan bagi kaum Muslimin, kaum Yahudi dan masyarakat pagan Madinah, sehingga mereka menjadi suatu kesatuan masyarakat, yang dalam bahasa Arab disebut ummah dengan konsep saling lindung-melindungi di antara penduduk Madinah tanpa mengira agama dan suku puak.

Oleh itu sangatlah wajar umat Islam mencontohi sikap toleransi dan keterbukaan Nabi Muhammad s.a.w. sepanjang masa.

Malangnya kini apa yang terjadi kepada umat Islam. Berlaku pelbagai sengketa apabila hilangnya keterbukaan dan toleransi.

# Sanggup berlapar 2 jam tunggu petrol percuma

Oleh **ARIF ATAN**

**RAWANG:** Wajahnya tenang ketika ditemui sedang menolak motosikalnya di stesen minyak Petronas Bukit Beruntung, Hulu Selangor jam 8.20 malam itu.

Membawa bersama anak lelaki sulungnya berusia lima tahun, beliau yang mahu dikenali sebagai Roslan, 35, memberitahu ada satu kumpulan NGO mahu memberi petrol percuma.

Berpakaian kemeja-T lusuh berwarna hijau pucuk pisang dengan tertera di belakangnya nama sebuah kilang, Roslan berkata, agihan minyak percuma itu hanya diketahuinya secara kebetulan.

"Tangki motor saya memang kering sangat dah. Singgah tadi ingat nak isi sebab esok, pagi-pagi nak keluar pergi kerja dah.

"Tiba-tiba, rezeki pula ada orang nak bagi minyak 'free'. Tunggulah," ujar pekerja kilang di Rawang sejak 2013 itu kepada Malaysia Dateline yang juga kebetulan berada di lokasi sama.

Berbaris kemudiannya di hadapan meja pendaftaran yang dikendalikan seorang wanita berusia lewat 40-an, Roslan menyambung perbualannya.

"Saya ulang-alik (Bukit Beruntung - Rawang) dekat 15 kilometer juga. Jadi, bila ada orang nak bagi minyak free ini, jimat sikit duit belanja," ujarnya menanti giliran untuk pendaftaran.

Seusai dua orang anak muda di

hadapannya mendaftar, tiba giliran Roslan. Sama seperti mereka yang lain, beliau diminta menunjukkan kad pengenalan selain dipinta menyebutkan nombor telefon.

Selepas mendaftar, Roslan duduk di kaki lima stesen minyak itu menantikan agihan bermula bersama anak lelakinya yang dipanggil Amirul.

Tidak lama selepas itu, pengumuman melalui siaraya ke udara memaklumkan minyak akan mula diisi jam 8.45 malam.

Roslan selanjutnya berkongsi tentang situasi kos sara hidup yang dihadapinya pada masa ini. Beliau mengakui begitu terpuak dengan harga barang makanan dan barangan yang semakin naik.

Akibatnya, jelas anak jati Pahang itu, pendapatan bulanan diperolehnya tidak mencukupi menampung hidupnya sekeluarga.

Gaji asasnya hanya RM1,300 dan jika dicampur kerja lebih masa paling tinggi pernah dikumpulnya hampir RM1,800 menjelang sambutan Aidilfitri lalu.

"Tapi sekarang OT (over time) pun kurang. Orang kata ekonomi jatuh. Entahlah. Mujur 'orang rumah' (isteri) jadi pembantu klinik swasta di Bukit Sentosa. Dapat juga tolong tampung sikit-sikit duit belanja," ujarnya.

Tanpa segan, Roslan yang juga mempunyai anak perempuan berusia tiga tahun separa berbisik berkata, kerap juga mereka sekeluarga mendapatkan bungkusan bahan makanan mentah percuma

dari Masjid As-Salam di Bukit Sentosa.

"Kalau putus duit belanja terutama tengah-tengah bulan, kami terpaksa tebalkan muka minta makanan percuma pada orang masjid.

"Satu bungkusan itu mereka bagi beras, susu tin, kopi, gula, tepung, bihun dan lain-lain serba sekampit.

"Alhamdulillah. Bolehlah buat 'tahan sesak,'" katanya yang tinggal menyewa di sebuah flat kos rendah terletak kira-kira dua kilometer dari Petronas Bukit Beruntung.

Orang ramai yang kebetulan singgah di Petronas Bukit Beruntung tidak melepaskan peluang mendaftarkan nama menerima agihan petrol percuma.

## TERKILAN

Masa terus beredar dan Roslan terus sabar menanti sambil sesekali merenung deretan orang ramai yang sedang beratur mendaftarkan nama.

Mana-mana yang berusia lebih 40 tahun walaupun berumur 41 tahun dimaklumkan tidak melepasi syarat dan beredar dengan riak wajah yang terkesan sedikit terkilang.

Sementara itu, Roslan ditanya kenapa tidak pulang ke rumah terlebih dahulu seperti disyorkan pihak penganjur program melalui pengumumannya dari semasa ke semasa itu.

Reaksi spontannya hanya tersenyum pahit. Beliau yang berada dalam senarai keenam daripada 60



Orang ramai yang kebetulan singgah di Petronas Bukit Beruntung tidak melepaskan peluang mendaftarkan nama menerima agihan petrol percuma.

penerima petrol percuma itu nampaknya bimbang terlepas jika pulang ke rumah walaupun anaknya sudah mula dilihat gelisah.

Jangkaan minyak mula diisi penuh dalam tangki kapcai pukul 8.45 malam berganjak kepada 15 minit lagi sebelum akhirnya diberitahu pukul 10 malam.

Walau bagaimanapun, RON95 kemudiannya hanya mula masuk ke tangki kapcai penerima pertama dalam senarai itu kira-kira pukul 10.40 malam.

Tiba giliran Roslan selepas lebih dua jam menanti, kapcainya yang kelihatan uzur itu cuba ditegakkan secara 'double stand'. Beliau terlebih dahulu membuka ikatan berupa gumpalan kecil perca kain pada tongkat motornya yang nampak sudah longgar.

Sebaik tangkinya yang kering 'kenyang' diisi penuh minyak, Roslan dilihat sekali lagi tersenyum kecil mungkin membayangkan telah dapat berjimat sebanyak RM5 atau RM6. Sekali lagi beliau beberapa minit perlu menanti kad pengenalannya dipulangkan.

Kelihatan, salah seorang petugas pihak penganjur itu menyemak butiran maklumat Roslan sama seperti penerima terdahulu melalui alat pengimbas khas seperti yang lazim digunakan polis trafik.

Sebaik terpampang nama dan wajah Roslan, petugas itu dilihat memasukkan nombor pendaftaran motor penerima minyak percuma itu sebelum menekan butang 'Simpan'.

"Terima kasih, encik," kata Roslan sejeurus menerima kad pengenalannya kembali dari wakil NGO yang kemudian memperkenalkan diri sebagai 'Team Raja Motor' itu.

Serentak itu juga, petugas berkenaan memberikan sebungkus plastik putih berisi sebiji roti krim dan sebotol air mineral kecil kepada Roslan juga setiap penerima minyak yang lain.

Cepat-cepat nampaknya Amirul membuka bungkusan roti itu dan segera mengunyahnya ketika ayahnya cuba menghidupkan kembali motor kapcai itu untuk pulang ke rumah sewa mereka.

## Isyarat bangkit peneroka buat Umno-BN tidak tidur lena



Salahuddin bergambar bersama peneroka.

**PENGERANG:** Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub yakin para pemimpin Umno-BN kini tidak lagi boleh tidur nyenyak apabila peneroka Felda yang mereka sifatkan sebagai 'pengundi tegar BN' sudah menunjukkan sambutan luar biasa terhadap Pakatan Harapan (PH).

Kehadiran peneroka yang menggalakkan dalam program Luaskan Harapan anjuran PH di Felda Papan Timur, dekat sini, baru-baru ini memberi isyarat berlaku kebangkitan di kalangan mereka yang selama ini dianggap penyokong setia BN.

"Dalam jelajah ceramah 'Luaskan Harapan' yang ber-

langsung di Felda Papan Timur, peneroka Felda menunjukkan gelombang kebangkitan yang hebat apabila hadir beramai-ramai ke program PH.

"Kebiasaannya yang hadir ke ceramah PH di kawasan Felda hanya puluhan orang sahaja, namun pada malam itu, kehadiran mencecah 500 orang.

"Ia adalah suatu fenomena yang membuatkan Umno-BN tidak tidur lena. Hal ini tidak pernah terjangkau oleh akal fikiran kita sebelum ini kerana umum mengetahui undi dari Felda inilah yang selama ini menjadi talian hayat Umno-BN," kata Salahuddin sewaktu berucap.

Naib Presiden PH itu juga ya-

kin kehadiran ramai peneroka itu menjadi isyarat jelas bahawa rakyat kini sedar dengan kerosakan yang dilakukan pemimpin Umno-BN.

"Ini adalah isyarat jelas menandakan Umno-BN sudah ditolak oleh rakyat termasuk peneroka, yang telah berubah untuk bersama-sama memperjuangkan hak mereka dengan menunjukkan sikap hadir ke ceramah PH.

"Gelombang perubahan ini perlu disambut baik PH supaya kita akan terus dilihat sebagai peneraju yang menyambut kebangkitan mereka sekali gus membawa agenda murni untuk memartabatkan rakyat," katanya.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

**EZKEMBARA**  
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI  
DESTINASI  
MENARIK!**

**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
APRIL 13 - 22 APR 2018	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	<b>2,990</b>	<b>2,680</b>

**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	<b>4,199</b>	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	<b>4,199</b>	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	<b>3,999</b>	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	<b>4,100</b>	-
AUTUMN OCTOBER	<b>4,100</b>	-

**PAKEJ UMRAH**

**PAKEJ  
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	<b>7,950</b>	<b>7,650</b>	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	<b>7,550</b>	<b>7,250</b>		
MAC 14 - 25 MAC 2018	<b>7,750</b>	<b>7,250</b>		

**PAKEJ  
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	<b>7,150</b>	<b>6,800</b>	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
MAC 01 - 12 MAC 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		

**PAKEJ  
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	<b>6,790</b>	<b>6,490</b>	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	<b>5,890</b>	<b>5,590</b>		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

# Bangkitkan bai'ah: Ini pentaksub yang kalahkan Pas dalam pilihan raya

Oleh ARIF ATAN

**P**engarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin menyifatkan dakwaan kononnya tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit, Datuk Ir Amiruddin Hamzah melanggar bai'ah apabila menyertai Bersatu datang daripada pemikiran pentaksub Pas.

Menurutnya, tanggapan yang mengaitkan keputusan Ketua Pembangkang Dun Kedah itu dengan bai'ah atau janji sumpah setia untuk memberi ketaatan menjadikan Pas lebih mudah tewas pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Terbaca komen seorang ahli Pas yang ada PhD yang juga rakan saya semasa dalam DPP Pusat dulu berkaitan tindakan Amiruddin masuk PPBM, katanya, 'Dia bukan langgar janji dengan Pas tapi langgar bai'ah dengan Allah'.

"Entah apa-apa cara berfikir pentaksub Pas. Cara berfikir sebegini elok benar terus disuburkan dalam Pas supaya lebih banyak orang keluar Pas dan Pas lebih mudah kalah dalam pilihan raya akan datang," bidasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kedah bukan



Zolkharnain Abidin

lagi negeri yang selamat bagi Pas susulan daripada keputusan beberapa pimpinan Pas negeri tersebut untuk meninggalkan parti dikepalai Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu.

Sebaliknya, tegas Zolkharnain, Kedah yang mempunyai 36 kerusi Dun dan 15 kerusi Parlimen itu bakal dikuasai Pakatan Harapan pada pilihan raya akan datang.

"Pas Kedah kehilangan seorang lagi 'jurutera' politik selepas mereka

kehilangan seorang jurutera (Pahrolrazi) dan seorang doktor (Ismail) yang bersama AMANAH.

"Dengan izin Allah, sejarah kejatuhan BN Kedah akan berulang. Bukan jatuh kepada Pas tapi kepada Pakatan Harapan, kerana Kedah yang banyak pondok dan padi bukan lagi kubu Pas," ujarnya.

Beliau berpendapat kegagalan mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dan Adun Kubang Rotan, Mohd Nasir Mustafa yang mesra Pakatan Harapan juga bukti situasi Pas Kedah pada masa ini.

"Diamnya Pas daripada memecat Mahfuz dan Nasir adalah bukti Pas Kedah semakin mu-



Pemimpin Pas yang meninggalkan parti itu selepas Mukhtamar 2015.

ram," bidas bekas Adun Santan di Perlis itu lagi.

Selepas dua hari pelancaran AMANAH pada 16 September 2015 dengan menyaksikan 16 daripada 17 Ahli Jawatankuasa Pas Pusat Sesi 2013 - 2015 meninggalkan Pas, Abdul Hadi mengeluarkan kenyataan panjang berkenaan bai'ah.

"Pas telah mensyaratkan bai'ah yang dimasukkan di dalamnya sumpah dan laknat dengan penegasan lafaz Allah menjadi saksinya.

"Lafaz bai'ah dalam parti yang berjuang menegakkan Islam seperti Pas adalah beramal dengan Al-Quran, as-sunnah dan ijihad para ulama muktabar yang disahkan oleh ahli majlis syura ulama yang sangat dihormati oleh semua pemimpin, ahli dan penyokong Pas yang istiqamah," katanya.

## Pemimpin Felda, FTP lalui tugas sukar yakinkan peneroka, kata ANAK

**PENGERUSI** Felda Technoplant Sdn Bhd (FTP) Dzulkifli Abd Wahab dan Pengarah Besar Felda yang baru, Abdul Ghani Ali kini berhadapan tugas sukar untuk memulihkan keyakinan peneroka terhadap badan itu.

Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman berkata, beliau mengalu alukan dan menghargai usaha yang dilakukan mereka berdua.

FTP dipertanggungjawabkan menguruskan penanaman semula ladang seluas 239,909.49 hektar milik 59,569 peneroka Felda seluruh negara.

"Memulihkan keyakinan para peneroka diketika Felda dan Felda Technoplant sedang bermasalah adalah misi sangat sukar," kata Mazlan dalam kenyataannya hari ini.

Katanya, isu hutang peneroka tidak kunjung reda, samalah juga soal penyelenggaraan kebun peneroka yang tidak sempurna, yang mengakibatkan pendapatan peneroka rendah dan tidak berbaloi dengan harga yang agak stabil.

Manurut Mazlan, ANAK tidak tahu apa jaminan yang dibuat oleh Pengerusi Felda, Shahrir Samad ketika berkali kali memujuk

Dzulkifli menerajui FTPSB. Juga kesediaan Hj Abd Ghani, 60, yang berada di ambang pencen.

Dengan tidak menafikan hak Felda/FTP mendapatkan semula kos tanam semula dan pinjaman Sara hidup, mestilah disusuli dengan tindakan profesional dan adil bagi kepentingan bersama.

"Pendekatan dua hala dan situasi menang menang (win win situation) dimanfaatkan tanpa emosi dan ego.

"Ugutan untuk mengambil tindakan Undang Undang dan arahan bayar dalam tempoh 14 hari hutang peneroka kepada Felda, akan mengeruhkan lagi keadaan sedia ada," kata beliau merujuk kepada satu surat Felda kepada peneroka yang meminta untuk mengambil alih ladangnya dari pengurusan Felda.

Dalam surat itu, seorang peneroka dikatakan mempunyai RM74, 617 hutang dengan peneroka akibat tanam semula.

Dalam wawancara dengan The Malaysian Insight, Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad memberitahu, hutang peneroka dengan Felda paling banyak adalah lebih RM160,000 iaitu seramai 141 peneroka.

## 'Bena Perang' landa Pas Kedah

**P**as kini hilang hak untuk menjadi Ketua Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Kedah apabila Adun mereka hanya minoriti (7) selepas keluarnya Datuk Amiruddin Hamzah manakala Pakatan Harapan pula majoriti (PKR 4, DAP 2, AMANAH 1 dan Bersatu 2).

Ekoran itu, penyakit 'Bena Perang' didakwa sedang melanda Pas Kedah selepas Ketua Pembangkang negeri itu bertindak meninggalkan parti itu dan menyertai Bersatu.

Penulis politik, Mohd Sayuti Omar menganggap tindakan Amiruddin akan memperkuatkan Pakatan Harapan dan dalam masa yang sama meranapkan PAS Kedah.

Ini kerana beliau adalah tokoh yang dikenali mengetuai Pas Kedah atas sifatnya sebagai ketua pembangkang bukannya pesuruhjaya PAS Kedah yang ada yang kurang dikenali.

"Sebab itu, saya anggap PAS Kedah umpama diserang Bena Perang dengan tindakan Amirud-

din," kata Sayuti merujuk kepada sejenis penyakit padi di negeri jelapang padi itu.

Sayuti yang menulis buku "Kejatuhan Kerajaan Pas Kedah" sebelum ini berkata, penyertaan Amiruddin ke dalam Bersatu bukannya Amanah memperlihatkan kehebatan politik di Kedah.

"Ahli politik di Kedah ada class. Dia rapat dengan Amanah tetapi menyertai Bersatu kerana Bersatu yang memerlukan pemimpin seperti Amiruddin untuk membantu Mukhriz bukannya Amanah yang telah ramai pemimpin sebegini," katanya lagi.

Amiruddin mengumumkan penyertaannya ke dalam Bersatu 26 November lalu dalam satu sidang media bersama pemimpin Bersatu Kedah termasuk Datuk Mukhriz Mahathir.

Sementara itu, tindakan yang diambil oleh Amiruddin mendapat sokongan penuh dari kawan-kawannya dalam AMANAH.

Pengerusi AMANAH Kedah, Dr Ismail Salleh berkata, beliau berbincang dua jam dengan

Amiruddin sebaik sahaja selepas Adun Anak Bukit itu bertemu dengan Pesuruhjaya Pas Kedah, Dr Fakhruddin Fakhruddin.

"Amiruddin bertemu dengan PJ Kedah jam 6 petang. Jam 8 malam kami bertemu dan berbincang panjang. Selepas itulah kita bersetuju beliau sertai Bersatu," kata Ismail yang juga bekas Exco kerajaan negeri Kedah itu.

Menurut Ismail, gelombang sokongan kepada Pakatan Harapan (PH) di Kedah dipacu oleh sokongan orang Melayu kepada Bersatu kerana adanya Dr Mahathir Mohamad, bekas perdana menteri dan Mukhriz Mahathir, bekas Menteri Besar yang dibuang secara yang tidak adil di situ.

Namun begitu, katanya, Bersatu kekurangan pemimpin pertengahan yang hendak menjadi calon yang berwibawa dalam pilihan raya umum akan datang.

"Jadi apabila Amiruddin membuat keputusan itu, saya antara pihak yang awal menyokongnya untuk memperkuatkan PH di negeri ini," kata Ismail.



# Perjanjian Tanam Semula Felda menjerut peneroka

Oleh **KANUN**

**L**EBIH sedekad yang lepas, Felda telah menawarkan skim penanaman semula kelapa sawit kepada peneroka Felda. Lebih daripada 90% peneroka telah memasuki Perjanjian Pengurusan Tanam Semula dan terikat dengan perjanjian itu.

Hampir keseluruhan peneroka yang menandatangani perjanjian itu pasti tidak mendapatkan nasihat guaman dan perundangan sebelum menandatangani perjanjian tersebut.

Walaupun perjanjian itu ditandatangani dengan rela hati oleh peneroka tetapi mereka memasuki perjanjian itu dalam keadaan tidak memahami kesan dan akibat perjanjian itu.

Kesan itu hanya dirasai setelah beberapa tahun perjanjian itu berjalan iaitu apabila mereka merasa kehidupan mereka terhimpit dengan hutang Felda yang bertimbun-timbun sedangkan peneroka yang tidak menandatangani perjanjian itu telah menikmati hasil wang ringgit yang lebih mewah berbanding peneroka yang menandatangani perjanjian itu.

Antara isi penting Perjanjian Tanam Semula itu adalah bahawa peneroka hendaklah bersetuju untuk melantik Felda atau agensi dalam kumpulannya untuk menanam semula kelapa sawit dan seterusnya menjalankan kerja penyelenggaraan.

Kelapa sawit yang berusia 20 tahun ke atas lazimnya adalah sudah tidak produktif dan perlu ditanam semula untuk menjamin hasil sawit yang berterusan.

Atas dasar itu, Felda telah menawarkan untuk mengambil tanggungjawab tanam semula pokok kelapa sawit yang telah tua. Pada masa itu barangkali para peneroka tidak mempunyai modal yang cukup untuk menanam semula kelapa sawit maka Felda telah membuat tawaran tersebut.


Namun, Felda tidak sepatutnya mengambil kesempatan atas kelemahan peneroka itu. Felda tidak seharusnya bertindak sebagai syarikat kapitalis yang memerah setiap nadi dan darah peneroka sebaliknya Felda sebagai sebuah agensi kerajaan harus melindungi dan memberikan kemakmuran rakyatnya.

Menurut perjanjian itu, tanggungjawab penanaman semula itu akan bermula daripada mula pokok sawit itu ditebang. Felda akan menyediakan tenaga kerja, alat dan bahan keperluan pertanian, khidmat teknikal dan pengurusan dalam mengendalikan tanam semula tersebut.

Felda juga akan menyediakan wang tanam semula sawit pada kadar

RM1,700 seekar daripada Tabung Tanam Semula Sawit. Pada lazimnya, setiap peneroka akan diberikan tanah seluas 10 ekar maka wang tanam semula sawit yang diperuntukkan itu akan berjumlah RM17,000.

Di samping itu, Felda juga akan memberikan pendahuluan pendapatan kepada peneroka sejumlah RM50 seekar sebulan sehingga pokok sawit berhasil dari mulanya tempoh tanam semula. Pendahuluan ini bukanlah pemberian ehsan tetapi ianya



adalah pinjaman yang mesti yang setiap sen mestilah dibayar semula melalui hasil sawit yang dihasilkan daripada kebun peneroka.

Sebagai balasan terhadap 'sikap murah hati' Felda itu, peneroka pula perlu untuk menyerahkan kebun sawit mereka kepada Felda apabila diminta oleh Felda ketika bermulanya proses tanam semula itu.

Peneroka tidak boleh membuat apa-apa perkara yang dianggap sebagai gangguan kepada Felda dan selama tempoh itu Felda akan mempunyai milikan ke atas kebun tersebut (possession). Felda akan terus-menerus menguruskan kebun sawit peneroka itu selepas tamat tempoh tanam semula.

Selanjutnya, peneroka juga perlu menanggung beban sekurang-kurangnya empat jenis hutang iaitu, hutang pendahuluan pendapatan yang diterima, hutang caj perkhidmatan Felda, hutang kos pengurusan dan hutang kos penyelenggaraan.

Tambah tidak adil lagi adalah caj perkhidmatan Felda itu akan ditetapkan oleh Felda dari semasa ke semasa. Tiada jumlah tetap yang dinyatakan dalam perjanjian itu melainkan kesemuanya itu bergantung kepada budi-bicara dan pertimbangan Felda sepenuhnya.



Begitu juga dengan kadar kos pengurusan adalah tidak ditetapkan di dalam Perjanjian dan bergantung sepenuhnya kepada budi-bicara dan pertimbangan Felda. Oleh itu, kos ini boleh berubah sesuka hati mengikut budi-bicara Felda.

Felda pula diberikan kuasa eksklusif untuk mengendalikan penjualan hasil dari kebun sawit peneroka dan harga sawit itu juga bergantung sepenuhnya kepada persetujuan antara Felda dan kilang yang membeli hasil sawit itu. Peneroka langsung tidak mempunyai apa-apa hak untuk bersuara jika tidak berpuas hati dengan harga sawit yang dijual.

Kos penyelenggaraan iaitu kos bahan-bahan keperluan pertanian seperti kos buruh, baja dan racun juga akan ditanggung oleh peneroka. Namun, kos penyelenggaraan juga tidak dinyatakan di dalam perjanjian dan bergantung sepenuhnya terhadap apa yang diputuskan oleh Felda.

Meskipun, ada peruntukan dalam perjanjian tersebut yang menyatakan bahawa Felda perlu sedaya-upaya mengawal kos penyelenggaraan supaya peneroka mendapat pulangan maksima namun peruntukan itu sangat longgar dan tidak mengikat Felda untuk melaksanakannya secara mandatori.

Perjanjian ini juga menyatakan bahawa keempat-keempat kos yang harus dibayar oleh peneroka itu mesti dibayar balik melalui hasil kebun sawit peneroka berkenaan. Oleh itu, Felda telah memperketatkan peruntukan perjanjian itu dengan menyatakan bahawa peneroka tidak boleh melepaskan kepentingannya ke atas kebun sawitnya melainkan hutang keempat-keempat kos itu dibayar dan dijelaskan sepenuhnya.

Sementara itu, Felda dibenarkan untuk memasukkan kaveat persendirian di atas tanah itu supaya peneroka tidak boleh membuat sebarang urusaniaga ke atas kebun sawit itu.

Felda juga berhak untuk menamatkan perjanjian itu dengan memberikan satu bulan notis kepada peneroka jika peneroka mungkir mana-mana klausa dalam Perjanjian itu. Walau bagaimanapun hak penamatan yang sama tidak diberikan kepada peneroka. Malah, Felda tidak dianggap memungkir perjanjian itu jika terdapat kegagalan pelaksanaan terhadap apa-apa klausa dalam perjanjian itu disebabkan bencana alam,

tindakan Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan atas apa jua sebab di luar kawalan.

Dalam perjanjian itu, nyata sekali kedudukan peneroka adalah tidak seimbang. Perjanjian itu adalah suatu perjanjian yang tidak adil kepada peneroka kerana peneroka seolah-olah telah memajakkkan kebun sawitnya kepada Felda sedangkan ianya hanyalah perjanjian tanam semula.

Perjanjian itu telah mengikat peneroka dengan ikatan yang kuat sehingga peneroka seolah-olah menjadi seorang pendatang asing di atas tanahnya sendiri.

Sepatutnya sebuah perjanjian yang adil akan menjelaskan butiran perjanjian secara terperinci dan tidak membiarkan satu pihak yang lain untuk menentukan dengan sendiri secara unilateral (sebelah pihak) berapakah kos penyelenggaraan dan kos pengurusan.

Kegagalan untuk menentukan butiran ini secara terperinci membolehkan pihak yang satu lagi mengambil kesempatan untuk menindas pihak yang satu lagi.

Begitu juga, perjanjian ini tidak menjelaskan butiran kemungkinan oleh pihak Felda yang membolehkan peneroka membatalkan perjanjian ini. Ini akan meletakkan peneroka dalam keadaan serba salah kerana hak mereka tidak dijelaskan sepenuhnya.

Begitu juga dengan remedi yang sepatutnya diperolehi jika berlaku kemungkinan dalam perjanjian ini juga

tidak dibutirkan dengan jelas.

Selain itu, tempoh perjanjian ini juga tidak jelas kerana tidak diletakkan tarikh tamat perjanjian atau tarikh penyempurnaan perjanjian. Apa yang dinyatakan adalah secara umum sahaja iaitu setelah segala hutang-piutang habis dibayar baharulah tamat perjanjian itu.

Namun, di sebalik segala kekurangan di pihak peneroka, terdapat peruntukan yang boleh membawa padah kepada Felda jika tidak dipatuhi. Klausa itu adalah berkaitan penyediaan penyata pendapatan dan perbelanjaan yang perlu disediakan pada tiap-tiap suku tahun.

Kegagalan untuk menyediakan penyata adalah suatu bentuk pelanggaran kepada Perjanjian itu.

Oleh itu, jika para peneroka ingin mencabar kes ini di mahkamah, antara perkara yang boleh dituntut adalah tuntutan supaya Felda mengemukakan laporan pendapatan dan perbelanjaan tiap suku tahun bermula dari tarikh permulaan perjanjian itu.

Alternatif lain adalah untuk peneroka menggunakan kuasa undi mereka untuk menolak BN dalam PRU 14. Jika Pakatan Harapan berjaya memenangi Putrajaya dalam PRU 14 maka antara janji Pakatan adalah untuk memulihkan Felda dalam tempoh 100 hari memegang tampuk pemerintahan.

Kerajaan Pakatan Harapan kelak akan menyemak semula perjanjian ini demi memastikan hak peneroka akan terus terbelah.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:  
luqman.malaysiadateline@gmail.com  
Sebelum 30 November 2017

# Dakwa pelajar UiTM 'slow learner' satu penghinaan

**KUALA LUMPUR:** Setiausaha Agung Umno Datuk Tengku Adnan Mansor tidak wajar menghina pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai pelajar lembab (slow learner) yang tidak layak memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Sehubungan itu Ketua Pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menggesa Menteri Wilayah Persekutuan itu menarik balik kenyataan beliau.

Adnan dilapor membuat kenyataan itu ketika membangkitkan sumbangan Umno kepada pelajar Melayu BUMiputera semasa berucap di majlis Anugerah Nadi Negara 2017 di Kuala Lumpur, 25 Nov lalu.

"Pemuda PPBM mendesak Ku Nan menarik semula kenyataan

dangkal ini. Semua pelajar adalah aset kepada negara.

"Beliau harus menilai pengorbanan ratusan ribu graduan dan pelajar UiTM yang telah banyak mencurahkan jasa dan bakti untuk bersama membangunkan bangsa dan negara.

"Ini merupakan satu penghinaan kepada ribuan pelajar yang menuntut di UiTM," tegas beliau.

Menurut Syed Sadiq, ratusan ribu graduan dan pelajar UiTM telah banyak mencurahkan jasa dan bakti mereka untuk membangunkan bangsa dan negara.

Tengku Adnan atau lebih dikenali sebagai Ku Nan dpetik sebagai berkata, "Kalau 'slow learner' masuk UiTM".

Syed Saddiq menjelaskan, Laporan Penarafan Kebolehpasaran Graduan Dunia QS2018 telah menyenaraikan UiTM sebagai



Syed Saddiq Abdul Rahman

antara tiga universiti terbaik di Malaysia.

"Mampukah universiti 'slow learner' memasarkan graduan mereka pada tahap yang tinggi?"

"Manakala dalam dunia perdebatan pula, tiga orang tokoh debat



Tengku Adnan Mansor

yang disegani di pentas dunia datangnya daripada UiTM iaitu Mifzal Mohd, Jasmine Ho dan Maimunah Mokhsin (Pendebat Terbaik Asia)," terangnya.

Justeru beliau berkata, kenyataan dangkal Ku Nan ini tidak sepat-

utnya datang daripada seseorang yang berstatus menteri.

Ini kerana kenyataan sedemikian ujanya lagi, akan memberikan lebih banyak impak yang negatif terhadap pelajar UiTM.

"Ini akan mengakibatkan diskriminasi yang lebih teruk terhadap mereka.

"Dahulu, ribuan pelajar UiTM dikerah untuk hadir sambutan ulang tahun Umno. Kini, Ku Nan merendah-rendahkan status mereka. Jelas lagi bersuluh, pelajar ini diperalatkan mereka untuk kepentingan parti sahaja.

"Ku Nan sebagai menteri sepatutnya membantu mereka bukannya mengeruhkan lagi keadaan. Cukuplah dengan tanggapan salah segelintir masyarakat yang memandang rendah dengan keupayaan mereka. Jangan mencurahkan minyak ke api," ujarnya.

## Khalid kekal MP Shah Alam, denda dikurangkan

**SHAH ALAM:** Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, 24 Nov lalu, mengurangkan hukuman denda Ahli Parlimen Shah Alam daripada RM2,900 kepada RM1,900 sekaligus menyelamatkan Khalid Samad sebagai ahli parlimen.

Namun begitu, Khalid masih disabitkan bersalah di atas pertuduhan mengajar tanpa tauliah yang menyalahi Enakmen Agama Islam Selangor.

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Salehan Yatim memutuskan demikian selepas menerima rayuan Khalid untuk mengurangkan denda itu.

Mahkamah menyatakan hukuman denda RM2,900 itu boleh menyebabkan kesan serius kepada Khalid kerana boleh menyebabkan beliau hilang kalayakan sebagai ahli parlimen sekaligus rakyat Shah Alam akan kehilangan wakil rakyat

mereka.

Dalam perbicaraan pagi ini, Khalid merayu keputusan Mahkamah Rendah Syariah pada 19 Januari lalu yang mensabitkan beliau bersalah di atas tuduhan mengajar tanpa tauliah dan dijatuhi hukuman denda RM2,900 atau dua bulan penjara.

Berdasarkan undang-undang pilihan raya, Khalid gugur sebagai wakil rakyat jika

didenda melebihi RM2,000.

Khalid didakwa memberikan ceramah tanpa tauliah di Surau Taman Seri Sementa Klang pada 16 Ogos 2011 lalu yang melanggar Seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (2003).

Beliau diwakili peguam Dr Zulkarnain Luqman manakala defendan diwakili pendakwa syarie Aiman Roslan.

## Kongsi gelap di sekolah perlu dibendung

**KUALA LUMPUR:** Kegiatan kongsi gelap di sekolah dikhuatiri semakin tenat dan perlu usaha pembanterasannya segera, kata Timbalan Setiausaha Agung DAP, V Sivakumar.

Kata beliau, kebelakangan ini isu kegiatan kongsi gelap di kalangan pelajar-pelajar sekolah menjadi semakin ketara.

"Sewaktu perbahasan Bajet 2018 di peringkat Jawatankuasa, saya telah membangkitkan isu penglibatan pelajar-pelajar sekolah dalam kegiatan kongsi gelap," kata Ahli Parlimen Batu Gajah itu dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Katanya, sering didengari bahawa sekolah menengah menjadi sasaran kumpulan kongsi gelap untuk merekrut anak buah yang baru.

Pelajar-pelajar, katanya dipukau dengan pelbagai pemberian mewah dan wang ringgit yang lumayan.

"Tetapi saya tidak nampak inisiatif yang

serius untuk membendung masalah ini," katanya bimbang.

Pergaduhan diantara kumpulan-kumpulan kongsi gelap dan kes-kes buli, tambah Sivakumar amat kerap berlaku di sekolah-sekolah menengah.

"Saya telah meminta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kes kongsi gelap yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah.

"Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri terhadap pelajar-pelajar yang ditangkap terlibat dengan kegiatan kongsi gelap?"

"Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan untuk menghindari pelajar-pelajar sekolah terlibat dalam kumpulan-kumpulan kongsi gelap?" soal beliau.

Sivakumar menyarankan Kementerian Pendidikan menjalankan kajian terperinci mengenai isu penglibatan pelajar-pelajar

dalam kongsi gelap.

"Ini adalah penting untuk menyelamatkan anak-anak kita daripada gejala negatif yang boleh merosakkan masa hadapan mereka.

"Penglibatan dalam kumpulan kongsi gelap ini akan mendorong mereka melakukan jenayah seperti mengedar dadah, mencuri, membunuh dan sebagainya," katanya.

Menurut beliau, walaupun faktor persekitaran boleh dianggap sebagai penyebab utama kegiatan kongsi gelap, peranan ibu bapa dan guru-guru sekolah juga tidak boleh dipandang ringan.

"Ibu bapa harus memerhati segala tindak tanduk dan kegiatan anak-anak mereka. Disamping itu, perubahan perwatakan anak-anak harus sentiasa diawasi.

"Guru-guru sekolah juga harus mengenal pasti dan bertindak tegas terhadap murid-murid yang mempunyai sifat atau

perwatakan jahat dan luar biasa," katanya yang juga Ketua Setiausaha Pakatan Harapan Perak.

Pentadbir sekolah, katanya harus memastikan pihak luar terutamanya anggota kumpulan kongsi gelap tidak memasuki kawasan sekolah dan persekitarannya.

Antaranya dengan melarang pelajar-pelajar sekolah mengadakan hubungan komunikasi dengan anasir-anasir jahat di luar.

Pihak polis juga, katanya harus mengadakan rondaan yang kerap di kawasan persekitaran sekolah untuk memastikan keselamatan pelajar-pelajar.

Ini juga boleh mencegah pelajar-pelajar daripada pengaruh kongsi gelap.

"Kementerian Pendidikan dengan kerjasama polis harus memastikan anak-anak kita di sekolah selamat daripada dipengaruhi oleh kongsi gelap," kata beliau.

# Serum Alami keluaran Dr. Olive Bodycare

Assalamualaikum dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jeragat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti musim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembab. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat dipasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak

kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu efektif, utamanya untuk jenis kulit yang kering.

## Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein

ini sangat diperlukan untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat mneyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan anti-oxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakkan yang berpunca daripada persekitaran.

## Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jeragat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia nampak sedikit sahaja di dalam botol

yang kecil. Sebelum menggunakan serum, muka hendaklah dicuci terlebih dahulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin.

Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!!

Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

**SERUM**

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

**20% Sale**  
DISCOUNT

Serum 5ml  
RM 31.90

Serum 20ml  
RM 127.70

**DR. OLIVE BODY CARE**

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal  
SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DEODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

+6019 578 7998

drolivebodycare@gmail.com  
www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

## Rumah mahal bukti kegagalan BN sedia keperluan asas rakyat

**BARU-BARU** ini Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah menyatakan peringatan penting kepada kerajaan negeri untuk secara serius menyelesaikan masalah harga rumah yang terlalu mahal bagi dimiliki oleh rakyat Johor.

TuanKu menyebut dengan jelas, "Hakikatnya rumah yang dibina tidak mampu dimiliki oleh rakyat..tetapi hanya mampu lihat sahaja..." sewaktu memberikan ucapan perasmian di *Star Property.my Awards 2017*.

Saya memandang serius gesaan yang dilontarkan TuanKu Sultan Johor yang mahukan seluruh rakyat Johor tanpa mengira bangsa, agama dan kelas pendapatan untuk memiliki rumah

yang benar-benar mampu milik demi kesejahteraan rakyat Johor.

Pastinya peringatan ini adalah tamparan besar kepada kerajaan negeri Johor yang tiada dasar perumahan yang jelas untuk memandu agenda perumahan mampu milik negeri Johor dalam jangka masa pendek dan panjang.

Tambahan itu, Bank Negara juga telah memberi amaran keras kepada negeri Johor atas lambakan perumahan tertinggi yang tidak terjual di Malaysia! Analisis yang dijalankan mendapati berpunca ketidakpadanan harga rumah yang ditawarkan di pasaran dengan pendapatan rakyat Johor.

Jelasnya, saya yakin masalah ini boleh diselesaikan dengan lebih holistik seki-

ranya usaha kerjasama dapat dilangsungkan dengan semua pemain-pemain pasaran hartanah seperti pelbagai pihak pemaju, persatuan bank-bank, persatuan pembeli, kerajaan tempatan dan lain-lain pihak berkepentingan.

Hal ini bukan perkara baharu, ramai negara maju telah laksanakan. "Multiple ways communication" adalah kunci untuk memastikan sesebuah polisi itu adil kepada semua pihak atau 'win-win' (menang-menang) agar agenda perumahan mampu milik di negeri Johor dapat digalakkan dengan lebih giat.

Justeru, ingin saya tekankan bahawa Pakatan Harapan Negeri Johor meletakkan agenda perumahan di negeri Johor sebagai kriteria asas dalam memban-



**PENDAPAT**  
**SALAHUDDIN AYUB**

gunkan negeri Johor. Malah beberapa pelan strategik telah dirancang sebagai persiapan untuk mentadbir negeri Johor dengan lebih baik berbanding kerajaan yang ada hari ini.

■ **Salahuddin Ayub ialah Timbalan Presiden AMANAH dan Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan Johor.**

## Edra sasarkan dana awam untuk pinjaman RM5.28 bilion?

**SAYA** merujuk kepada dua laporan *Bernama* mengenai perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku melibatkan Edra Energy, syarikat penjana elektrik kedua terbesar negara (selepas TNB) yang dijual kepada syarikat milik Kerajaan China oleh 1MDB.

Laporan-laporan tersebut adalah 'Edra power poised to raise RM5.28b for Malacca plant' (25 Nov 2017) dan 'Edra's largest power plant project in M'sia to start operations in 2021' (12 Nov 2017).

Butiran-butiran berikut adalah penting untuk memberikan latar belakang kenapa perkembangan-perkembangan yang dilaporkan oleh *Bernama* seperti di atas wajar diberi perhatian serius oleh rakyat:

i. Lesen menjana elektrik bagi stesen jana kuasa yang kini dimiliki oleh Edra pada asalnya diberikan kepada dua orang kroni BN iaitu syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Ananda Krishnan dan Genting;

ii. 1MDB kemudiannya meminjam berbilion ringgit untuk membeli stesen-stesen jana kuasa ini pada harga yang jauh lebih mahal dari harga pasarnya ketika itu dengan alasan untuk menjadi syarikat penjana elektrik yang terbesar;

iii. 1MDB juga mendapat lesen untuk membina stesen jana kuasa elektrik terbesar di Malaysia seperti yang dilaporkan *Bernama* pada 12 Nov 2017, sedangkan 1MDB tidak pernah ada pengalaman menguruskan syarikat penjanaan elektrik;

iv. Rancangan 1MDB untuk menerbitkan saham untuk mengumpul modal membiayai pembinaan stesen jana kuasa elektrik gagal kerana dikhuatiri tidak mendapat sambutan. Menjelang 2015, Edra (yang

ketika itu milik penuh 1MDB) menghadapi masalah kerana dibebani hutang yang tinggi;

v. TNB menawarkan sekitar RM8 bilion yang difikirkan nilai semasa Edra pada ketika itu tetapi ditolak oleh pentadbiran Datuk Seri Najib Razak atas alasan ia terlalu rendah;

vi. Sebaliknya, pentadbiran Najib menjual Edra kepada CGN (sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan China) walaupun ia melanggar peraturan Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan pegangan asing di dalam aset penjana tenaga melebihi 49%;

vii. Penjualan Edra kepada CGN dalam tahun 2015 pada harga RM9.83 bilion diuaruakan oleh 1MDB sebagai satu bukti keyakinan China kepada 1MDB dan ekonomi Malaysia yang membawa masuk pelaburan asing ke negara ini.

*Bernama* melaporkan bahawa Edra bercadang meminjam sehingga RM5.28 bilion, iaitu sehingga 80% dari pembiayaan yang diperlukan untuk membina stesen jana kuasa Alor Gajah yang boleh menjana 2,242 MW, iaitu stesen jana kuasa terbesar di negara ini apabila ia beroperasi dalam tahun 2021.

Pinjaman ini akan diperolehi melalui penerbitan kertas-kertas hutang sukuk yang kini sedang dalam proses untuk diterbitkan. Malah *Bernama* melaporkan kenyataan Fiona Chan, Naib Presiden Kewangan Edra yang secara jelas menyebut bahawa, "Edra mensasarkan dana-dana besar seperti KWSP, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan syarikat-syarikat insuran". Apabila ditanya adakah Edra hanya menumpukan

kepada dana dari sumber tempatan Fiona Chan dipetik berkata, "Ada cukup ringgit di pasaran tempatan untuk membiayai projek ini, jadi memang tumpuan adalah kepada sumber tempatan".

Saya menimbulkan perkara ini kerana saya telah memberi amaran sebelum ini bahawa projek-projek besar yang diberikan kepada syarikat China akhirnya akan dibiayai oleh rakyat Malaysia juga. Jelas sekarang bahawa "pelaburan dari China" yang diuar-uarkan oleh Datuk Seri Najib itu tidak wujud, sebaliknya yang berlaku ialah projek hanya diberikan kepada syarikat China, kerja-kerja diberikan kontraktor China tetapi dibiayai oleh rakyat Malaysia.

Perkara ini sedang berlaku di dalam Edra, seperti yang dilaporkan oleh 2 laporan *Bernama* di atas:

i. Ketua Pegawai Operasi Edra, Datuk Mohamad Noor Ali mengakui sendiri bahawa hanya 30% dari projek tersebut mempunyai kandungan tempatan (local content) – bermakna 70% dari bahan-bahan, kerja-kerja dan segala keuntungan projek akan diberikan kepada syarikat China;

ii. Jika hanya 30% dari projek mempunyai kandungan tempatan, berapa jumlah pekerjaan yang akan diberikan kepada pekerja tempatan?

iii. Projek ini dibiayai pula oleh wang KWSP dan dana pencen rakyat melalui KWAP, bukannya melalui wang yang dibawa masuk oleh syarikat China;

iv. Dengan beroperasinya stesen jana kuasa Alor Gajah ini, Edra milik negara China ini menjadi pembekal utama elektrik kepada TNB yang menyebabkan pergan-



**PENDAPAT**  
**RAFIZI RAMLI**

tungan kepada syarikat China untuk membekalkan elektrik naik mendadak; dan

v. Edra dilaporkan masih berhasrat untuk menerbitkan saham-sahamnya yang sudah tentu dibeli lagi oleh institusi pelaburan rakyat yang bermakna keseluruhan keuntungan syarikat China ini dibiayai oleh rakyat Malaysia.

Saya mahu Datuk Seri Najib menjawab sendiri berapa peratusan tenaga elektrik negara yang akan dibekalkan oleh syarikat China ini yang perlu dibeli oleh TNB.

Saya juga mendesak Datuk Seri Najib mengotakan janjinya bahawa penjualan bekas anak syarikat 1MDB ini kepada syarikat China adalah demi keuntungan dan mendapatkan pelaburan asing – dalam kedua-dua aspek jelas bahawa rakyat Malaysia sekali lagi tertipu apabila kedua-dua perkara itu tidak berlaku.

Sepatutnya aset penjana elektrik Edra dijual kepada TNB dalam tahun 2015 untuk membantu menstabilkan harga elektrik dan memastikan dana rakyat tidak tiris membiayai syarikat-syarikat asing seperti yang berlaku sekarang.

■ **Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**

# Johor perlu ambil serius amaran Bank Negara

Oleh **HUSIN MAHAT**

**B**ATU PAHAT: Kerajaan Negeri Johor digesa mengambil serius amaran keras Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung ketidakseimbangan pasaran harta tanah yang semakin kritikal di negeri itu dan mengambil langkah segera dan berkesan bagi memenuhi keperluan rakyat untuk mendapatkan rumah kediaman yang sesuai dengan kemampuan mereka.

Sehubungan itu Naib Presiden Pakatan Harapan (PH) Salahuddin Ayub mahu kerajaan negeri memastikan penyediaan rumah mampu milik di Johor diselenggarakan dengan baik dan lebih rumah yang

tidak terjual ekoran harga yang tinggi diatasi.

Salahuddin yang juga Tim-balan Presiden AMANAH memetik laporan Buletin Suku Tahunan 2017 BNM yang mendedahkan bahawa Johor mempunyai jumlah rumah tidak terjual tertinggi di Malaysia pada kadar 27% daripada jumlah hartanah yang tidak terjual di negara ini.

"Punca kepada banyak rumah tidak terjual adalah disebabkan oleh ketidakpadanan harga rumah dengan kemampuan isi rumah di Johor yang semakin hari semakin kritikal.

"Kewujudan rumah mahal atau tidak mampu milik semakin mendominasi

pasaran perumahan di Johor," katanya.

Keadaan ini, ujarnya mengakibatkan semakin ramai generasi muda di Johor yang tidak memiliki rumah dan tidak hairanlah jika BNM memberi amaran keras kepada kerajaan negeri.

"Saya menggesa agar Kerajaan Negeri Johor berhati-hati dalam meluluskan sebarang projek perumahan akan datang.

"Saya juga ingin memetik laporan rasmi oleh Khazanah Research Institute (KRI) dalam laporannya 'Making Housing Affordable' yang juga meletakkan Johor sebagai julat 4.2 pada tahun 2016 yang meletakkan rumah di Johor sebagai 'seriously unaffordable' atau

sangat tidak mampu milik berdasarkan pendapatan median rakyat Johor," tegas Salahuddin.

Sehubungan itu, beliau menggesa kepincangan ini tidak dibiarkan berlarutan sehingga pihak lain terpaksa membantu membina rumah mampu milik bagi memenuhi permintaan rakyat negeri ini.

"Justeru, saya ingin memberi amaran kepada Kerajaan Negeri Johor untuk bertindak segera agar masalah ini tidak berlarutan dan rakyat mendapat manfaat yang terbanyak dalam sebarang pembinaan rumah kediaman di Johor," tegasnya lagi.

## TMB Kelantan disaran tidak 'berpusing jauh'

**KOTA BHARU:** Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Abdullah dinasihati agar tidak 'berpusing jauh' menafikan tanah hutan seluas 5,500 ekar telah diluluskan Akademi Yakin Sdn Bhd yang dipengerusikan olehnya kepada tiga syarikat berkaitan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa berkata, ini kerana surat kelulusan bertarikh 3 Oktober 2016 telah dikeluarkan dan Mohd Amar sendiri tidak menafikan kelulusan ini.

Perkara yang perlu dijelaskan Mohd Amar adalah atas alasan apa kelulusan itu diberikan dan soalan itu telah diajukan beliau dalam sidang Dun Kelantan baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan media, Husam menegaskan bahawa kelulusan di peringkat Akademi Yakin adalah fakta yang tidak dinafikan dan selaku pengerusi syarikat tersebut dan juga pengerusi jawatankuasa tanah negeri, Mohd Amar perlu lebih bertanggung jawab menjelaskan isu sebenar.

Menurut Husam, beliau mempertikai kewajaran tanah itu dianugerahkan kepada tiga syarikat terbabit memandangkan salah sebuah syarikat berkenaan mengalami kerugian RM3.7 juta mana-

kala dua lagi tanpa rekod kewangan.

"Bermakna kemampuan kewangan syarikat adalah meragukan. Tetapi kenapa Akademi Yakin luluskan? TMB tak payah berpusing jauh," ujarnya.

Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan, ujar Husam telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 22 Mei 2017 melalui Akademi Yakin supaya tiga syarikat itu membuat bayaran deposit berjumlah RM4.683 juta.

"Bayaran deposit untuk dilulus atau ditolak? Untuk apa bayar deposit berjuta-juta untuk permohonan ditolak?"

"Maknanya ia dalam proses kelulusan penuh. Bayaran deposit adalah syarat kelulusan penuh. Kelulusan dasar sudah selesai.

"Termasuk dalam senarai bayaran itu ialah hasil tahunan, pendaftaran dan pengeluaran hak milik dan harga batu sempadan. Batu sempadan apa kalau (permohonan) ditolak?" tingkat Husam.

Husam yang juga Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan yakin 'percubaan' meluluskan tanah itu sudah ada namun pendedahan beliau menyebabkan kelulusan terbantut.

"Lalu TMB mula mereka cerita," katanya.

Mengenai hasil kayu balak dari tanah hutan itu yang didakwa akan ditender, Husam berkata adalah mustahil laporan kedudukan tanah dan isi tanah tidak dimaklumkan terlebih dahulu oleh PTG dan Jabatan Hutan sebelum kelulusan diberi kepada syarikat terbabit.

"Jawapan untuk menender hasil kayu hanya datang selepas saya bangkitkan isu ini. Kalau tidak, hasil balak itulah ulam yang paling sedap," ujar beliau.

Mohd Amar Nik Abdullah Mohd Amar pada sesi penggulungan sidang Bajet 2018 Dun Kelantan, 22 Nov lalu menafikan dakwaan Husam mengenai kelulusan tanah seluas 5,500 ekar itu.

Menurutnya, permohonan tanah di Kuala Pahi, Kuala Krai itu dibuat oleh tiga syarikat melalui Akademi Yakin dan belum diluluskan sehingga sekarang.

"Tiga syarikat ini telah kemukakan cadangan kepada Akademi Yakin, kebetulan saya pengerusinya. Menjadi kebiasaan kita mana-mana pelabur yang berminat mereka perlu mencari tanah dan mencadangkan projek kepada agensi-agensinya kerajaan negeri.

"Apabila kita buat perbincangan dengan mengambil kira latar belakang syarikat, Lembaga Pengarah (Akademi

Yakin) berpuas hati dengan kesungguhan dan kemampuan syarikat serta meluluskan projek ladang kelapa sawit.

"Maka Akademi Yakin buat permohonan kepada PTG (Pejabat Tanah dan Galian) dan (kini) masih di peringkat permohonan," katanya.

Mohd Amar juga mendakwa wang premium tanah bernilai RM4.7 juta yang perlu dibayar tiga syarikat terbabit kepada PTG adalah sebagai proses pertimbangan projek itu sebelum dilaksanakan.

"Itu cara kita nak nilai kemampuan syarikat, kalau dia tak bayar maka berhenti setakat itu sajalah.

"Jadi isu ini tak berbangkit kerana masih di peringkat permohonan, kerajaan negeri tak luluskan lagi," katanya yang juga Adun Panchor.

Mohd Amar juga mendakwa tindakan kerajaan negeri tidak mengeluarkan tender terbuka tidak berbangkit kerana ia amalan biasa apabila syarikat itu sendiri berusaha mencari tanah untuk dilaksanakan projek.

"Lainlah kalau tanah tersebut ada kayu (balak) yang perlu dikeluarkan (tebang), kerajaan menetapkan kayu itu perlu ditender," katanya.

## Ahli politik janganancam sekolah kebangsaan

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) menggesa supaya ahli politik tidak sewenang-wenangnya mencampuri sekali gus mengancam kewujudan sekolah kebangsaan.

Presidennya, Dr Mohamad Saleeh Rahamad, berkata cadangan supaya sekolah aliran Inggeris ditubuhkan semula di negara ini tidak harus dilayan memandangkan bercanggah dengan dasar sedia ada.

"Saranan itu tidak lagi perlu dibahaskan berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Itu sudah muktamad dan tidak sepatutnya dilanggar tapi orang politik ini degil," tegasnya.

Mengulas cadangan daripada Men-

teri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan itu, beliau berkata, Ahli Parlimen Kota Belud itu bukannya Menteri Pendidikan.

"Kenyataan Datuk Rahman Dahlan ini bukannya datang daripada Menteri Pendidikan. Beliau hanya menteri di JPM. bagaimanapun ada implikasinya kerana beliau pemimpin politik dan ada suara dalam Kabinet.

"Adakah beliau mahu menguji pandangan masyarakat bagi pihak Menteri Pendidikan atau mahu sabotaj menteri menjelang PRU (Pilihan Raya Umum) ini?" bidasnya ketika dihubungi *Malaysia Dateline*.

Menurut Saleeh, mengatasi kelemahan bahasa Inggeris bukan matlamat utama pendidikan kebangsaan seperti termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

"Paling penting ialah pembentukan negara bangsa dan penyampaian ilmu. Bahasa Inggeris hanya alat dan penguasaannya perlu ditangani dengan kaedah pengajaran yang sesuai," ujarnya.

"Pelbagai kaedah tidak berkesan kerana bersifat berkompok serta bersifat tidak menyeluruh. Janganlah ahli politik mencari masalah lagi," tegas Saleeh lagi. Baru-baru ini, Rahman dilapor berkata, sekolah aliran Inggeris penting kerana

banyak kajian mendapati pekerja pada masa akan datang berdepan cabaran jika tidak memiliki kepakaran yang berseesuaian untuk berhadapan dengan teknologi baharu.

"Saya percaya sekolah (aliran) Inggeris perlu ditubuhkan di negara ini kerana kita ada sekolah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah swasta, sekolah agama, sekolah antarabangsa dan macam-macam sekolah jadi apa salahnya kita ada sekolah (aliran) Inggeris," ujar Rahman.

Sebelum ini, kerajaan memberi kelonggaran syarat lulus Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untukantikan pegawai perubatan UD41 kontrak.

# Kenapa projek 1MDB dikecuali arahan henti bina?

**KUALA LUMPUR:** Tindakan tidak konsisten Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menjalankan arahan kerajaan berhubung moratorium ke atas pembekuan pembangunan hartanah mewah di ibu kota menimbulkan persoalan.

Kabinet sebelum ini mengarahkan DBKL agar menghentikan sementara kelulusan semua projek pembangunan mewah yang bernilai lebih RM1 juta susulan amaran Bank Negara mengenai ketidakseimbangan pasaran hartanah di negara ini.

Bagaimanapun, Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Mohd. Amin Nordin Abd.

Aziz memaklumkan projek Bandar Malaysia tidak akan dikenakan larangan berkenaan Memandangkan pembekuan itu tidak bersifat menyeluruh.

"Kami belum menerima sebarang permohonan dari Bandar Malaysia, tetapi tidak, kerana ia bukan satu larangan (menyeluruh). Bagi pembangunan tertentu, ini boleh diluluskan," katanya seperti dilapor Malaysiakini.

Ekoran itu, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua bertanya sama ada pembinaan menara pejabat di Tun Razak Exchange yang memakan kos ratusan juta ringgit akan turut diberikan pengecualian oleh DBKL.

"Dalam masa sama, diumumkan semalam bahawa IJM akan membina sebuah menara pejabat berharga RM500 juta di Tun Razak Exchange selepas mengambil alih anak syarikat TRX City, Fairview Valley Sdn Bhd.

"Adakah menara baru ini, yang dianggarkan berukuran 560,000 kaki persegi akan turut dikecualikan daripada larangan tersebut?" soalnya yang juga Setiausaha Publisiti DAP.

Menurut beliau, pengecualian ke atas dua projek mega berkaitan 1MDB itu akan menyebabkan masalah ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran hartanah di negara ini semakin meruncing.

"Jika projek 486 ekar Bandar Malaysia dan 70 ekar Tun Razak Exchange menerima pengecualian larangan automatik tersebut – bagaimana ia akan dilihat adil kepada pemain industri pembangunan hartanah yang lain di negara ini?"

"Jelas bahawa 'moratorium' itu akan gagal menyelesaikan masalah ketidakseimbangan penawaran-permintaan dalam sektor hartanah kita," ujarnya.

Lebih buruk lagi, katanya pelaburan asing berkemungkinan tidak lagi berminat untuk melabur di negara ini ekoran dasar yang tidak konsisten dan tidak adil seumpama itu.

## Komen harga minyak kementerian undang kemarahan ramai

**KUALA LUMPUR:** Pengguna Facebook 23 Nov lalu berang dengan kenyataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menerusi status yang dimuat naik di media sosial berhubung penurunan harga petrol dan diesel.

Menerusi 'KPDNKK-Laman Rasmi', pentadbirnya menganggap perubahan harga bahan api terbabit sebagai "perangai biasa harga petrol" serta yakin rakyat Malaysia bersyukur dengan harga terbaharu.

"Ada masa IA (harga petrol) naik... ada masa IA turun, ada masa IA kekal.

"Naik, turun dan kekal perangai biasa harga petrol. Ape boleh buat, sebab harga jual petrol ikut tekanan pasaran dunia," dipetik daripada laman itu dengan penggunaan huruf besar dan ejaan yang menyalahi tatabahasa.

Kenyataan pada jam 10.45 malam itu kemudiannya mengundang banyak kecaman dan sindiran pengguna Facebook dengan lebih 500 reaksi dan komentar setakat jam 11 pagi keesokannya.

Menurut pentadbir KPDNKK-Laman Rasmi, kerajaan tetap prihatin dengan kesejahteraan rakyatnya melalui pelbagai inisiatif meliputi pendidikan, peruncitan, kesihatan, pengangkutan, pemilikan rumah dan perdagangan walaupun berlaku perubahan harga jual petrol.

"Dan... hari ini, tekanan pasaran dunia juga berpihak



**Komen harga minyak kementerian undang kemarahan ramai.**

kepada Malaysia!... , HARI INI HARGA PETROL TURUN!!!  
senyuman rakyat dapat diduga terukir.

"Admin percaya! rakyat Malaysia pasti bersyukur dengan

perubahan harga minggu ini, KERANA KITA SEHATI SEJIWA DI TANAH TUMPAH DARAH KITA," ujarnya lagi.

Pada masa sama, status mewakili KPDNKK itu mendedahkan wujud percanggahan logik dalam satu kenyataan yang sama berhubung penetapan harga minyak di pam secara mingguan.

Pada perenggan kedua, harga jual petrol "ikut tekanan pasaran dunia" tetapi seterusnya perenggan keempat dipetik menulis, "tekanan pasaran dunia juga berpihak kepada Malaysia".

Sehubungan itu, orang ramai rata-ratanya menyelar kenyataan KPDNKK termasuk mempersoalkan janji kerajaan untuk menurunkan harga minyak.

Antaranya, pengguna Facebook atas nama Shahar Ipoh berpuas hati kerajaan cepat-cepat menaikkan harga bahan api sejurus harga minyak dunia naik tetapi hanya menurunkan 8 sen apabila rakyat marah.

"Yang rakyat marah, dalam empat bulan naik 40 sen. Dari 2015 sampai 2016 naik berapa sen? Mana janji kerajaan nak turunkan harga minyak. Alasan minyak dunia mahal tapi masa minyak dunia turun mendadak, minyak kita naik.

"Bila rakyat bersuara sedikit, turun 8 sen. Lepas tu cakap pasal syukur," katanya diikuti cadangan agar semua elaun pengangkutan, makan dan penginapan pegawai atasan di KPDNKK dimansuhkan selama setahun.

## Komen harga minyak kementerian undang kemarahan ramai

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah kesal apabila ucapan beliau di Dewan Rakyat mengulas isu larangan petugas kaunter hadapan hotel untuk bertudung disalah tafsir Menteri Pelancongan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

"Saya harap Kementerian Pelancongan ambil inisiatif supaya isu ini diselesaikan dengan win-win situation (situasi menang-menang), supaya umat Islam boleh bekerja di 'front office' dengan menutup aurat mereka dan pihak hotel boleh sesuaikan kepada situasi tempatan.

"Tidak ada salahnya kita 'engage' dengan menerangkan dan memperjelaskan keperluan wajib umat Islam kepada rangkaian

hotel antarabangsa yang beribu pejabat di luar negara," katanya menjelaskan cadangan beliau agar rundingan diadakan dengan pengurusan hotel antarabangsa berhubung isu ini.

Raja Bahrin menambah, kenyataan Menteri Pelancongan supaya beliau jangan jadi rakyat Malaysia dan juga wakil rakyat kerana menyaranakan perkara itu adalah keterlaluan.

"Saya mohon Menteri baca keseluruhan ucapan saya dan jangan emosi dan politikkan isu ini. Islam membenarkan dan menggalakkan perbincangan ke arah kebaikan," tegas beliau.

Raja Bahrin berkata, beliau secara peribadi tidak bersetuju dengan tindakan penguru-

san hotel yang tidak membenarkan pekerja kaunter hadapan untuk bertudung namun percaya isu itu boleh diselesaikan dengan perbincangan.

Sehubungan itu, Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH itu menafikan dakwaan Nazri kononnya beliau berkompromi atau bertolak ansur dengan perintah agama.

Menurut beliau, industri perhotelan memberi peluang pekerjaan yang luas kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kelulusan.

"Di masa ekonomi lemah sekarang dan peluang pekerjaan sangat berkurangan, ianya adalah satu peluang pekerjaan yang luas dan baik untuk menyara hidup tanggungan keluarga. Ini saya sebut di permu-

laan ucapan saya.

"Saya telah mencadangkan satu pertandingan rekaan uniform (untuk pekerja kaunter hadapan hotel) oleh Kementerian Pelancongan yang menepati kehendak Islam dan boleh diguna pakai oleh hotel.

"Ini adalah keadaan 'win-win situation' di mana tuntutan Islam di penuhi dan hotel menerima konsep tersebut," katanya.

Berdasarkan cadangan beliau, kesemua bahagian aurat wanita ditutup dengan uniform yang dicadangkan disamping penggunaan bahan tradisi tempatan seperti batik atau songket.

"Ini memperkayakan lagi dengan tambah nilai budaya tempatan. Tiada pihak yang rugi," jelas beliau.

# PH jamin harga minyak lebih stabil

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan yang peduli rakyat termasuk memastikan harga minyak lebih stabil mampu dibentuk jika rakyat memberi mandat kepada Pakatan Harapan sebagai kerajaan baharu pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, ujar Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Mohd Sany Hamzan.

Beliau berkata, parti pemerintah sebenarnya mempunyai kemampuan untuk mengelak harga petrol dan diesel daripada terus melambung sehingga membebaskan rakyat yang majoritinya berpendapatan rendah.

"Kerajaan ada keupayaan mengawal harga minyak. Lakukan

perubahan kerana kerajaan baharu yang dihantar ke Putrajaya nanti adalah kerajaan yang cakna dan peduli rakyat.

"Pakatan Harapan dalam tempoh 100 hari di Putrajaya akan menghapuskan GST, memansuhkan tol Lebuhraya Utara Selatan dan kita akan selaraskan balik harga minyak.

"Paling mendesak dan nampak gagal diselesaikan kerajaan sedia ada ialah soal berkaitan kenaikan berganda kos sara hidup rakyat akibat penarikan subsidi banyak barangan makanan," ujarnya ketika ditanya tentang dakwaan kenaikan harga minyak di luar kawalan kerajaan.

Beliau ditemui di lokasi protes bantah kenaikan harga minyak di



Sany ketika menyertai protes kenaikan harga minyak di bahu jalan menuju ke Parli-  
men 22 Nov lalu.

bahu Jalan Parlimen awal pagi, 22 Nov lalu.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada 11 Nov

dilapor berkata, harga petrol dan diesel ditentukan mengikut pasaran harga minyak dunia.

Mengulas lanjut, Sany member-

itahu kerajaan Pakatan Harapan akan berusaha menjamin kehidupan rakyat lebih sejahtera dan berkualiti dengan melaksanakan urus tadbir yang bertanggungjawab serta bebas rasuah.

"Masalah dihadapi rakyat termasuk kenaikan harga minyak sebenarnya terakut akibat ketirisan, pembaziran dan penyelewengan kuasa. Hal ini dipandang berat oleh Pakatan Harapan.

"Lihat kerajaan negeri Pakatan Harapan di Selangor dan Pulau Pinang yang dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh rakyat," ujarnya.

Tiada seorang pun pemimpin di dua negeri itu, ujarnya disabitkan dengan kes rasuah atau penyalahgunaan kuasa.

## Pemuda PH dipuji kerana tidak berkecuali

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin menghargai usaha dilakukan Pemuda Pakatan Harapan (PH) untuk mendesak kerajaan menurunkan harga dan mengembalikan subsidi petrol kepada rakyat dalam protes rakyat yang dilakukan selama 42 jam berakhir 22 Nov lalu.

Beliau berkata, pemuda PH yang menyertai protes itu tidak mengejar populariti dan glamor.

"Tahniah Pemuda PH. Kamu semua tidak pilih 'glamour' atau populariti. Sebaliknya kamu semua rasai keperitan denyut nadi rakyat yang derita kerana inflasi, GST, kenaikan harga minyak dan kenaikan harga barang.

"Maka kamu semua berhimpun di tempat di mana para pemimpin rakus menggubal polisi negara. Kadangkala 'polisi sampah' mereka dibantu dengan sikap berkecuali

**Teruskan berjuang Pemuda PH. Hari ini kamu berjaya turunkan harga minyak esok, insya Allah siapa tahu mungkin kamu akan turunkan pula rejim si kleptokrat.**

makhluk yang rasa mereka suci," ujar beliau di laman Facebooknya.

Hanipa yang juga Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH menambah, walaupun kehadiran pada protes itu kecil, namun ketabahan yang ditunjukkan pemuda PH berhasil apabila harga mingguan petrol dan diesel turun sebanyak 8 sen dan 2 sen.

"Kamu semua disindir dan diperli adakan himpunan yang hambar. Hatta nak berteduh dari panas yang menggigit dan hujan lebat yang membasahi tubuh di dalam khemah juga diganggu-gugat sebegitu rupa oleh ejen-ejen penguasa.

"Tapi kamu semua tabah dan sabar. Mana ada perjuangan yang mudah dan tiada cabaran. Meminjam kata-kata keramat DSAI (Datuk Seri Anwar Ibrahim), jika tak mahu tanggung risiko, usah bicara soal perjuangan."

"Alhamdulillah, pengorbanan kamu semua kini mulai dirasai sikit nikmatnya oleh rakyat di bawah. Ya, harga minyak turun.

"Semua lega termasuk penyokong tegar si penguasa dan si penguatkuasa yang mungkin sebelum ini pandang kamu semua hanya sebelah mata," ujarnya merujuk laporan media yang menggambarkan usaha

dilakukan Pemuda PH itu sebagai hambar kerana tidak disertai ramai pemuda PH.

Hanipa yang juga turut hadir dalam protes dilakukan Pemuda PH itu berkata usaha itu dan perjuangan harus diteruskan.

"Teruskan berjuang Pemuda PH. Hari ini kamu berjaya turunkan harga minyak esok, insya Allah siapa tahu mungkin kamu akan turunkan pula rejim si kleptokrat.

"Terima kasih kerana tidak berkecuali!" ujarnya menampelas dua ahli parlimen Pas yang berkecuali ketika undi belah bagi Rang Undang-undang Perbekalan untuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) di Dewan Rakyat, 20 Nov lalu.

Undian belah bahagi itu menyaksikan 52 ahli parlimen BN menyokong, 51 menentang manakala dua lagi berkecuali.

## Jadi wakil rakyat tapi asyik ke luar negara

**KULIM BANDAR BAHARU:** Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail menampelas segelintir wakil rakyat BN yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap rakyat yang diwakili.

Malah katanya, memberi mandat kepada wakil rakyat sedemikian adalah suatu pembaziran dan tidak sepatutnya diulangi pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Beliau juga berkata, apabila wakil rakyat yang dipilih oleh pengundi senantiasa berada di luar negara, sudah pasti banyak masalah rakyat tidak dapat diselesaikan.

"Masalah banjir di kawasan Ku-

lim-Bandar Baharu belum berjaya diselesaikan walaupun hujan turut lebat untuk beberapa jam sahaja.

"Begitu juga dengan isu perparitan yang tidak terurus sehingga menyebabkan sering berlakunya banjir kilat akibat sampah-sarap yang tidak terurus.

"Isu bekalan air bersih yang tidak mampu diatasi oleh Kerajaan Negeri Kedah telah pun berlarutan begitu lama," jelasnya ketika berceramah di Pekan Junjung Kulim, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama Naib Presiden Keadilan Tian Chua, Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Ismail Salleh dan beberapa pemimpin Pakatan Harapan negeri.

Beliau turut menyentuh nasib

yang menimpa warga emas yang melarat, orang miskin yang memerlukan bantuan serta nasib petani dan penoreh getah yang perlukan pembelaan.

"Kalau wakil rakyat Umno dan BN boleh duduk di Gold Coast (Australia), bagaimana hendak bela nasib rakyat.

"Untuk apa pilih wakil rakyat yang lebih banyak masa berada di Australia daripada menyelesaikan masalah tuan-tuan dan puan-puan.

"Jangan lagi pilih wakil rakyat Umno dan BN yang hanya balik sekali-sekala untuk menjenguk kawasan, tetapi lebih banyak masa berada di luar negara," ujarnya. Saifuddin yang juga Pengarah

Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang menambah, memberi mandat kepada calon BN tidak akan mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang sedang menghantui penduduk Kulim-Bandar Baharu.

Katanya, Pakatan Harapan mempunyai peluang besar untuk menang di Parlimen Kulim-Bandar Baharu juga kerusi Dun Kulim dan Bandar Baharu yang dimenangi BN dalam pilihan raya umum lalu.

Ini kerana, tambah beliau banyak janji BN kepada penduduk pada PRU lalu gagal ditunaikan.

Menurutnya, semasa pelancaran Aku Janji BN di Taman Harmoni, Kulim pada April 2013, parti itu berjanji membina 1,000 unit rumah mampu milik serta me-

nyelesaikan masalah banjir bagi kawasan Kulim, Terap, Sungai Ular dan Junjung.

Namun begitu sehingga kini rumah yang dijanjikan gagal dibina dan masalah banjir bukan saja tidak dapat diselesaikan malah melarat ke lebih banyak kawasan.

Pada PRU ke-13, BN menang hanya dengan majoriti 1,871 undi bagi kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu serta menang tipis dengan majoriti 642 undi di Dun Kulim serta mendapat majoriti 2069 undi di Dun Bandar Baharu.

Sehubungan itu, Saifuddin menyeru lebih 60,000 pengundi di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu melakukan perubahan dalam PRU akan datang.



Lori membawa bantuan kemanusiaan tiba di kem pelarian.



Kem pelarian Rohingya diuruskan Kementerian Pengurusan Bantuan Bencana Bangladesh dan dibiayai UNHCR.



Sukarelawan Malaysia membantu kerja-kerja pengagihan sumbangan.



Menyantuni anak-anak pelarian di kem Kutupalong.



# Ahli Parlimen Malaysia bantu pelarian Rohingya



Delegasi ahli parlimen Malaysia setibanya di Cox's Bazar.



Suasana kem pelarian Rohingya di Kutupalong.



Kemudahan tandas untuk penghuni kem pelarian.





Penghuni kem beratur menunggu bantuan.

# bersatu va

Foto DATUK KAMARUDDIN JAFFAR

**COX'S BAZAR:** Beberapa Ahli Parlimen Pakatan Harapan menyertai delegasi Parlimen Malaysia bagi menyampaikan sumbangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) Malaysia yang berada di Bangladesh sebagai tanda prihatin membantu pelarian Rohingya.

Sumbangan wang tunai itu diserahkan kepada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dan Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) bagi membeli barangan keperluan pelarian Rohingya di Kem Pelarian Kutupalong, kira-kira 35 km dari sini, 25 Nov lalu.

Antara yang menyertai rombongan tersebut ialah Datuk Kamaruddin Jaffar (Keadilan-Tumpat) dan Fuziah Salleh (Keadilan-Kuantan).

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Seri Ronald Kiandee merangkap ketua delegasi berkata kutipan berjumlah lebih RM50,000 itu adalah hasil sumbangan peribadi kesemua anggota parlimen tanpa memikirkan fahaman politik.

"Kita mengumpul dana itu dalam tempoh seminggu.

"Usaha ini adalah tanda simpati, sokongan dan keprihatinan warga parlimen ke arah meringankan penderitaan dilalui masyarakat Rohingya," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan sumbangan.

Dianggarkan lebih 600,000 penduduk Rohingya di wilayah Rakhine, Myanmar telah melarikan diri ke Bangladesh berikutan serangan tentera Myanmar terhadap orang awam dengan alasan memerangi militan bersenjata, sejak 25 Ogos lalu.

Dalam majlis itu, Ronald turut menyampaikan dua

sampul surat sumbangan masing-masing berjumlah RM12,800 kepada Naib Presiden Majlis Perunding Islam Malaysia (Mapim) Ahmad Tarmizi Sulaiman dan Ketua Kumpulan Mercy Malaysia Yao Rachel.

Beliau berkata, kutipan itu adalah sumbangan tambahan bagi 25 tan makanan hasil inisiatif tanggungjawab sosial korporat Halal Industry Development Corporation (HDC).

"Kesemua barangan makanan itu sedang melalui proses akhir dan akan dibawa ke sini (Bangladesh) dalam tempoh terdekat dengan menggunakan pesawat Air Asia atau Malindo Air," katanya.

Syarikat multinasional seperti F&N Marketing Sdn Bhd, Nestle (M) Berhad, Dutch Lady Milk Industries Berhad dan Fortune Lab Sdn Bhd merupakan antara penyumbang barang makanan bagi misi itu, lapor Bernama.



Kamaruddin meninjau keadaan pelarian di kem Kutupalong.



Sabar menunggu bekalan makanan dan ubatan.

# Pemuda Pakatan Harapan redah bah agih bantuan

## Kelolaan ARIF ATAN

Musim tengkujuh di Pantai Timur akhir tahun ini menyaksikan Pemuda AMANAH Kelantan bersama Pemuda Pakatan Harapan menggerakkan sepenuhnya misi bantuan kepada mangsa banjir.

Pemuda AMANAH Kelantan yang diketuai Hazmi Hassan dilihat memberi komitmen penuh dalam operasi mengagihkan sumbangan beras dan bahan makanan ketika paras air Sungai Golok di Rantau Panjang terus meningkat.

Kediaman di sekitar Kampung Lubok Gong, Kampung Tok Deh dan Kampung Che Deeah Dun Gual Periook antara yang digenangi air.

Nyaris juga kenderaan pacuan empat roda (4x4) yang membawa muatan bantuan tidak terbalik di Lubok Jong, Pasir Mas pada 28 November lalu.

Namun, situasi cemas itu berakhir apabila pikap tersebut kemudiannya dapat keluar dari terus terperosok hasil kerjasama anggota AMANAH dan petugas Biro Keselamatan dan Kebajikan (ARiF).

Hujan lebat sejak 25 November menyaksikan 1,092 keluarga membabitkan 3,726 mangsa ditempatkan di lapangan pemindahan sementara (PPS) setakat 8 malam, 28 November mengikut laman web Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Menurut Hazmi, Lubok Jong menjadi lokasi pertama misi bantuan mangsa banjir oleh Pemuda AMANAH Kelantan bersama AMANAH negeri dan Angkatan Muda KeADILan (AMK) membabitkan 40 petugas dan lima pikap.

Memikul kimpit beras antaranya disumbangkan AMANAH Bunot Payong, mereka meredah bah menghampiri paras dada ketika hujan masih lebat mencurah.



Pikap berisi muatan bantuan nyaris terbabas di Lubok Jong.



Anggota ARiF dari seluruh Kelantan komited agih bantuan.



Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan meredah bah sambil membawa beras di Rantau Panjang.

## Apa guna rumah mencakar langit?

**K**ERAJAAN dan pemain pasaran dilihat terburu-buru mengejar keuntungan dan pertumbuhan sehingga tidak berlaku keseimbangan dalam memenuhi keperluan sebenar rumah mampu milik.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Pemuda AMANAH Nasional, Mohd Ammar Atan (gambar) berkata, ketidakseimbangan yang berlaku berpunca kerana tiada kebersamaan dalam merancang dan melaksanakan dasar di peringkat awal lagi.

"Apa guna banyak rumah mahal dibina mencakar langit tetapi tiada siapa yang mampu memilikinya? Ketidakseimbangan perumahan adalah yang tertinggi dalam sejarah Malaysia," ujarnya dalam satu kenyataan.

Beliau berpendapat menyandarkan kepada pasaran semata-mata sangat ditakuti akan mengundang ketidakseimbangan tersebut berterusan.

Menurutnya, spekulasi dalam pasaran hartanah menyebabkan peningkatan harta tanah yang memberi manfaat kecil kepada kumpulan rakyat tertentu bukannya rakyat terbanyak yang berpendapatan sederhana dan rendah.

"Sejarah telah menunjukkan lebih dalam pasaran hartanah boleh memberikan risiko dahsyat kepada ekonomi negara dan rakyat.

"Pengalaman Malaysia semasa Krisis Kewangan Asia boleh memberikan kesan yang teruk kepada institusi perbankan negara, pelbagai sektor men-

galami kelemahan yang berpanjangan, kejatuhan nilai hartanah dan mengurangkan kedudukan fiskal negara," jelasnya.

Sehubungan itu, kata Ammar, aspek penawaran dan permintaan bagi jangka masa pendek dan panjang perlu diadun bersama bagi memastikan pasaran hartanah di Malaysia dipandu di landasan tepat.

"Kerajaan yang diketuai parti politik pastinya akan ada helah yang mungkin akan memihak kepada pihak tertentu demi kepentingan diri atau payungannya.

"Tetapi, hal tersebut dapat dikekang jika ada satu badan berautoriti yang diketuai individu bebas dan sebarang keputusannya adalah berdasarkan konsensus yang dibentuk oleh pihak-pihak berkepentingan," ujarnya.

Mengulas forum "PropertyGuru Malaysia's 2018 Property Outlook Forum" di ibu negara, 22 November lalu yang dihadiri pemain hartanah dan badan kajian seperti Khazanah Research Institute, Ammar berpendapat kekangan data atau maklumat lapangan yang terbatas menyebabkan kekhawatiran pemain pasaran dan badan akademik.

"Penggalian data, perancangan dan pelaksanaan dasar perlu digerakkan secara bersama bukannya tindakan solo pihak tertentu," tegasnya.

Justeru, Pemuda AMANAH Nasional, tambahannya lagi, secara konsisten menggesa agar ditubuhkan badan autoriti untuk mengetuai agenda hartanah khususnya Perumahan Mampu Milik Negara.

## Iktiraf bahasa ibunda di Sabah

Sistem pendidikan kebangsaan di sekolah bagi Orang Asal perlu mendekati mereka dengan realiti persekitaran masyarakat itu, kata Pengarah Kepimpinan Pemuda AMANAH Sabah, Addy Samsuddin.

Menurutnya, penekanan tersebut lebih penting untuk dilaksanakan berbanding cadangan menteri mahu mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris.

Mengulas syor Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkenaan baru-baru ini, beliau berkata, Ahli Parlimen Kota Belud itu perlu bersikap celik budaya.

"Orang Asal biar dekat dgn alam semula jadi. Usah didik mereka untuk keluar dari kampung. Belajar bahasa ibunda seperti bahasa Kadazan, Dusun, Bajau dan lain-lain.

"Bahasa tempatan inilah mesti dimasukkan dalam kurikulum. Menteri usah campur tangan menekankan pembelajaran bahasa Inggeris sedangkan bahasa ibunda sendiri belum fasih," tegasnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah, 28 November lalu.



Addy Samsuddin

Koordinator Dana Sukarela Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations Democracy Fund (UNDEF), Pacos itu bimbang lebih banyak bahasa milik etnik di Sabah akan lenyap dalam jangka panjang jika penekanan kepada pengajaran bahasa ibunda diabaikan.

"Kalau kita masuk kampung-kampung di Sabah sekarang, sedikit benar

anak-anak yang fasih bertutur dalam bahasa mereka sedangkan bahasa itu identiti budaya masing-masing yang mesti dipupuk dan diamalkan.

"Biarlah bahasa ibunda mereka turut sama diperkasakan manakala pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Inggeris pula ditambah baik.

"Paling penting juga prasarana di sekolah kawasan luar bandar dan pedalaman perlu lengkap bukannya terburu-buru membina sekolah aliran Inggeris," ujar Ketua Biro Kebajikan dan Keselamatan Pemuda Pakatan Harapan Sabah itu lagi.

# Berunding elak jadi mangsa PTPTN

**S**ebanyak 57 peratus iaitu 447,890 rakyat Malaysia yang disekat daripada meninggalkan negara ini terdiri daripada peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Angka didedahkan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Mustafar Ali pada 27 November lalu itu secara tidak langsung bukti taring PTPTN yang mudah memabam kebebasan rakyat negara ini terutama golongan muda.

Gagal membayar semula pinjaman PTPTN membolehkan diri disekat perjalanan ke luar negara sekali gus memasung pergerakan rakyat.

Bagaimanapun pada 22 September lalu, Pengerusi PTPTN, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah memberitahu hanya 19 peratus peminjam tabung itu yang disenaraihitamkan oleh Jabatan Imigresen.

Ini bermakna secara kasarnya, 20 daripada 100 peminjam PTPTN terpalit dengan rekod kewangan yang buruk akibat disenaraihitamkan PTPTN.

Berusaha membantu peminjam dengan memperkenalkan pelbagai cara untuk dinyahsenaraikan, PTPTN memberitahu mereka terbabit boleh berunding bagi membincangkan penstrukturan semula pinjaman seperti memanjangkan waktu pembayaran pada kadar lebih rendah.

PTPTN juga dilapor membuka kaunter 24 jam di pintu masuk utama kaunter Jabatan



**SENARAI HITAM IMIGRESEN**

**SIAPA & KENAPA**

Peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman PTPTN akan disenarai hitam secara berterusan dan dihalang ke luar negara.

**BAGAIMANA UNTUK MENYELESAIKAN?**

- 1 ADA TUNGGAKAN**
  - Semak segera tunggakan
  - Portal: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)
  - Careline: 03-2193 3000
  - Cawangan PTPTN berdekatan
- 2 RUNDING & BAYAR**
  - Rundingan perlu diselesaikan 7 hari sebelum ke luar negara
  - Careline: 03-2193 3000
  - Eksekutif Pemasaran PTPTN
  - Cawangan PTPTN berdekatan
- 3 SEMAK STATUS SENARAI HITAM**
  - Portal PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)
  - Portal Jabatan Imigresen Malaysia: [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | @twitptpn | instaptptn

Imigresen di Lapangan Terbang Antara-bangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Penyambungan pinjaman bagi peminjam diploma dan ijazah juga diadakan

kerana sebelum ini terdapat mereka yang disenaraihitamkan di peringkat diploma walhal masih lagi belajar di peringkat ijazah. Beberapa langkah bagi kemudahan

peminjam supaya mereka tidak terbeban juga dikatakan sedang dikaji pihak PTPTN. Hanya paling penting tindakan di pihak peminjam sendiri atas kesedaran melunaskan hutang pengajian mereka.

Melihatkan besarnya impak pinjaman PTPTN, penegasan Pemuda Pakatan Harapan sebelum ini dengan tawaran pendidikan percuma ada kewajarannya.

Namun, dari segi jangka pendek kerajaan wajar mempertimbangkan hanya graduan

**“ ...Melihatkan besarnya impak pinjaman PTPTN, penegasan Pemuda Pakatan Harapan sebelum ini dengan tawaran pendidikan percuma ada kewajarannya.**

yang sudah memperoleh pendapatan bersih mencecah RM4,000 sebulan diwajibkan membayar semula hutang pinjaman PTPTN.

Syor yang pernah diketengahkan Pemuda AMANAH Nasional dalam Konvensyen Nasional AMANAH 2017 pada Oktober lalu itu lantaran menyedari reformasi pendidikan perlu dilakukan secara bertahap.

# Kenang jasa orang tua sendiri bukan Umno

Oleh ARIF ATAN

**B**angkit sahaja dan tinggalkan majlis jika mana-mana pemimpin negara menghina rakyat dalam ucapannya. Itu reaksi bermalu yang wajar dilakukan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), 25 November lalu.

Apa yang disebut Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor amat hairan boleh sekadar disambut dengan tepukan dan sedikit suara yang tidak pasti sama ada teruja menyokong atau sebaliknya.

Mengapa penuntut dan pensyarah UiTM dalam majlis Anugerah Nadi Negara 2017 itu masih memberi muka dan sanggup menadah telinga dihina politikus sebegitu?

Mereka seharusnya beramai-ramai bangun meninggalkan Dewan sebagai satu bentuk protes dan membuktikan mereka tidak lembab seperti sangkaan menteri

Umno itu.

Soalan Ku Nan, “Apa salah Umno?” selain tinggi suaranya menampakkan tempias amarah apabila mengungkit sumbangan Umno yang kononnya sudah 60 tahun berjasa sebelum menggesa pelajar bersyukur kepada BN amatlah mengaibkan.

“Anda dapat masuk universiti, kalau ‘slow learner’ (boleh) masuk ITM (UiTM). Kadang kala kalau tak dapat markah (secukupnya), markah akan diturunkan agar anda boleh masuk universiti.

“Ada kala kalau tak boleh masuk (universiti) di Malaysia, kita hantar ke luar negara. (Bila) Balik, tunjuk pandai dan marah Umno,” ujar Ku Nan.

Kenyataan Ku Nan itu juga mengingatkan kita pada kekeluparan Presidennya, Datuk Seri Najib Razak yang selamba menyebut “kepala bapak kau” dalam majlis rasmi depan khalayak pemimpin MCA sebelum ini.

Sebenarnya, jasa ibu bapalah yang patut dikenang kerana

memelihara dan membiayai pendidikan kita sejak di bangku sekolah lagi bukannya Umno-BN.

Melangkah kaki ke UiTM pun perlu berbekalkan kelayakan yang bukanlah calang-calang selain bukannya belajar secara percuma walaupun diakui yuran pengajian dan penginapan asrama di UiTM antara terendah berbanding universiti awam lain.

Namun, sekali lagi Umno-BN sebagai parti pemerintah seperti mana-mana kerajaan lain di dunia memang itulah tanggungjawabnya dalam soal pendidikan kepada rakyatnya.

Bahkan, gesaan bersyukur itu yang mungkin lembab untuk Ku Nan sedar telah berbalik pada

dirinya sebagai pemimpin yang bergaji besar dengan elaun puluhan ribu ringgit.

Dalam konteks politik demokrasi di negara ini yang dipilih melalui pilihan raya, Ku Nan dan menteri serta wakil rakyat sebenarnya patut bersyukur dan mengenang jasa rakyat kerana mengundi mereka.

Anggapan Ku Nan, UiTM seb-



agai tempat mereka yang kurang cemerlang dalam pelajaran harus mengundang rasa tidak puas hati mahasiswa jika masih menghargai nilai maruah.

Ratusan ribu graduan melalui alumnyanya juga perlu celik akal bahawa sokongan kepada menteri Umno dan pemimpin lain yang dipayungi parti itu ternyata sia-sia.

Bayangkan menteri sendiri memperlekeh penuntut UiTM walaupun universiti itu terbukti berada di tangga ketiga dalam Laporan Penarafan Kebolehpasaran Graduan Dunia 2018 oleh badan antarabangsa Quacquarelli Symonds.

Jelas, tragedi yang merobek intelektual warga kampus UiTM itu juga perlu menjadi iktibar kepada universiti lain bahawa usah pernah memberi ruang kepada ahli politik bermulut celupar memperbodoh dan menghina mereka sebegitu rupa.

Akhirnya, peringatan kerana mulut Umno binasa dilihat masih tidak akan menjantik akal pemimpin Umno jika warga kampus di seluruh negara masih pejam mata memberi undi kepada rejim itu.

# Awas kecurian di pekarangan masjid

**A**WAS masuk ke suatu kawasan masjid, dengan tujuan untuk solat di dalam masjid berkenaan. Sebaik sahaja anda masuk ke pekarangannya anda terkejut melihat suatu papan tanda terpampang menyambut anda.

Merah warnanya, dengan tulisan besar berwarna putih: "AWAS" dan di bawahnya "KECURIAN". Di bawahnya lagi, dua baris: "Jangan Tinggal Barangan Berharga Dalam Kenderaan Anda".

Bukan satu. Di dinding masjid itu bahagian depannya anda segera nampak terpampang lagi dua - satu di sebelah kiri dan satu di sebelah kanan. Papan tanda yang sama, dengan ukuran yang kecil sedikit. Anda berjalan hendak ke tandas di belakang masjid, anda temui lagi satu papan tanda di pekarangan belakang itu, sebesar yang di pekarangan depan tadi.

Selepas ambil wudhuk anda berjalan menuju ke pintu masuk masjid di bahagian belakang, anda nampak lagi papan tanda yang sama terpampang di dinding masjid bahagian belakang itu.

Belum pernah lagi saya melihat papan tanda sebegini di mana-mana masjid sebelum ini, makanya saya jadi terkejut dan berasa pelik dan hairan. Mengapakah sampai begitu sekali mereka memerlukan papan tanda yang seperti itu?

Apakah pencuri terlalu banyak dan selalu melakukan pencurian di pekarangan masjid itu?

Bukan satu dan bukan dua papan tanda peringatan itu. Yang saya ternampak saja ada lima. Mungkin ada lagi yang saya tak nampak. Dan kalau ada lima sahaja pun saya kira itu sudah cukup banyak, untuk sebuah masjid yang tidaklah begitu besar.

Soalnya apakah begitu sekali diperlukan pemasangan papan tanda yang seperti itu? Jawapannya tentulah ia diperlukan. Kalau tidak takkanlah para ahli jawatankuasa pentadbiran masjid itu mahu mencatitkan keindahan masjid mereka dengan pemasangan papan tanda yang membawa makna negatif itu.

Lalu saya terfikir, tentulah masjid ini sudah berpengalaman yang sepadan dengan tindakan dan keputusan yang telah mereka ambil itu. Tentulah banyak kecurian telah berlaku, hingga mendesak mereka membuat keputusan sedemikian. Memberi peringatan secara sungguh-sungguh kepada orang yang membawa kenderaan ke masjid, supaya berhati-hati sebelum terjadi kejadian yang tidak diingini.

Dan saya terfikir lagi – kalaulah kecurian telah banyak berlaku, apakah pihak pentadbiran masjid tidak berusaha dan

berikhtiar untuk mengatasinya, dengan apa-apa cara, sebelum mereka membuat keputusan memasang papan tanda berkenaan?

Tetapi rasanya tidak wajar kalau mereka tidak berusaha dan berikhtiar terlebih dahulu. Tentu mereka telah berusaha dan berikhtiar. Dan rupa-rupanya usaha dan ikhtiar mereka itu tidak juga dapat menghalang pencuri-pencuri daripada terus mencuri. Itulah sebabnya mereka terpaksa memasang papan tanda yang 'hodoh' itu.

Dan ini suatu keadaan yang sangat menyedihkan, mengecewakan dan sangat dikesalkan. Masyarakat Islam kita sudah sampai ke tahap itu rupa-rupanya. Tempat suci beribadat pun sudah tidak suci lagi daripada kejadian mencuri yang serius, sehingga tidak mampu lagi dikawal oleh pihak pengurusan masjid.

Dan saya melihat apa yang berlaku di masjid ini sebagai 'tanda' yang menunjukkan betapa teruk dan 'hancur'nya akhlak masyarakat kita. Masyarakat Islam kita. Curi-mencuri sudah tak terkawal lagi. Hingga ke masjid pun. Dan papan-papan tanda itu menjadi buktinya.

Saya melihat perkara kehancuran ini tidak hanya terhad di kawasan masjid itu sahaja. Masjid itu hanyalah 'tanda'nya sahaja. Tanda bahawa masyarakat Islam



di negara ini sedang 'hancur' nilai-nilai kelislamannya. Hancur hingga ke pekarangan masjidnya. Dan para pentadbir serta pemimpin pun tidak punya kewibawaan lagi. Mereka mengangkat papan tanda itu sebagai ikhtiar terakhir.

Itulah fenomena umat Islam terkini di negara kita yang tercinta ini. Pihak pimpinan masjid sendiri telah membuat pengakuan bahawa kecurian sudah sampai ke tahap yang tak dapat dikawal lagi, melainkan orang ramailah yang mesti mengawalinya. Pihak pimpinan sudah berlepas tangan.

Pihak pimpinan berlepas tangan sebab apa? Sebab pada mereka sudah ada banyak lagi perkara dan urusan lain yang lebih mustahak untuk mereka uruskan dan perhatikan. Mencuri bukan lagi perkara jenayah berat yang menduduki prioriti untuk ditangani. Mencuri sudah jadi perkara biasa dalam masyarakat kita.

Satu lagi tandanya betapa teruk fenomena mencuri dalam masyarakat kita

KE MUKA 21...

## Sebahagian rakyat masih tidak dapat maklumat

Oleh **ABU FIRDAUS**

**B**EBERAPA lalu penulis berbual dengan seorang warga emas, yang bakal membuang undi tahun depan. Walaupun sudah lanjut usia, beliau masih mahu mengundi dan mengikuti perkembangan politik tanah air.

Beliau telah lama bersara sebagai penjawat awam. Malah beliau juga telah bersara daripada kegiatan politik kampung. Ini kerana beliau pernah aktif malah hingga menjadi Ketua Cawangan Umno kampungnya. Lantaran itu beliau juga pernah menjadi pemerhati persidangan agung Umno.

Buat masa ini beliau turut ikuti program-program anjuran Persatuan Peladang, Persatuan Veteran dan juga Perkim. Tetapi beliau sudah tidak mengikut program Umno. Sepanjang hidupnya, beliau adalah pengikut kuat Dr Mahathir Mohamad walaupun ketika Dr. Mahathir dipecat oleh

Umno pada zaman Tunku Abdul Rahman. Maknanya beliau memilih Dr. Mahathir dan menolak Tunku. Sepanjang beliau aktif dalam Umno, beliau memihak pada Dr. Mahathir. Ketika Dr. Mahathir berbalah dengan Musa Hitam, beliau memihak pada Dr. Mahathir. Begitu juga ketika Dr. Mahathir berbalah dengan Tengku Razaleigh, Anwar Ibrahim dan Abdullah Ahmad Badawi, beliau tetap bersama dengan Dr. Mahathir.

Ketika beliau menjadi ketua cawangan Umno, Pas mula memasuki kampungnya. Beliau terpaksa bekerja keras berkempen untuk meyakinkan penduduk kampungnya supaya tetap bersama Umno. Tetapi anak-anak muda di kampungnya telah memilih Pas. Dari peti undi, majoriti penduduk kampungnya telah memilih calon Pakatan Rakyat iaitu dari Keadilan dalam pilihan raya lalu. Di kawasan parlimennya itu, buat pertama kali Umno

kalah.

Kini setelah berusia 79 tahun, dalam beliau sudah tidak aktif dengan Umno, beliau menyaksikan perbalahan antara Najib dengan Dr. Mahathir. Tetapi buat pertama kalinya beliau tidak memihak pada Dr. Mahathir. Beliau pilih untuk menyokong Najib. Di kampungnya, Pas kekal. Tidak ada orang Pas masuk AMANAH.

Dalam usia setua itu, beliau tidak mempunyai telefon tangan apatah lagi telefon pintar. Beliau tidak menggunakan tablet, laptop atau komputer. Beliau tidak menggunakan Internet, tidak mengenal portal, twitter, facebook, YouTube atau WhatsApp.

Beliau hanya mendengar Radio Klasik, Radio IKIM, tonton RTM1, RTM2, TV3, TV Hijrah dan TV9. Beliau masih membaca iaitu Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo dan Metro. Dari perbualan, ternyata beliau hanya mengutarakan berita dan hujah dari media arus perdana. Beliau menyala-

hkan Dr. Mahathir, Anwar, Lim Kit Siang dan Mohamad Sabu. Beliau percaya pada Najib dan menganggap isu 1MDB sebagai fitnah. Beliau memuji Abdul Hadi Awang yang telah membawa Pas untuk berbaik dengan Najib dan Umno.

Maknanya hujah dan usaha yang banyak oleh aktivis Pakatan Harapan selama ini tidak sampai kepada orang seperti beliau. Dari sejak sebelum merdeka, pihak pembangkang tidak dapat menyampaikan maklumat pada rakyat.

Ketika mana pihak British dan Umno menggunakan radio, Fitem Negara dan akhbar arus perdana, pihak pembangkang hanya boleh menggunakan rapat umum, itupun kalau dapat izin. Dengan adanya televisyen, saluran untuk Umno adalah luas.

Hanya apabila ada Internet dan telefon pintar barulah pembangkang dapat menyampaikan maklumat dan hujahnya. Iaitu

selain ceramah yang mana kesannya terhad. Tetapi capaian Internet juga terhad. Malah Umno yang mempunyai peruntukan lebih besar dapat menyerang balas dengan lebih hebat dan menyusahkan pula pembangkang.

Walaupun orang kata warga emas sukar untuk mengubah pendiriannya tetapi ia tidak mustahil. Seperti warga emas yang diceritakan di atas, beliau telah mengubah pendirian, daripada seorang penyokong Mahathir kepada menjadi penyokong Najib. Tetapi sokongan terhadap Umno tidak berubah. Walaupun kebenciannya terhadap Pas telah berubah apabila parti itu berbaik dengan Umno.

Apa yang dihairankan, sebagai warga emas yang bersara, beliau tinggal saja di rumah dan bertubi-tubi propaganda masuk ke dalam pemikirannya melalui media arus perdana. Sebab itulah Umno masih berupaya untuk angkuh. ■

# Lebih selesa bersama AMANAH

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

**K**AWAN-KAWAN sebut, sejak bersama AMANAH mereka rasa lebih selesa, relaks, santai, sambil kerja-kerja politik berjalan seperti biasa. Kata mereka, keluar Pas seperti keluar daripada kurungan atau lepas daripada kandang.

Saya tak hadam maksud sebenar ungkapan tersebut, tetapi saya boleh menyela-minya berdasarkan rasa dan pengalaman sendiri. Mungkin apa yang saya rasa selari dengan apa yang mereka rasa.

Dalam AMANAH semua orang diletak setara sebagai manusia. Tiada sesiapa yang disanjung, diagung apatah lagi disuci-sucikan. Semua orang saling hormat-menghormati dan sayang-menyayangi tanpa terbeza dengan status atau kedudukan.

Ustaz Ahmad Awang, lulusan sarjana al-Azhar dalam bidang syariah, Ustaz Abd Ghani lulusan sarjana al-Azhar dalam bidang fiqh perbandingan, disapa dengan ustaz saja. Mereka selamba saja walaupun mereka orang alim.

Presiden AMANAH pula disapa dengan Bang Mat. Dimana-mana saja, orang menyapanya Bang Mat dan bergurau dengannya seperti sudah sangat biasa. Bang Mat pula layan mereka macam kawan yang sangat rapat.

Paling syok, Bang Mat boleh minum teh sambil makan kacang bendi cecah kuah gulai mamak sampai jam 2 pagi bersama kawan-kawannya. Khabarnya, Ustaz Fadhil Noor juga seperti Bang Mat, suka "lepak" dan layan orang minum-minum sampai berhimpun jarum jam.

Maaflah, sekadar bercerita. Saya pernah makan sehidang dengan orang besar Pas bergelar tuan guru (bukan TGNA). Sepatah pun dia tak tegur saya, apatah lagi bertanya khabar. Dia makan, dan saya makan, akhirnya habis begitu saja.

Saya pernah makan sehidang dgn Ustaz Fadhil Noor, saya tak larat nak jawab soalan yang dia tanya. Kebetulan ketika itu sidang DUN Perlis baru selesai. Saya sangat terasa dia begitu ambil berat walau pun saya bukanlah orang besar parti ketika itu.

Selepas ketiadaan Ustaz Fadhil Noor, orang seperti terasa ada jurang yang agak luas antara mereka sebagai ahli biasa dengan pemimpin atasan Pas. Jurang itu diwujudkan melalui sapaan tuan guru, cium tangan, kawalan keselamatan ketat,

tolong buka pintu kereta, hidangan berasingan dan banyak lagi.

Kata kawan-kawan tadi, kami lega sebab dalam AMANAH tidak ada itu semua. Kami seperti keluar daripada "penjara orang suci", atau terlepas daripada "belunggu wala' dan patuh", ke sebuah medan luas berudara nyaman.

Ya, AMANAH bukan pondok indoktrinasi, jauh sekali menjadi kem latihan pentaksub atau pusat tarbiah perasan diri suci. Ia adalah wadah atau medan untuk rakyat bersuara, sambil menyumbang seadanya untuk sebuah kehidupan bernegara yang sentosa.

■ **Ustaz Zolkharnain Abidin ialah Pengarah Syariah AMANAH Nasional**

## Muhammad Abduh dan falsafah sains Islam

Oleh **SAARI SUNGIB, ADUN HULU KELANG**

**KETIKA** mana pada zamannya para ilmuan Islam masih bersikap paling kuat menolak sepenuhnya dan paling ringan berawas dan berjaga-jaga untuk mewujudkan sebarang hubungan di antara Al-Quran dan sains, Syekh Muhammad Abduh dengan nada penuh yakin telah mengatakan: "Sains adalah jalan kehidupan yang berakar dalam kebebasan dan kemajuan. Dalam bentuknya yang sejati, sains, apabila dengan tepat disatukan dengan agama, membawa masyarakat kepada kesempurnaan."

Pemikiran bahawa penyatuan sains dan Al-Quran di atas asas yang tepat inilah yang dikatakan beberapa dekad kemudiannya oleh Zaghlul Al-Najjar sebagai: "Sains adalah pengetahuan yang diperoleh melalui wahyu Ilahi, dengan pemikiran manusia, daya intelektual yang kreatif dan melalui legasi dan tradisi kemanusiaan."

Dengan itu ia bermaksud bahawa sains di segi kerangka dasar dan prinsipnya adalah

bersumber daripada wahyu manakala penghuraian yang meluas (kosmologi) mahupun terperinci (kuantum fizik) adalah natijah daripada daya intelek dan kreativiti akal fikiran manusia.

Inilah bezanya antara definisi sains yang berasaskan tauhid kepada Allah dengan kefahaman anti-ketuhanan. Sayyed Hossein Nasr menjelaskan: "Sains Islam adakah sentiasa berkait kepada kewujudan Tuhan dan kuasa-Nya yang berwibawa. Manakala bagi sains moden, Tuhan adalah tidak relevan dengan sains?"

Oleh itu sains Islam dicirikan dengan kesatuan, harmoni dan realiti yang keseluruhannya membawa manusia agar menghayati pengabdian kepada Allah Rabbul 'Alamin.

Pandangan Sheikh Muhammad Abduh itu memberi pentakrifan yang mantap terhadap perhatian kita kepada wahyu Al-Quran, dalam konteks ini, sains dari perspektif Al-Quran adalah penerimaan kita terhadap kebenaran statemen Al-Quran di peringkat paling tinggi dan teori atau falsafah akan membantu untuk memberi pemahaman,

penerangan dan kemampuan meramalkan untuk (prediction) sehingga kebenaran Al-Quran selalu diuji (verify) tingkat relevannya dengan perkembangan, perubahan dan tuntutan cara pandang masyarakat tertentu. Kami dari sendiri dan fana'.

Ini kerana, verifikasi kebenaran falsafah atau teori Al-Quran akan melahirkan penemuan teori-teori baru (body of knowledge) yang bersifat responsif yang mampu menjelaskan fenomena-fenomena yang sedang berkembang dalam masyarakat. Lebih penting, ia tidak hanya memberi respons dan menjelaskan tetapi juga memberikan halatuju ke arah reformasi dan transformasi yang sedang bergerak dan digerakkan oleh pelbagai golongan yang cuba untuk membuat perubahan besar.

Dengan demikian, sesuai dengan tujuan ditanzulkan Al-Quran ia tidak terhenti pada kerangka hudan li-annas (petunjuk bagi manusia) sebagai pedoman moral bagi tujuan tauhidullah, tetapi juga memberikan kerangka bayyinat min al-huda dan al-furqaan. (fungsi hermeneutik dan transformatif).

Penerimaan wahyu Al-Quran sebagai kebenaran iman moral dan falsafah-teori akan dimungkinkan jika pendekatan terhadap interpretasi ayat Al-Quran dilakukan secara sintesis antara pendekatan doktrin-falsafah dan pendekatan scientific method yang dimaksudkan sebagai *scientific cum doctrinaire*. Pendekatan *scientific method* terhadap interpretasi ayat Al-Quran inilah yang dimaksudkan saintifikasi Al-Quran.

Tanpa kebebasan, sains tidak mungkin boleh wujud, sebagaimana tanpa keadilan, kebebasan dan kemajuan tidak mungkin boleh wujud. Kebebasan mengimplikasikan keadilan sebagaimana sains mengimplikasikan kebebasan.

Nilai ini telah diterima oleh masyarakat yang beriman kepada.

Bagi Muhammad Abduh, sains mempunyai perkaitan yang erat dengan akal ('aql), dan agama dengan kesedaran moral (wijdan). Kedua-duanya memberi pemenuhan kepada manusia di mana ia saling melengkapi. Ia tidak akan bertingkah atau menyanggahi antara satu sama lain, dan keduanya adalah satu dalam jiwa manusia.

### DARI MUKA 20...

ialah taman-taman perumahan yang sudahpun menjadi kawasan berpagar sekelilingnya dan ada pengawal yang diupah untuk mengawalinya. Kita tidak lagi bebas memasuki taman-taman perumahan. Kita perlu melalui tapisan pengawal keselamatan.

Apakah ini ciri-ciri yang menunjukkan bahawa nilai-nilai hidup Islam adalah nilai-nilai unggul yang perlu dihormati dan disanjung oleh seluruh umat manusia sepanjang zaman (seperti yang sering didakwa oleh para alim-ulamak kita dalam kuliah-kuliah

dakwah mereka)?

Memikirkannya dalam konteks dan perspektif inilah saya menjadi terkejut dan terpegun melihat papan tanda tadi itu. Saya melihatnya sebagai penghakisan nilai-nilai unggul Islam yang dilakukan oleh penganut-penganut Islam sendiri; yang rupa-rupanya masih terus berlaku sejak ratusan tahun dahulu lagi.

Dan dalam masa yang sama kita bercakap dan berkempen mengenai hukum Hudud yang kita dakwa bakal menyelesaikan masalah jenayah umat manusia di zaman ini. Hah!.. Sangatlah

kelakarnya kita. Seolah-olah kita bercakap di dunia yang lain tanpa kita menyedari di dunia manakah kita sedang menjalani kehidupan kita sekarang.

Dan dalam konteks melihat sesuatu yang sebagai 'tanda' ini, apakah yang sedang 'ditandai' oleh pimpinan Malaysia hari ini (kerana pimpinan Malaysia adalah pimpinan Islam) ke atas nilai-nilai kelslaman untuk umat Islam di dunia hari ini?

Saya menjadi takut memikirkannya. Takut hendak mengangkat muka kita sebagai muka Islam yang kita dakwa

membawa nilai-nilai unggul yang diwarisi dari seorang pemimpin umat manusia yang terunggul iaitu Nabi Muhammad s.a.w.

Takut bahawa kita sedang mence-mari maruah atau imej mulia Rasulullah s.a.w itu. Mereka yang menghukum haram kalau melakonkan watak Nabi di dalam teater kerana itu menghina Nabi, tetapi tidakkah apa yang sedang dibenarkan berlaku oleh pimpinan Islam hari ini adalah suatu penghinaan yang lebih serius ke atas Nabi? ■

# Bila orang yang membantu jadi orang yang dibantu



**Dalam dua siri yang lalu, Naib Presiden AMANAH yang juga Pengerusi AMANAH Pulau Pinang Datuk Dr Mujahid Yusof menceritakan pengalamannya membantu mangsa banjir yang melanda Pulau Mutiara pada 4 dan 5 Nov lalu. Siri akhir penulisan beliau menceritakan detik-detik cemas yang dilalui ketika perahu yang dinaiki bersama Bendahari Agung AMANAH Asmuni Awi terbalik dalam usaha membantu mangsa banjir yang terkandas di rumah mereka.**

KAMI melalui Kampung Chegar dengan mudah dan saya turun memberi bantuan dengan air di paras dada. Saya baru sedar dompet saya dan telefon bimbit sudah basah lalu saya memberikan kepada Zaid anak Haji Asmuni untuk disimpan dalam bekas plastik kedap udara. Sejurus itu kami memulakan perjalanan ke Kampung Sungai Korok dengan cabaran utama melintas Sungai Korok yang berarus deras. Haji Asmuni yang juga kaki pancing mengemudikan bot dengan berhati-hati dan kami berjaya melepasi Sungai Korok untuk ke rumah sekitarnya.

Suasana agak sunyi kecuali beberapa rumah yang masih didiami sambil kami meniupkan wisel untuk memaklumkan kedatangan kami bagi menghulurkan makanan dan minuman. Mereka menyambut kami dengan rasa seronok. Mungkin dalam suasana demikian siapa sahaja yang menghulurkan bantuan akan memberikan ketenangan bahawa ada yang peduli. Itulah mesej yang kami cuba sampaikan.

Di rumah terakhir, tuan rumahnya bersampan untuk menerima bantuan. Jadi sampan bertemu bot. Sambil bantuan dihulurkan, kami membalas sapaan. Usai demikian, kami undur untuk beredar dengan baki 20 paket makanan dan air mineral.

Kami bersedia untuk bertolak dan berazam untuk mencari rumah lain dengan berbaki bekalan yang ada, namun takdir menentukan segalanya apabila dalam 200 meter dari rumah yang kami hulurkan bantuan, bot kami tiba-tiba ditenggelami air dari hadapan.

Haji Asmuni berteriak, "Lompat-lompat!" Kami kebingungan dan dalam beberapa saat barulah perasan air telah memenuhi bot kecil kami. Dalam keadaan panik, kami terjun dengan paras air yang melebihi 7 kaki sebab rumah terakhir sebelum berlaku insiden air menenggelamkan tingkat bawahnya.

Kami berpaut kepada bot yang kini sudah terbalik. Saya dihujung berpaut pada enjin. Haji Asmuni di sebelah saya dan dua anak muda tempatan yang bersama kami di sebelah bertentangan. Kami meniupkan wisel dari jaket keselamatan yang dipakai, airnya sejuk dan kami sedar berada di tengah bendang dengan arus sungai korok di hadapan kami.

Lebih bahaya tanah bendang yang berselut jika kami terpijak boleh memberatkan imbalan kami dan kemungkinan kami akan ditarik ke bawah. Mangsa banjir yang kami hulurkan bantuan melihat kami dari jauh dengan cemas dan pak cik yang menerima bantuan kami dari atas sampan tadi segera mendayung ke arah kami.



Kami dalam keadaan berpaut pada bot terbalik selama 10 minit, sementara itu kami dapat melihat helikopter Nuri berlegar. Kami melambai ke atas. Tak tahulah sama ada Nuri itu mengangkut VIP atau sememangnya mahu menyelamatkan kami kerana saya difahamkan TPM sedang membuat lawatan ke Pusat Banjir Sekolah Kebangsaan Padang Menora.

Dalam pada itu sampan pak cik itu sampai. Kami berpindah paut kepada sampannya. Haji Asmuni naik dahulu dan sememangnya dengan pakaian kami dan jaket keselamatan amat sukar untuk kami naik ke atas sampan. Namun dengan bantuan rakan-rakan, kami diselamatkan oleh pak cik yang dikenali sebagai Pak Su.

Alhamdulillah, kami selamat semuanya. Namun bahan makanan kami dan telefon bimbit saya termasuk dompet dalam plastik kedap udara hilang entah ke mana. Kami tidak memikirkan yang lain ketika bot kami terbalik, hanya keselamatan diri dan rakan-rakan sahaja.

Orang yang membantu kini menjadi orang yang dibantu. Demikianlah cepatnya kitaran takdir berputar. Mak Su (isteri Pak Su) menjemput kami ke atas dari tangga belakang rumahnya, sampan kami mencecah anak tangga ke empat dan dari situ kami menaiki baki anak tangga.

Mak Su sibuk melayan cucunya yang berbadan gempal sekitar umur 3 tahun yang asyik lapar. Sambil itu Mak Su bera-mah mesra dengan kami sehinggalah anak perempuannya tiba untuk melihat kami 'mangsa bot terbalik'. Saya segera teringat untuk menghubungi POBA (Pusat Operasi Banjir AMANAH) melalui isteri saya lalu mohon izin kepada anak Mak Su untuk menggunakan telefon bimbitnya.

Saya menghubungi isteri untuk memberitahu keadaan. Isteri saya kemudiannya berhubung dengan anak saya Nidhal yang hari itu mengambil cuti untuk bertugas di POBA, selain dari Wan, berita tragedi kami dimaklum langsung kepada Haji Taufiq dan Zahar maka tersebarlah maklumat tentang apa yang berlaku.

Saya memohon bantuan supaya kami boleh balik sementara Haji Asmuni dan dua-tiga orang penduduk tempatan yang berbot sibuk menarik bot kami yang semakin karam ke dasar. Lebih sejam kami berlingung di

rumah Pak Su dan Mak Su sekeluarga. Kami dilayan dengan mesra, ini tidak termasuk 'ayaq teh' dan biskut kering sertra rambutan yang dihidangkan kepada kami. Kami juga nak diberikan lauk nasi yang kami hulurkan oleh Pak Su. Begitulah jasa Pak Su dan Mak Su yang baik hati, jasa mereka tak akan kami lupakan selamanya. Terimakasih Pak Su dan Mak Su!

Sejam kemudian anak Pak Su yang berbot mengangkut kami pulang secara bergilir kerana botnya yang agak kecil. Saya kumpulan terakhir dibawa ke Lahar Yooi bawah jambatan di Pongsun. Saya disambut oleh Shukron dan kontijen Kedah serta Mat pembantu Haji Asmuni. Mat yang juga aktif dalam Media Oren merakam kenyataan saya tentang apa yang berlaku dan seketika sahaja ditularkan melalui Media Oren, media rasmi AMANAH.

Saya kesejukan dan kepala saya mula terasa berat, badan seram sejuk termasuk perut kosong yang kini mula meragam. Dalam perjalanan pulang ke POBA, pasukan yang membawa saya balik sempat membahagi roti kepada beberapa mangsa sepanjang perjalanan. Kami juga bawa beberapa penumpang ke destinasi dalam perjalanan kami.

Sejurus sampai di POBA Ustaz Hasanudin Mohd Yunos, Naib Presiden AMANAH dan Pengerusi Kebajikan Nasional serta sahabat baik saya menyambut dengan pelukan erat sambil berseloroh, "Untung peluk enta kot-kot dapat habuan sikit bekas basah jatuh bot, macam debu-debu pasir di medan jihad".

Saya tersenyum sambil memperakui jauh di lubuk hati satu kejujuran bahawa saya amat bersyukur malah ketika dipeluk erat sahabat saya, saya hampir menitikkan air mata.

Masuk ke dewan, para petugas bersalaman, ada yang berpeluk sambil bertanya macam mana boleh berlaku? Sebenarnya kepala saya terasa semakin berat dan badan saya dah mula seram sejuk. Zulkifli Ishak ahli majlis bertanya kepada saya seperti lazim apa yang saya perlukan. Saya kata, "Abang Zul, saya nak mandi dulu, belikan saya panadol, selipar dan makan ikut apa yang abang Zul bawa, kepala saya dok berat ini..."

Saya meninggalkan kumpulan tersebut dengan mencapai kain dan tuala menuju ke bilik air sambil mengharap Allah sembahkan saya bermula dengan doa dan selawat sebelum mandi.

Terasa lega menunaikan solat usai mandi, perut pun dah bagi isyarat apatah lagi makanan dah dihidang. Sambil makan ramai yang bertanya khabar sehinggalah saya ditepuk bahu dari belakang. Rupanya Haji Mohamad Sabu, Presiden AMANAH datang bertanya khabar. Kami memanggilnya Abang Mat kerana itu yang dia mahu kami memanggilnya, saya bangun dan bersalaman dengan Abang Mat sambil memklumkan kepadanya apa yang berlaku. Dia duduk seketika melayan saya dan para petugas sebelum ke dapur di belakang dewan ber-

temu dengan 'geng gedohoq' yang bertugas cemerlang.

Isteri saya sampai kemudian selepas sekolah bersama anak perempuan saya Amal. Kami berpelukan sambil isteri bertanya hal saya, saya jawab ringkas Alhamdulillah lalu mereka terus bertugas di bilik operasi menentukan makanan petang yang akan dihantar dan kerja-kerja pembungkusan untuk edaran.

Hari ketiga 7 Nov, saya bangun awal berjemaah Subuh dengan kontijen Wilayah Persekutuan yang sampai pukul 3 pagi. Saya hanya ada telefon bimbit biasa Nokia untuk berhubung. Saya hubungi Bob pegawai saya untuk maklumkan padanya supaya menghubungi saya di nombor telefon lama saya. Bob memaklumkan bahawa orang Parit Buntar dah heboh YB jatuh bot. Saya hanya mendengar sedangkan saya sendiri tidak membaca berita tersebut.

Saya tidak hadir sesi parlimen hari Isnin dan Selasa, oleh sebab itu saya mengambil keputusan untuk ke parlimen pada Rabu apatah lagi saya ada temujanji rutin di Institut Jantung Negara (IJN) pada 8 Nov. Saya membuat keputusan balik awal pagi itu untuk uruskan laporan polis atas kehilangan kad pengenalan, kad kredit, kad ATM, kad parlimen, kad IJN dan telefon bimbit saya. Ini penting untuk urusan memperbaharui semua dokumen itu.

Saya juga minta Bob menemani saya untuk urusan tersebut sambil makan pagi bersama bagi dibekalkan maklumat terkini parlimen Parit Buntar. Saya bertolak ke KL pukul 6.00 petang bersama pemandu untuk menghadiri sidang parlimen yang masih berlangsung sehingga 30 Nov. Saya juga ada temujanji IJN pukul 10 pagi hari Rabu. Sepanjang perjalanan ke KL saya terlelap.

Jujur saya katakan, hati saya masih di POBA lalu saya menghubungi bilik operasi untuk maklumat terkini. Alhamdulillah air semakin surut dan sekarang tumpuannya adalah operasi cuci dan bersih. Saya arahkan POBA membuat hebahan tentang keperluan fasa pasca banjir iaitu mencuci dan menyampaikan bekalan selimut, tilam dan bantal serta keperluan makanan-makanan kering dan segera sehingga mangsa yang pulang stabil.

lanya hari-hari yang panjang saat dan detik Pulau Pinang dilanda musibah banjir. Namun keyakinan kita sebagai bangsa Malaysia yang tetap bersatu demi kemanusiaan dan bencana, kita akan sama-sama memikul beban dan ujian yang menimpa.

Syabas dan tahniah kepada semua petugas tanpa mengira kaum bangsa dan agama mahupun kepentingan parti. Jasa anda besar biarlah nama anda tidak dijulung.

**(BERSAMBUNG)**

**Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Pengerusi AMANAH Pulau Pinang. Tulisan ini adalah bahagian pertama daripada tiga siri pengalaman banjir beliau.**

# Telaga minyak Bertam hak T'ganu, bukan Pahang

**K**UALA TERENGGANU: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Burok, Dr Syed Azman Ahmad Nawawi 26 Nov lalu memfailkan usul ke Dewan Undangan Negeri (Dun) Terengganu bagi membolehkan isu telaga minyak Bertam yang berada dalam wilayah Terengganu tetapi diserahkan kepada Pahang dibahaskan anggota dewan.

Notis usul itu dibuat di bawah peraturan Majlis Mesyuarat fasal 31(2) peraturan-peraturan dan perintah tetap Dun Terengganu.

Dun Terengganu akan bersidang pada 11 hingga 14 Disember ini.

Dalam usul itu, beliau mencadangkan agar status perjanjian royalti minyak di antara kerajaan negeri dengan Petronas dan kerajaan Pusat serta status hak milik ke atas penemuan kawasan minyak di Medan Minyak Bertam PM 307 dibincangkan.

Menurut Syed Azman, syarikat perunding yang telah dilantik dari Scandanavia, Lundin Petroleum mengesahkan telaga minyak Bertam PM 307 terletak di dalam kawasan hak tuntutan Terengganu.

Perkara ini, katanya telah dinyatakan oleh bekas Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said pada persidangan Dun Terengganu, Dis 2013.

Adun Kijal itu juga, katanya turut mengesahkan bahawa kerajaan negeri telah

menulis surat kepada Petro-nas mengenai status penemuan minyak itu, namun sehingga kini belum lagi menerima jawapan.

"Di atas penentuan asal tersebut kenapakah hasil kewangan dari penemuan tersebut diserahkan kepada negeri Pahang?" soalnya.

Dr Syed Azman juga menggesa Dun Terengganu dimaklumkan tentang jumlah hasil yang telah diserahkan kepada Pahang sejak pengeluaran telaga minyak Bertam PM 307 beroperasi.

"Yang paling penting adalah penjelasan dari pihak Petronas agar dapat kembali menjernihkan pengumuman awal Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang terlebih dahulu mengisytiharkan pada 30 Oktober 2012 lalu bahawa negeri Pahang dan bukannya Terengganu berhak menerima royalti di medan minyak Bertam tersebut," katanya.

Perdana Menteri juga, tambah beliau menegaskan bahawa Pahang dijangka menerima royalti sekitar RM100 juta setahun, bergan-



**Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi**

tung kepada anggaran pengeluaran, apabila pengeluaran bermula pada suku ketiga tahun 2014.

"Saya yakin demi kedudukan Petronas sebagai simbol mercu kejayaan negara, serta sanjungan dan penghormatan tinggi rakyat yang diberikan kepada Petronas, ia akan memberi jawapan yang seadil-adilnya di atas persoalan Bertam ini yang menjadi hak dan kedaulatan negeri Terengganu," katanya.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi memohon Dun Terengganu meneliti dan segera mengadakan sidang khas bagi membahaskan kembali isu hak royalti minyak serta telaga minyak Bertam.

"Isu ini adalah persoalan kedaulatan dan maruah negeri yang berdaulat," tegasnya.

Dr Syed Azman turut memohon seluruh anggota Dun Terengganu agar mempertahankan kedaulatan dan keyakinan rakyat Terengganu dengan mendesak Petronas memberi jawapan segera terhadap isu ini bagi menjamin amalan demokrasi dan proses keadilan di negara ini berjalan dengan baik, bersih dan adil.

"Setiap rakyat Terengganu biarpun berbeza pandangan politik dan parti wajib bersatu berdiri teguh bagi mempertahankan hak demi kebaikan negeri Darul Iman ini, negeri yang berdaulat dan negeri yang berpayung di bawah Tuanku Al-Sultan kita, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud," katanya.

## Laksana daftar pemilih automatik, jangan guna sistem usang

Oleh **HUSIN MAHAT**

**MELAKA:** Kerajaan BN khususnya Ketua Menteri Melaka dinasihati agar tidak membuang masa dan wang ringgit untuk mendaftar pemilih baru sebaliknya menggunakan masa dan kos yang ada untuk menambahbaik sistem pilihan raya.

Mengulas kenyataan Datuk Seri Idris Haron berhubung 69,453 warganegara yang layak mengundi dan bermastautin di Melaka yang didapati masih tidak mendaftar sebagai pemilih, Timbalan Pengerusi AMANAH Melaka Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, pihaknya sudah lama mencadangkan mekanisme pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan.

Namun katanya, kerajaan BN dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tetap berdegil mahu mengekalkan sistem pendaftaran manual yang usang ini.

"Pelbagai alasan yang tidak logik diberikan. Sedangkan kerajaan melaung-

laungkan untuk mengaplikasikan IT dan online sepenuhnya.

"Sepatutnya tiada masalah untuk melaksanakan pendaftaran automatik kerana Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai pangkalan data yang lengkap untuk dihubungkan dengan SPR bagi mendaftarkan rakyat yang genap umurnya 21 tahun ke atas sebagai pemilih yang sah," ujar beliau.

Bercakap kepada pemberita, Idris berkata bagi memastikan penjawat awam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemilih, sekretariat pilihan raya di peringkat kementerian dan pejabat setiasa kerajaan negeri termasuk di Melaka diwujudkan.

Sekretariat itu, katanya berperanan menggalakkan penjawat awam di peringkat negeri dan Persekutuan untuk mendaftar sebagai pemilih serta menukar alamat kad pengenalan dan tempat mengundi berdasarkan alamat bermastautin yang terkini.

Menurut Idris, pelbagai program sedang dijalankan oleh SPR untuk meningkatkan kadar pendaftaran pemilih di negeri itu dan antara pendekatan diambil termasuk mengadakan

program pendidikan pengundi.

Hasilnya, tambah beliau Melaka mencatatkan kadar peratusan warganegara belum mendaftar sebagai pemilih antara terendah iaitu pada kadar 12.5 peratus.

Mengulas lanjut, Sofi menasihati kerajaan dan agensinya agar tidak menghabiskan masa, tenaga dan wang ringgit untuk mencari dan mendaftarkan rakyat sebagai pemilih sebagaimana dicadangkan Idris.

SPR sendiri, kata Sofi tidak perlu menghabiskan masa dan kos yang tinggi untuk pendaftaran pemilih sebaliknya masa dan kos itu perlu digunakan untuk penambahbaikan sistem pilihan raya.

"Di sini saya sekali lagi menegaskan supaya kerajaan dan SPR melaksanakan sistem pendaftaran automatik seberapa segera supaya 100% rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas layak untuk menjadi pemilih berdaftar menjelang PRU 14 nanti.

"Sekarang adalah masa terbaik bagi SPR dan kerajaan untuk membuktikan ketelusan dan komitmen mereka kepada rakyat dalam hal pendaftaran pemilih ini," katanya.

## Azmin kesal dihalang bertemu penduduk

**JOHOR BAHRU:** Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kesal apabila dihalang masuk ke kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Mutiara dekat sini, baru-baru ini.

"Kenapa Umno halang saya masuk PPR sedangkan Sultan Johor terima saya masuk ke Istana di Mersing.

"Bahkan Tuanku Sultan masak sendiri nasi beriani untuk saya," kata Azmin dalam ceramah Jelajah Keadilan Peduli Rakyat dekat sini.

Dalam jelajah Keadilan Tebrau itu, Azmin cuba melihat sendiri PPR Desa Mutiara di Puteri Wangsa yang dikatakan sangat teruk keadaannya.

"Saya dengar penduduk di situ susah, rumah mereka dah robek, harga barangan sekarang pula mahal, namun saya dihalang masuk.

"Umno nak halang saya kenapa. Tahun lepas Sultan Johor masak nasi beriani di Istana Mersing untuk saya.

"Tuanku Sultan terima saya. Ini Umno cicak mengkarung halang saya," kata Azmin dalam majlis anjuran Keadilan itu.

Bagi beliau, apa yang berlaku di Johor sekarang adalah petanda-petanda Umno Johor akan jatuh.

"Ini tanda Umno tengah nazak ketika di Selangor, Umno hanya tinggal dua spesis sahaja, Jamal dan Noh," kata Menteri Besar Selangor itu merujuk kepada Pengerusi Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar dan Ketua Umno Sungai Besar Datuk Seri Jamal Md Yunus.

Bagi beliau, kemerosotan pengaruh Umno di Selangor mendatangkan kebaikan kepada rakyat.

"Umno tiada di Selangor, aman dunia. Baru lapan tahun Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan memerintah, lebih baik dari 50 tahun bawah BN," kata Azmin yang meminta rakyat Johor menurut jejak langkah rakyat di Selangor.

# Che Ibrahim dilantik Pengarah Operasi Banjir PH Kelantan

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**KOTA BHARU:** Naib Pengerusi AMANAH Kelantan Ustaz Che Ibrahim Mohamed dilantik sebagai Pengarah Pusat Operasi Bantuan Banjir Pakatan Harapan (PH) negeri Kelantan.

Timbalan Pengerusi PH Kelantan Datuk Kamarudin Mohd Nor berkata perlantikan Che Ibrahim dibuat berdasarkan rekod cemerlangnya mengetuai operasi banjir AMANAH sebelum ini.

"Walaupun perlantikan rasmi baru diputuskan, sebenarnya beliau telahpun menggerakkan operasi bantuan apabila banjir mula melanda beberapa hari lepas," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mes-

yuarat PH negeri, dekat sini, 29 Nov lalu.

PH negeri katanya telah bersetuju untuk menetapkan pusat operasi banjir peringkat negeri di Pengkalan Chepa.

"Tempat ini dipilih kerana terletak di kawasan tidak terlibat banjir dan berdekatan dengan lapangan terbang Sultan Ismail Petra.

"Kita juga sudah mengenal pasti pusat-pusat operasi di setiap kawasan parlimen seluruh negeri Kelantan," katanya.

Menurutnya, semua pengerusi PH peringkat parlimen diminta segera melantik pengarah operasi banjir masing-masing.

"Saya telah meminta sekretariat PH negeri untuk memaklumkan perkara ini dan memin-

ta semua pengerusi PH parlimen memaklumkan segera kepada Ustaz Che Ibrahim mengenai perkara ini," katanya.

Semua operasi banjir kali ini, katanya akan digerakkan secara bersama bagi semua parti anggota PH.

"Kita hanya ada seorang pengarah dan satu bilik operasi di semua peringkat.

"Hanya bilik operasi PH, tiada lagi bilik operasi AMANAH, Keadilan, PPBM atau DAP," katanya.

Menurutnya, untuk kemudahan para penyumbang pihak PH bersetuju untuk menggunakan satu akaun bersama.

Akaun tersebut atas nama Persatuan Peduli Rakyat Kelantan, nombor akaun Maybank



**Ustaz Che Him menyampaikan bantuan kepada penduduk yang dilanda banjir.**

5531 3101 5268.

Semua pertanyaan berhubung operasi bantuan ini boleh terus

ke nombor whatsapp 013-9840-899 (Ustaz Che Ibrahim Mohamed).

## Pemuda AMANAH puji JPS bina benteng halang hakisan

**PENKALANCHEPA:** Tindakan segera Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Kelantan membina benteng hakisan di pantai Kundur, dekat sini mendapat pujian Pemuda AMANAH Kelantan.

Ketuanya Hazmi Hassan mengucap tahniah atas sikap prihatin jabatan itu yang memberi kelegaan kepada penduduk.

Pantai ini didiami penduduk pinggir pantai yang sentiasa bimbang bila datang musim tengkujuh.

"Kawasan ini memiliki bahagian pantai indah yang boleh dimajukan sebagai destinasi pelancongan menarik," katanya ketika melawat kerja-kerja yang sedang dijalankan JPS, baru-baru ini.

Sejak Ogos lalu, Pemuda AMANAH melalui inisiatif eco-Amanah membina peralatan santai

di tepi pantai di kawasan itu.


Menurut Hazmi semasa Pengerusi PH negeri Datuk Husam Musa menjawat Adun Kijang, beliau telah menanam pohon-pohon ru yang kini menjadikan kawasan itu amat sesuai sebagai tempat pelancongan.

"Pihak kami telah mendirikan buaian dan beberapa peralatan lain sebagai kemudahan untuk orang ramai bersantai," katanya.

Hazmi turut memberitahu beliau telah bertemu penduduk yang juga amat berterima kasih atas tindakan JPS itu.

"Saya menziarahi pak cik Isa salah seorang penduduk di sini yang menyatakan kebimbangan kerana masalah hakisan yang begitu kritikal.

"Insya Allah kak cik Isa sekeluarga serta penduduk kampung boleh tidur lena," katanya.



**Hazmi melawat kerja-kerja yang dilakukan JPS di Pantai Kundur, Pengkalan Chepa.**

## Terengganu turut dilanda banjir

**KUALA TERENGGANU:** Terengganu turut dilanda banjir dengan jumlah mangsa banjir di negeri itu meningkat kepada 2,019 orang daripada 726 keluarga setakat pukul 10 malam, 29 Nov lalu.

Sebanyak lapan pusat pemindahan sementara (PPS) baharu dibuka di tujuh daerah menjadikan jumlah keseluruhan PPS yang beroperasi kepada 49 di seluruh negeri.

Mengikut laporan portal Info Banjir, Daerah Besut mencatat kenaikan jumlah mangsa mendadak iaitu 449 orang (154 keluarga) setelah tujuh PPS baharu dibuka menjadikan jumlah keseluruhan sembilan PPS beroperasi di daerah itu.

Meskipun Daerah Hulu Terengganu merekodkan penurunan jumlah mangsa banjir iaitu 782 orang (361 keluarga) berbanding 820 orang (366 keluarga) sebelum ini namun ia kekal sebagai daerah paling ramai mangsa banjir dengan 18 PPS di daerah itu.

Jumlah mangsa banjir di Setiu juga menurun kepada 365 orang (97 keluarga) berbanding 419 orang (109 keluarga) petang 29 Nov.

"Di Marang pula, terdapat sedikit kenaikan iaitu 71 orang (23 keluarga) berbanding 64 orang (19 keluarga) setelah satu PPS baharu dibuka manakala di Dungun, seramai 159 orang (45 keluarga) berbanding 164 orang (45 keluarga).

"Di Kuala Nerus pula, terdapat 126 orang (32 keluarga) di dua PPS manakala Kuala Terengganu yang merupakan daerah terbaharu dilanda banjir menyaksikan 67 orang (14 keluarga) ditempatkan di dua PPS yang baru sahaja dibuka pada pukul 7 dan 9 malam tadi (29 Nov)," menurut portal itu.

## Wanita PH Kelantan siap sedia hadapi banjir

**KOTABHARU:** Wanita Pakatan Harapan Kelantan menangguhkan program pelancaran hingga Januari depan kerana menumpukan persiapan menghadapi banjir.

Ketuanya Norashidah Jaafar berkata walaupun telah merancang untuk membuat majlis pelancaran bulan ini, menghadapi kemungkinan situasi banjir akan lebih diberi keutamaan.

"Gerak kerja semua unit bagaimanapun akan diteruskan seperti yang dirancang.

"Biro-biro utama seperti penerangan, komunikasi dan kebajikan akan segera turun padang," katanya pada sidang media selepas mesyuarat jawatankuasa di Kubang Kerian, baru-baru ini.

Beliau mengumumkan ketua-ketua biro utama yang diamanahkan kepada empat parti anggota.

"Biro penerangan diketuai Normala Mohd Nadzar dari AMANAH, komunikasi Zaleha Che Kob dari Bersatu, pilihan raya Hajjah Noraini Husin dari Keadilan dan Kebajikan diketuai Irene Tan dari DAP.

"Mulai sekarang semua gerak kerja akan disertai semua parti di bawah satu bumbung Pakatan Harapan," katanya.

Mengenai pengurusan bantuan banjir beliau berkata Wanita PH akan mewujudkan skuad khas bagi melengkapkan pasukan induk PH negeri.

"Sebelum ini kita telah ada pengalaman menghadapi situasi bencana ini.

"Cuma dulu setiap parti buat secara berasingan dan kali ini kita akan gerak bersama," katanya.

Mesyuarat yang asalnya dijadualkan di Wisma Tok Guru itu dipindahkan ke sebuah surau berhampiran.

"Kami tidak dibenar masuk ke WGT oleh sekumpulan pengawal dipercayai orang suruhan Mohd Yasin yang kini pemilik tapak itu.

"Sepatutnya kami boleh bermesyuarat di situ kerana telah mendapat kebenaran Adun Salor, Datuk Husam Musa yang telah disahkan pihak mahkamah sebagai pihak yang masih berhak ke atas Wisma Tok Guru," katanya.



# Banjir makin buruk, lebih 5000 ke pusat pemindahan



Ketua Pemuda AMANAH negeri serta Setiausaha AMANAH negeri memikul beras untuk diagihkan kepada mangsa banjir.



Sebuah kenderaan tergelincir ke dalam parit semasa operasi menyampaikan bantuan.

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**K**OTA BHARU: Jumlah mangsa banjir di Kelantan terus menunjukkan peningkatan pada 29 Nov Nov lalu dengan 6,961 mangsa dipindahkan berbanding 5,016 orang setakat jam 9 malam sebelumnya.

Tumpat adalah jajahan terbaharu dilanda bencana itu apabila 28 mangsa daripada enam keluarga dipindahkan ke sebuah pusat pemindahan sementara (PPS).

Sejumlah 90 PPS dibuka di sembilan jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok, Tanah Merah, Pasir Puteh, Kuala Krai, Machang dan Jeli.

Menurut aplikasi infobanjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), setakat 29 Nov Pasir Mas mencatat jumlah mangsa paling ramai iaitu 2,963 orang daripada 1,145 keluarga yang dipindahkan ke 34 PPS, diikuti Kota Bharu dengan 1,261 mangsa daripada 310 keluarga dipindahkan ke 11 PPS.

Di Machang, 685 mangsa daripada 212 keluarga masih tinggal di tujuh PPS manakala 589 mangsa daripada 185 keluarga ditempatkan di enam PPS di Pasir Puteh.

Di Tanah Merah pula, 560 mangsa daripada 149 keluarga dipindahkan ke 17 PPS manakala di Jeli, 345 mangsa daripada 95 keluarga ditempatkan di tiga PPS.

Sejumlah 304 mangsa daripada 73 keluarga dipindahkan ke dua PPS di Bachok manakala di Kuala Krai, seramai 226 mangsa daripada 55 keluarga ditempatkan di sembilan PPS.

Menurut portal [infobanjir.water.gov.my](http://infobanjir.water.gov.my) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), paras air di Sungai Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas meningkat kepada 10.56 meter pada 8 pagi 29 Nov berbanding 10.44 meter pada 9 malam sebelumnya. Paras bahaya ialah sembilan meter.

Hujan kadangkala lebat masih dilaporkan berlaku di beberapa kawasan di Kelantan.

Dalam tinjauan ke Rantau Panjang, sepasukan bantuan kelolaan Pemuda Pakatan Harapan (PH) negeri bergerak menyampaikan bantuan awal ke kampung-kampung terlibat.

Ketua Pemuda PH Kelantan Roslan Ismail berkata, untuk sementara waktu sebuah kedai di hadapan Masjid Lubok Jong dijadikan sebagai pusat operasi. "Sebuah kenderaan khas dihantar ke

kawasan-kawasan biasa berlaku banjir untuk mengenal pasti bentuk bantuan yang perlu disegerakan.

"Sehingga kini kami telah berjaya mengumpul lapan kenderaan pacuan empat roda yang akan digerakkan bagi menghantar keperluan segera seperti makanan dan air bersih," katanya.

Dalam operasi itu, Roslan berkata kumpulannya telah menghantar bantuan ke kampung Serungga dan Seberang Merbau.

"Jalan masuk ke kampung ini sudah tidak boleh dilalui oleh kenderaan ringan dan pasukan bantuan kami terpaksa bergerak perlahan bagi mengelak-

kan sebarang kemalangan.

"Begitupun satu kenderaan kami telah tergelincir ke dalam parit di tepi jalan dan kami mengambil masa setengah jam untuk mengangkat naik kenderaan tersebut," katanya.

Bagi menyampaikan bantuan kepada penduduk, sukarelawan yang bersama pasukan itu terpaksa memikul barang-barang sambil mengharung air banjir yang sudah sampai ke paras pinggang.

"Walaupun kami memberi nasihat supaya penduduk segera berpindah, kebanyakan mereka enggan kerana bimbang keselamatan rumah dan ternakan masing-masing," katanya.



Konvoi bantuan banjir Pemuda PH bergerak ke lokasi.



Antara rumah penduduk yang dinaiki air.



Meranduk air banjir bagi menyampaikan bantuan.

# PH gerak jentera ziarah, dengar keluhan rakyat

**K**UALA KEDAH: Prihatin dan peduli terhadap pelbagai masalah yang dihadapi rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah, AMANAH Negeri Kedah mengambil pendekatan mendengar keluhan dan rintihan golongan tersebut.

Sehubungan itu Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Ismail Salleh dan rombongan Pakatan Harapan (PH) Kuala Kedah telah menziarahi dan melawat mereka yang sakit serta tidak berupaya di Taman Bersatu, dekat sini, baru-baru ini.

Dalam ziarah itu, terdapat keluarga yang mengakui terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi sehingga menyukarkan mereka membeli lampin pakai buang, susu, dan ubat-ubatan.

"Memang ada yang menerima sumbangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM300 sebulan, namun jumlah itu tidak mampu untuk menampung kos sara hidup yang amat melampau kini.

"Cuba bayangkan dengan jumlah tersebutlah mereka perlu gunakan untuk berulang alik ke hospital yang melibatkan

kos pengangkutan serta ubat-ubatan yang mahal," kata Dr Ismail.

Selain itu, tambah beliau mereka terpaksa membeli keperluan lain dan pastinya peruntukan yang diterima daripada JKM tidak mencukupi.

Dr Ismail menyarankan kerajaan mengambil inisiatif bagi memastikan harga barangan keperluan tidak melambung tinggi sehingga membebaskan golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Dalam pada itu, ziarah turut dilakukan di kawasan Taman Bersatu bagi mengedar risalah PH serta mendengar keluhan para peniaga.

"Rata-rata peniaga yang menerima risalah PH memberi reaksi yang amat memberangsangkan untuk menakar kerajaan sedia ada kerana gagal membela nasib rakyat.

"Mereka mengeluh kerana kurangnya pembeli dan kadar keuntungan yang mengecil akibat Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sehingga terpaksa menaikkan harga barang yang dijual.

"Akibat situasi ini, ia memberi kesan yang amat besar apabila ada antara



**Dr Ismail menziarahi keluarga OKU di Taman Bersatu dalam program ziarah turun padang.**

peniaga tidak mampu untuk menampung kos dan modal perniagaan mereka," jelasnya.

Mantan Exco Kerajaan Negeri Kedah itu juga yakin rakyat semakin tertekan dengan keadaan ekonomi negara yang tidak

memberangsangkan.

"Mereka bukan saja mahukan pembaharuan kepimpinan di negeri Kedah, sebaliknya amat mengharapkan PH mampu untuk mengambil tampuk pemerintahan Putrajaya," katanya.

## Pemuda PH Kedah dekati masyarakat tersisih



**Asmirul (kiri) menyantuni penduduk dalam satu program Ziarah Kasih.**

**KUALA KEDAH:** Pemuda Pakatan Harapan (PH) Kedah menjadikan program Ziarah Kasih sebagai jambatan mendekati masyarakat tersisih di negeri itu.

Melalui program ziarah ini, mereka yang tersisih didekati dan diberikan bantuan

yang perlu.

Ketua Pemuda AMANAH Kedah Asmirul Anuar Aris berkata, pihaknya memberikan perhatian serius terhadap pesakit kanser, pesakit kronik dan fakir miskin.

Dalam program Ziarah Kasih yang diada-

kan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Cancer Survivors Malaysia serta Persatuan Thalesemia Malaysia baru-baru ini, seramai 100 keluarga terpilih dari kalangan keluarga pesakit serta fakir miskin telah diberi sumbangan.

Asmirul yang juga Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) negeri berkata, sumbangan yang diberikan berupa barangan dapur.

"Sumbangan yang diberikan bagi meringankan beban yang ditanggung keluarga pesakit dan fakir miskin yang begitu ramai di negeri Kedah.

"Dengan kerjasama NGO, kami membantu golongan yang perlu menerima rawatan akibat penyakit yang mereka alami.

"Lebih memudaratkan lagi, apabila kos ubat-ubatan semakin meningkat serta peruntukan perubahan yang dipotong oleh kerajaan amat menyusahkan golongan fakir miskin," jelasnya lagi.

Menurut beliau, selain itu program Ziarah Kasih turut diperkembangkan dengan menziarahi warga emas yang terlantar uzur.

"Selain menziarahi warga emas yang uzur, kita juga membantu dengan merin-

gankan beban serta kesulitan yang sedang ditanggung oleh mereka melalui beberapa kaedah sokongan yang direncanakan.

"Ziarah kasih juga tidak melupakan kediaman warga emas yang merupakan orang kurang upaya dengan menyampaikan sumbangan berupa pakaian baru," ujarnya.

Tegas Asmirul lagi, AMANAH Kedah bersama-sama dengan komponen dalam PH sedang mengenal pasti keluarga yang daif serta tidak mendapat pembelaan dari kerajaan negeri.

Malah katanya, berdasarkan program turun padang mendapati masih terdapat ramai keluarga fakir dan miskin yang tidak diberi pembelaan.

"Terdapat rumah yang tidak selamat untuk didiami, namun begitu tidak pernah mendapat bantuan kerajaan negeri.

"Selain dari itu terdapat juga keluarga miskin yang hidup umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, tetapi tidak mendapat perhatian kerajaan negeri," katanya.

## Pas sifatkan Bajet Negeri Perak mesra rakyat

**IPOH:** Timbalan Pesuruhjaya Pas Perak Radzi Zainon menyifatkan bajet negeri yang dibentangkan Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir sebagai bajet mesra rakyat dan mesra pilihan raya.

Beliau berkata, rakyat dijangka akan mendapat pelbagai faedah daripada bajet negeri itu berjumlah RM1.17 bilion tersebut.

Katanya lagi, intipati Bajet 2018 Negeri Perak itu juga dilihat terus kepada rakyat di peringkat akar umbi.

"Pas anggap Bajet 2018 Negeri Perak ini sebagai mesra rakyat dan mesra pilihan

raya umum kerana banyak pemberian kepada rakyat sebagaimana dilakukan kerajaan persekutuan.

"Perak juga dilihat menambah beberapa peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan seperti untuk golongan imam dan bilal serta guru agama.

"Pas tidak kata sokong secara keseluruhan Bajet 2018, namun ia bajet mesra rakyat dan mesra pilihan raya umum," katanya dalam sidang media sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Ke-13 di Bangunan Perak Darul Ridzuan, baru-baru ini.

Radzi berkata, pihaknya juga mengemukakan beberapa perkara bagi menambah baik bajet berkenaan antaranya dalam isu pemilikan rumah mampu milik dalam kalangan rakyat.

Ini kerana, menurutnya, tumpuan yang lebih kepada pembangunan infrastruktur menyebabkan beberapa pembangunan insan tergendala.

Katanya, penambahan Kedai Bergerak 1Aman Jaya (KB1AJ) pada Bajet 2018 conohnya sesuatu yang baik untuk rakyat cuma perlu pemantauan daripada sudut kejayaan atau kegagalan program tersebut.

"Begitu juga peranan masjid. Akibat tiada modul pengurusan institusi masjid yang lebih efektif, masjid kini tidak lebih hanya berperanan untuk menunaikan solat jemaah semata-mata," katanya.

Dr Zambry membentangkan Bajet Perak 2018 bertemakan 'Rakyat Aman dan Jaya' berjumlah RM1.17 bilion dengan lima fokus utama bagi memastikan pembangunan dan pengupayaan ekonomi rakyat terus dilaksanakan.

Daripada keseluruhan bajet itu, sebanyak RM755.59 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus manakala RM421.28 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

# Tegas pendirian tangani krisis Timur Tengah

**KUALA LUMPUR:** Sikap negara yang dilihat berpihak khususnya kepada Arab Saudi dan sekutunya dalam krisis yang sedang berlaku di Timur Tengah menjejaskan dasar aman, bebas dan berkecuali negara.

Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah (AMANA-Kuala Terengganu) berkata, selain penglibatan Malaysia dalam gabungan ketenteraan yang diketuai Arab Saudi dalam krisis di Yaman sebelum ini, pembukaan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) di Malaysia juga dilihat satu lagi tindakan berpihak oleh negara ini.

"Seorang pegawai daripada JAKIM Ustaz Zamihan yang baru-baru ini telah menyatakan beliau sendiri tidak bersetuju

King Salman Centre ini diadakan di Malaysia. Beliau amat terlibat dengan program untuk memulihkan pengangganan-pengangganan ini.

"Mungkin beliau juga tahu apakah semangat Kerajaan Arab Saudi. Kalau pegawai kementerian sendiri merasa ini tidak patut, mesti disiasat apakah sebabnya. Adakah Saudi ini mempunyai pengaruh negatif?"

"Saya rasa Kementerian Luar Negeri patut memberi pandangan dari sudut polisi kita yang akan secara terus atau 'indirectly' terlibat dalam polisi Timur Tengah," katanya ketika memohon penjelasan menteri.

Mengulas isu sama, Khalid Samad (AMANA-Shah Alam) berkata, kerajaan se-

harusnya menyatakan pendirian dengan jelas terhadap krisis yang berlaku di Timur Tengah khususnya dalam isu pertembungan Arab Saudi dan Qatar.

Katanya, ini kerana pada waktu ini sedang berlaku perebutan kuasa antara kumpulan-kumpulan negara besar yang juga campur tangan negara barat.

"Kalau kita terlalu dilihat menyebelahi King Salman dan kumpulan yang tertentu ataupun tim A. Maka apa yang akan berlaku sekiranya tiba-tiba tim B pula muncul.

"Being pragmatic means you must be able to be prepared to face either A ataupun B menang, dan apakah tindakan kita dan sebagainya," soalnya.



## Malaysia perlu lebih berperanan selamatkan Rohingya

**PENGHAPUSAN** etnik berterusan di kalangan warga Rohingya oleh pihak junta Myanmar memerlukan satu usaha konkrit daripada semua pihak khususnya Malaysia bagi menghentikannya.

Khalid Samad (AMANA-Shah Alam) berkata, punca kepada isu ini sehingga tidak dapat diselesaikan adalah apabila hak kerakyatan kaum minoriti itu dinafikan.

Tambahnya, Malaysia perlu campur tangan dengan melihat kepada kaedah bagi menyelesaikan punca masalah tersebut.

"Adakah dengan perkembangan-perkembangan mutakhir ini di mana Aung San Suu Kyi pun sudah minta MoU dengan Bangladesh, hendak hantar balik orang Rohingya dan sebagainya, maka persoalan kerakyatan itu akan dikembalikan kepada mereka," soalnya.

Menjawab soalan itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican mengakui bahawa soal kerakyatan itu antara punya masalah dan penyelesaiannya berlaku terlalu perlahan sehingga tidak memuaskan hati badan-badan antarabangsa.

Malaysia katanya, telah memasukkan beberapa syor dalam Report on Advisory Commission on Rakhine antaranya termasuk isu kerakyatan.

Sementara itu, Khalid berkata isu penyenaaran Rohingya sebagai warga negara Myanmar yang sah perlu diusahakan dengan segera bagi menamatkan segala kemelut pembunuhan yang berlaku.

"Kalau tidak silap saya pada 1982 berlaku kudeta maka disenaraikan lapan suku kaum ataupun bangsa yang diterima sebagai rakyat Myanmar.

"Dalam lapan itu, Rohingya itu tidak disenaraikan. Maka adakah itu perlu diperbetulkan dahulu," katanya.

Selain isu kerakyatan, Khalid berkata isu keengganan junta memerakui warga Rohingya malah memerangi mereka juga perlu diberi perhatian.

Menurutnya, sekalipun kerajaan pimpinan Aung San Suu Kyi mungkin sedikit terbuka dan lebih internasional untuk menangani permasalahan yang berlaku, namun junta dilihat sebagai penghalang.

"Masalah yang sebenarnya adalah jun-tanya. Sejauh mana soal Islamfobia ini sebenarnya wujud dan diwujudkan oleh pihak junta.

"Junta sudah kata 'we will never allow the Rohingya to be Burmese citizens', " katanya.

## Katakan saja tiada siapa sudi bangun Bandar Malaysia

**SEHINGGA** kini Bandar Malaysia - yang dulunya dimiliki syarikat dana berdaulat negara, 1MDB, namun kini diletakkan sepenuhnya di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan - masih tidak menemukan pemaju induk yang sesuai untuk membangunkan tanah berkenaan.

60 peratus pegangan Bandar Malaysia sebelum ini gagal dijual kepada konsortium yang diketuai Iskandar Waterfront Holding (IWH) sehingga memaksa Bandar Malaysia Sdn. Bhd. - bekas anak syarikat 1MDB - untuk membuka semula bidaan projek berkenaan.

Ekoran kegagalan perjanjian jual beli itu, Bandar Malaysia dilaporkan memperketatkan syarat bagi membida projek berkenaan.

Sesebuah syarikat yang ingin membida perlulah termasuk dalam senarai 500 syarikat berprestij dunia seperti yang diperakui majalah perniagaan, Fortune dan menjana keuntungan 50 bilion untuk tiga tahun berturut-turut.

Apabila tender mula dibuka pada Mei

tahun ini, Pengerusi Bandar Malaysia yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah berkata tarikh tutup bidaan tender tersebut adalah pada 30 Jun dan keputusan akan diumumkan pada 14 Julai.

Namun sehingga Julai tidak nampak 'bayang' bahawa Bandar Malaysia akan dibangunkan oleh mana-mana pemaju.

Sehinggalah pada 23 Ogos lepas, Irwan memaklumkan bahawa enam syarikat telah 'menyatakan minat' dan telah melawat tapak projek berkenaan.

Pada 31 Ogos, Irwan dilaporkan berkata butiran mengenai pemaju induk yang akan membangunkan projek berkenaan akan diumumkan dalam masa terdekat.

Namun berita yang ditunggu-tunggu tidak juga kunjung tiba. Sehinggalah Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara merangkap Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua membangkitkan sekali lagi perkara berkenaan di Parlimen pada 8 November.

Pun begitu, jawapan yang diterimanya amat mengecewakan. Irwan tidak men-

jawab persoalan yang dibangkitkan Tony sebaliknya menyatakan fakta yang semua sudah maklum, iaitu lapan syarikat telah 'menyatakan minat'.

"Sekarang sudah jelas bahawa sejak Jun tahun ini, perkembangan yang kita tahu adalah enam ke lapan syarikat telah 'menyatakan minat' terhadap projek Bandar Malaysia walaupun sebelum ini katanya mahu mengumumkan keputusan bidaan projek itu pada 14 Julai.

"Kami (rakyat) menggesa Irwan mengesahkan bahawa semenangnya tidak ada mana-mana syarikat 500 Fortune membida untuk mendapatkan dan membangunkan Bandar Malaysia, lebih-lebih lagi dengan harga yang terlalu mahal yang dipinta Kementerian Kewangan," ujar Tony.

Apa yang ditunggu lagi Irwan? Jawab dan berterus-teranglah tentang status projek Bandar Malaysia, kami rakyat Malaysia tertunggu-tunggu, seperti menunggu tarikh undi untuk menghum-ban Umno-BN ke blok pembangkang.

- Rokatini.com

## Kaji semula bunga melampau syarikat pinjaman wang

**KERAJAAN** diminta mengkaji semula keuntungan melampau syarikat pinjaman wang yang mengambil kesempatan terhadap mangsa atau peminjam.

Dr Siti Mariah Mahmud (AMANA-Kota Raja) berkata, kerajaan perlu mengadakan satu peraturan khusus dalam hal ini bagi mengelakkan peminjam yang sememangnya dalam kesusahan, dianiyai.

"Keuntungan yang mereka ambil ini terlampau banyak. Saya rasa macam tidak ada rasa bersalah pada mereka ini. Kadang-kadang jatuh sampai 10 peratus sehari.

"Mungkinkah kita boleh cadangkan kepada kerajaan, supaya syarikat peminjam wang ini, haram ke tidak haram ke, tetapi

kalau dia mengambil melebihi pada satu-satu had, maka ia menjadi satu kesalahan," katanya ketika membahaskan Bajet 2018 peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Sementara itu, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) yang turut bersetuju dengan pandangan itu mahu kerajaan mengkaji semula supaya syarikat peminjam diletakkan juga di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan di bawah Bank Negara Malaysia untuk pemantauan.

"Sebab ini saya melihat begitu dahsyat cara,kaedah kutipan mereka melakukan.

Baru-baru ini juga banyak di-viral-kan video-video yang mereka datang pukul dengan tali, dengan getah dan sebagainya.

"Kalau tidak hendak serahkan kepada Kementerian Kewangan mungkin Yang Berhormat Menteri (KPDNKK) boleh ada satu 'enforcement' khas yang boleh melibatkan NBOS seperti SPRM, PDRM, Bank Negara.

"Jadi KPDNKK boleh duduk sekali dan saya fikir ini satu titik noktah harus kita buat kerana kalau kita tengok ceti haram ini, peminjam wang ceti ini agak keterlaluan," katanya.

# Solidariti bersama Sulak Sivaraksa



**PADA** 6 Jun 2014, ketika bersama isteri dan rakan-rakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Chiang Mai, Thailand saya terpancang sebuah buku di rak sebuah kafe di lapangan terbang tersebut.

Buku berjudul *The Wisdom of Sustainability* (Budhist Economics for the 21st Century) oleh Sulak Sivaraksa segera dibeli. Nama besar ini saya kenali sejak aktif dalam badan-badan non-pemerintah, Sulak yang digelar Ajarn Sulak Sivaraksa itu seorang tokoh pemikir aktivis keamanan dan pejuang 'coexistence'. 'Ajarn' dalam bahasa Thai adalah sebuah gelar kehormatan kepada seorang yang kita banyak belajar darinya, Sang Guru. Sulak Sivaraksa adalah seorang aktivis yang terkemuka di Asia.

Buku *'The Wisdom of Sustainability'* yang saya perolehi di Chiang Mai itu, adalah penerusan kesinambungan tulisan EF Schumacher, *'Small is Beautiful: Economic as if People Mattered'*. Tulisan yang menekankan tentang alternatif berskala kecil dan kerja-kerja indi-genius, lokal dan membumi dalam mendepani rempuhan globalisasi.

Penulis Jack Kornfield, pengarang *'The Wise Heart'* menyatakan, "Like Ghandi, Sulak offers great inspiration to a civilization that has lost its way" (seperti Ghandi, Sulak menawarkan inspirasi besar kepada ketamadunan yang telah hilang arahnya itu).

Penulis Joanna Macy menyatakan Sulak adalah hero di zaman ini yang mengemukakan kebijaksanaan mendalam dan menyegarkan, alternatif waras kepada "agama-agama pemusnah bumi" yang bernama konsumerisme, kehalobaan dan penindasan.

Kenapa tiba-tiba saja saya teringat

kepada Sulak?

## Sumpah Sulak

Sebenarnya ia berpunca daripada kekaguman saya terhadap beberapa orang pemimpin politik dan ahli-ahli parlimen Pakatan Harapan yang baru-baru ini mengisytiharkan harta dan mengaku janji untuk dimenangi dalam pilihan raya umum yang ke-14 nanti.

Keberanian dan keikhlasan mereka mengisytiharkan harta kepada umum demi membuktikan mereka adalah antara negarawan yang berjuang menolak korupsi. Tetapi bila saya teringat kepada kata-kata Sulak dalam himpunan tulisan yang termuat di dalam buku berjudul, *'Prayers for the Thousand Years'* (Doa-doa untuk Seribu Tahun). Sulak bersumpah seperti berikut;

"I try to expand my understanding with love to help build a more non-violent world. I vow to leave simply and offer myself to the oppressed..." (Aku cuba meluaskan pemahamanku dengan kasih sayang untuk membantu membangun sebuah dunia yang lebih bebas dari kekeerasan. Aku bersumpah untuk hidup sederhana dan menyerahkan diriku sepenuhnya kepada kaum tertindas).

Ajarn Sulak Sivaraksa sentiasa hidup sederhana, sebarang perolehan yang diterima dari program-program antarabangnya disumbangkan kembali kepada kaum tertindas. Kami yang mengenali Ajarn sentiasa melihat beliau memakai kemeja lengan pendek biru berbutang tanpa kolar.

Dalam setiap program, pemikir dan aktivis sosial Ajarn Sulak Sivaraksa akan tampil dengan pakaian sederhananya itu. Beliau telah menulis lebih dari 100 buah buku dalam Bahasa Thai dan Bahasa

Inggeris. Beliau telah dicalonkan sebanyak dua kali untuk menerima Hadiah Noble Keamanan. Dan pada tahun 1995, beliau telah menerima anugerah The Right Livelihood Award yang dikenali sebagai the Alternative Noble Peace Prize.

## Hidup sederhana

Ajarn tidak perlu mengisytiharkan harta, kerana dia hidup sederhana dan sudah bersumpah menyerahkan dirinya untuk umat manusia. Saya cukup segan memikirkan kita yang berpegang kepada agama yang diredhai oleh Allah SWT dan mengikut Sunnah Rasulullah masih berlumba-lumba untuk mendapatkan kemewahan hidup. Rumah agam yang tersergam indah, deretan kereta mewah, pakaian dan aksesori mahal serta berbelanja seperti golongan 'rich and famous' menjadi cara hidup kita.

Alangkah malunya bila saya bandingkan tokoh-tokoh agamawan di Malaysia yang hidup bermewah tak pernah berfikir untuk mengisytiharkan hartanya kepada rakyat berbanding dengan Ajarn Sulak Sivaraksa yang hidup sederhana dan mengabdikan diri untuk perjuangan rakyat.

Seorang Sulak tidak perlu memperagakan kereta mewah Mercedes Benz atau BMW apatah lagi Range Rover, Vellfire atau Volkswagen Passat kerana beliau ialah seorang pejuang tulen yang tinggal dalam buangan setelah rampasan kuasa di Thailand 1976 hingga 1977 dan 1991 hingga 1992, dipenjara dan didera berulang kali dan menghadapi tuduhan hasutan lése-majestè of the Thai monarchy.

Siapa di antara kita yang telah bersumpah untuk tekal berjuang bersama rakyat? Sumpah dan baiah kepada Allah untuk menentang kemungkaran, penyelewengan, rasuah korupsi dan mempertahankan kepentingan golongan rakyat tanpa men-

gira bangsa, agama dan budaya.

Tidak malukah kalian kepada Sulak Sivaraksa yang sentiasa konsisten di mana baru-baru ini lagi oleh pihak junta, tentera yang merampas kuasa di Thailand cuba mendakwa Sulak sekali lagi. Beliau dituduh mencemar institusi Diraja sekali lagi, ditahan polis pada 7 Oktober 2017 untuk di soal siasat kerana ucapannya di Universiti Thammasat di sebuah persidangan sejarah.

Beliau memberikan satu komentar mempersoalkan apakah benar sejarah kemenangan King Naresuan yang telah menecabar Putera Mingyi Swa dari Burma ke pertempuran bergajah. Menurut kisahnya, King Nerusuan berjaya membunuh Putera Mingyi Swa. Kemenangan Naresuan pada tahun 1593 itu dihidupkan dalam buku-buku teks, drama TV, filem dan tarikh perlawanan itu dijadikan Hari Angkatan Tentera Thailand.

Sulak menulis dalam facebooknya bahawa filem kemenangan Nerusuan itu adalah sebuah filem propaganda yang digunakan oleh 'post-coup dictator regime' kerana mempersoalkan apakah itu benar-benar peristiwa sejarah atau sebuah anekdot mitos legenda semata-mata.

## Ke penjara

Sulak akan diputuskan pada 7 Disember tahun ini sama ada dia harus di bawa ke tribunal tentera, dipenjara tanpa ikat jamin atau dibicarakan tanpa peguam pilihan, dan mungkin akan berakhir dengan mendekam di penjara untuk beberapa tahun lamanya.

Sulak Sivaraksa yang sudah berusia 85 tahun itu sentiasa konsisten dalam perjuangannya. Dia tidak berubah sejak puluhan tahun memperjuangkan hak asasi manusia, menentang rasuah, kezaliman dan ketidakadilan.

Ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI), sahabat dekatnya ditahan oleh kerajaan, Sulak Sivaraksa telah memainkan peranan penting dalam Free Anwar Campaign (FAC) kerana yakin DSAI adalah mangsa konspirasi politik di negara ini.

Demi rasa hormat kepada seorang pejuang tulen saya menyeru semua yang membaca artikel ini untuk mendesak Kementerian Luar Thailand agar menggugurkan kes "lése-majestè of the Thai monarchy" ke atas Sulak Sivaraksa sebelum 7 Disember 2017.

Surat-surat desakan atau email hendaklah segera ditulis untuk menyelamatkan pejuang yang sudah berusia 85 tahun ini.

■ Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.

# Mengapa tidak merayu kerana bersalah mengajar tanpa tauliah?

**S**AYA telah didapati bersalah 'mengajar sesuatu berhubung agama Islam' tanpa tauliah apabila menceritakan pengalaman berada di Gaza tempoh hari. Asalnya saya dikenakan hukuman denda sebanyak RM 2,900. Hukuman sebesar itu boleh menyebabkan saya hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen dan bertanding dalam PRU ke-14.

Saya telah membuat rayuan dan pada 24 Nov 2017 dan Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan denda yang dikenakan diturunkan kepada RM1,900 sahaja. Dengan itu kelayakan saya untuk kekal sebagai Ahli Parlimen dan bertanding pada PRU ke-14 tidak terjejas. Ini adalah kerana had denda yang ditetapkan undang-undang yang boleh menyebabkan kehilangan kelayakan itu adalah RM2,000.

Hasil dari itu saya telah memutuskan supaya tidak lagi merayu. Ini adalah kerana walaupun saya yakin tidak melakukan kesalahan 'mengajar' tanpa tauliah, tetapi masalah utama iaitu hilang kelayakan telah berjaya diatasi. Ada yang tidak berpuas hati dengan sikap saya. Mereka beranggapan saya wajar terus merayu sehingga dilepaskan dari tuduhan tersebut.

Saya hormati pandangan mereka. Namun saya pohon berbeza pandangan dalam persoalan ini.

Sebenarnya masalahnya bukan terletak pada keputusan yang dibuat oleh yang arif hakim. Masalahnya terletak pada undang-undang atau enakmen pentadbiran agama Islam itu sendiri. Mahkamah dan hakim mesti memutuskan berdasarkan undang-undang yang telah dilulus-

kan untuk dikuatkuasakan.

Masalahnya adalah istilah 'mengajar' itu telah diberikan satu takrif yang terlalu luas oleh enakmen berkenaan. Ianya merangkumi ceramah motivasi, ceramah umum, pengisahan dan nasihat sehingga boleh dirumuskan bahawa tauliah diperlukan untuk 'bercakap mengenai sesuatu berhubung dengan agama Islam' dan bukan 'mengajar'. Amat malang apabila istilah mengajar disamakan maksudnya dengan bercakap. Ini menjadikan umat Islam terkunci mulut mereka dan tidak boleh memenuhi tugas mereka sebagai umat yang menyeru kepada agama Allah.

Saya telah menyatakan dalam mahkamah bahawa Al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. telah membezakan maksud kalimah 'allama' atau mengajar dari kalimah lain seperti 'balighu' (sampaikan), 'ad'u' (menyeru), 'zakikiru' (memberi peringatan) dan sebagainya. Oleh itu sepatutnya mahkamah dan undang-undang yang digubalkan oleh mana-mana pihak perlu juga mengambil kira perbezaan makna dan maksud perkataan-perkataan tersebut. Semestinya ada sebab mengapa kalimah-kalimah ini kesemuanya digunakan di dalam Al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. dan ada perbezaan antara mereka.

Sememangnya kerja 'mengajar' semestinya dilakukan oleh orang yang berilmu di dalam bidang yang diajar itu. Kuliah tafsir sebagai contoh mesti diberikan oleh seseorang yang berilmu dalam bidang tafsir. Dia mesti mengupas ayat-ayat dari sudut sebab turunnya (asbabul nuzul), bahasanya dan dikaitkan juga

LAUT  
BUDI  
TEPIAN  
AKAL

KHALID SAMAD



ayat-ayat dan hadis yang berkenaan dengannya. Maka barulah dikatakan 'mengajar' mengenai pengertian dan pengajaran yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut.

Tetapi sekadar membaca sesuatu ayat dan menjelaskan maksudnya secara umum adalah lebih berseesuaian dengan maksud sekadar menyampaikan atau 'ballighu'. Pengertian dan pemahaman yang lebih mendalam perlu dicari melalui kuliah yang bersifat 'mengajar' oleh yang berkelayakan.

Oleh itu mengajar semestinya membawa pengertian penyampaian ilmu secara lebih mendalam dan kupasan yang lebih menyeluruh.

Sebenarnya undang-undang ini digubalkan dengan tujuan menghalang ajaran sesat dan kuliah yang bersifat adu-domba. Maka untuk menghalangnya maka digunakan kaedah pemberian 'tauliah' kepada yang diyakini tidak membawa ajaran sesat atau risalah adu-domba dan perpecahan dalam masyarakat.

Malangnya oleh kerana tiada ketelusan dalam proses ini maka tauliah tidak semestinya diberi pada yang layak. Begitu juga ianya boleh juga dinafikan kepada yang layak. Ada yang memohon tetapi dinafikan semata-mata dirinya tidak disukai oleh pihak pemberi tauliah. Dengan itu didapati ada mufti-mufti yang tidak diberi tauliah seperti mana juga

pensyarah-pensyarah universiti yang mengajar bidang syariah di universiti yang dinafikan tauliah!

Maka didapati anak muridnya bekerja sebagai pegawai Jabatan Agama dan bertauliah tetapi guru-nya sendiri dinafikan tauliah.

Pada masa yang sama ada juga mereka yang bercakap mengenai pembelaan jin dan sebagainya yang diberikan tauliah. Sedangkan ilmu sedemikian dipertikaikan dan bukan itu yang ingin diajarkan kepada masyarakat umum.

Untuk mengatasi keadaan yang lucu dan songsang seperti ini maka perlu ditentukan proses pemberian tauliah itu telus dan boleh ada proses rayuannya. Ini adalah untuk menentukan tiada salah guna kuasa dan penyelewengan akan berlaku.

Pada masa sama kategori tauliah perlu dibezakan antara tauliah 'mengajar' dan tauliah 'ceramah umum dan motivasi'. Bagi kategori pertama mesti ditunjukkan kelayakan akademiknya serta ditemu-bual sambil untuk kategori kedua akhlak dan kefahaman serta tasawwur keislaman yang dikenal pasti melalui temu-bual adalah memadai. Namun tauliah boleh ditarik balik bila-bila masa sekiranya didapati membawa ajaran sesat atau membawa risalah adu-domba.

Ada yang berkata apa perlunya saya timbulkan isu ini? Bagi saya soal keterlibatan setiap umat Islam dalam usaha menyampaikan risalah Islam adalah wajib. Tidak semestinya mengajar tetapi memberi kesedaran dan keinsafan. Ini berdasarkan ayat 108 Surah Yusuf yang bermaksud;

"Katakan (Wahai Muhammad): 'Ini dia jalanku. Aku menyeru kepada

Allah berdasarkan bukti-bukti yang nyata; Aku dan mereka yang mengikutiku. Maha suci Allah dan aku bukan dari golongan musyrikin."

Amat jelas dari maksud ayat ini bahawa yang mengikut Nabi Muhammad s.a.w. semestinya menyeru kepada Allah. Oleh itu ruang membenarkannya mesti dibuka kepada semua yang sanggup dan mampu. Bukan untuk 'allama' tetapi untuk 'ballighu' dan "ad'u".

Bagi saya persoalan ini mesti ditangani oleh penggubal undang-undang. Dalam kes ini anggota Dewan Undangan Negeri. Undang-undang perlu diubah-suai supaya tidak lagi terlalu sempit dan menyempitkan sehingga golongan yang mampu dan bersedia memberi khidmat untuk agama akhirnya terhalang dan terpinggir.

Apabila undang-undang itu telah dipinda sehingga lebih menepati semangat dan kehendak Islam, maka hakim-hakim tidak akan lagi terikat dengan takrifan perkataan 'mengajar' yang tidak tepat. Dalam keadaan itu mahkamah syariah akan mampu menjatuhkan hukuman yang kelihatan lebih adil dan munasabah.

Hakikatnya sehingga hari ini saya ditanya Muslim dan bukan Muslim, "Kamu didapati melakukan satu kesalahan jenayah kerana bercakap tentang Gaza?"

Bila saya jawab ya, mereka hanya menggeleng kepala. Bagaimana imej Mahkamah Syariah dapat diperlihatkan kalau terpaksa mengemukakan sebegitu?

**Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.**

## Harga minyak: Ayuh rakyat teruskan bantahan!

**SELEPAS** berkampung selama 42 jam di luar parlimen, Pemuda AMANAH Nasional mengajak rakyat untuk terus menyuarakan bantahan terhadap kerajaan bagi membantah harga minyak yang sangat tinggi ketika ini. Bantahan demi bantahan ini sangat penting bagi meneruskan momentum perubahan rakyat di negara ini.

Selepas kenaikan harga minyak berganda dalam tempoh sebulan yang lalu, Pemuda AMANAH Nasional bersama Pemuda Pakatan Harapan telah menggerakkan kempen bantahan di seluruh negara. Majoriti masyarakat



menyatakan kekecewaan mereka kepada kerajaan yang langsung tidak cakna terhadap permasalahan rakyat yang sedang terbeban dengan kos sara hidup.

Walaupun kerajaan mengumumkan penurunan harga

Ron95 dan Ron97 sebanyak 8 sen dan diesel 2 sen pada minggu ini, namun harga bahan bakar itu masih tinggi oleh kerana kekerapan kenaikan harga sejak mekanisme penetapan harga mingguan diperkenalkan. Penurunan yang diumumkan itu tidak cukup melegakan rakyat yang masih terbeban dengan harga minyak sedia ada.

Rakyat tidak menyambut penurunan harga minyak ini kerana ia tidak memberi kesan positif yang besar kerana rakyat masih merasai bebanan tinggi akibat kenaikan pelbagai serta penguasaan cukai

GST ke atas mereka. Kerajaan sendiri tidak berasa lega dengan penurunan harga ini kerana mereka tahu mood rakyat sangat negatif terhadap mereka pada ketika ini.

Dalam meneruskan momentum desakan ini, Pemuda Pakatan Harapan telah mencapai kata sepakat untuk menganjurkan Demosntrasi Turun-Turun yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 31 Disember nanti. Kami mengajak seluruh rakyat Malaysia khususnya anak muda untuk turun beramai-ramai bagi menghantar satu mesej jelas kepada kerajaan

kleptokrasi pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Pemuda AMANAH Nasional akan terus konsisten memperjuangkan nasib rakyat yang kini sangat dibebani dengan kos kehidupan yang meningkat saban hari. Kami mengajak rakyat meletakkan azam dan iltizam untuk membuat perubahan dalam PRU14 akan datang!

Menggalas Harapan Perubahan #PemudaBekerja

**Mohd Sany Hamzan ialah Ketua Pemuda AMANAH Nasional.**

# Soalan nelayan untuk menteri

**P**ADA 24 Nov lalu, saya sekali lagi melawat jeti perikanan di Pulau Kambing, Kuala Terengganu untuk mendapat pandangan serta reaksi terkini mereka tentang penangkapan dan pendakwaan beberapa warga asing Vietnam.

Kenyataan tegas pegawai kanan SPRM, Datuk Azam tentang Akta Perikanan 1985 yang dikatakan sudah lapuk dan perlu diubah juga menarik perhatian ramai.

Seperti dijanjikan pada sidang akhbar saya minggu lepas, jika tiada jawapan dari kerajaan kepada soalan saya tentang pendakwaan siasatan serta pengubahan Akta Perikanan 1985, saya akan mendedahkan situasi sebenar yang wujud seperti dilaporkan banyak nelayan.

## Isu rondaan pihak penguatkuasa kerajaan

Jarak rondaan pihak Polis Marin adalah 5 km dari pantai sementara penguatkuasa Maritim pula adalah dari 5 km ke atas.

Isu jawapan lapuk pihak penguatkuasa yang peruntukan minyak untuk rondaan yang lebih jauh dan kerap tidak mencukupi tidak boleh diterima. Peruntukan yang tidak mencukupi oleh orang atasan seolah-olah untuk menghalang rondaan kawasan Zon B (melebihi dari 5 km dari pantai) di mana kegiatan secara haram oleh bot nelayan Vietnam berleluasa. Jika pihak berkuasa keluar jauh mereka tidak akan mempunyai minyak yang mencukupi untuk pulang.

Persoalan nelayan, mengapa laporan mereka tentang pencerobohan di kawasan berdekatan dalam Zon B (di bawah 5 km) berdekatan Pulau Kapas dan Pulau Tenggol pun tidak diambil tindakan? Berdekatan pulau-pulau ini bukan hanya



**PENDAPAT**  
**RAJA BAHRIN SHAH**

ikan yang makin pupus, tarikan pelancong khususnya ekosistem bawah air seperti batu karang (coral) pun musnah jahanam. Perangkap nelayan kampung seperti bubu dan sebagainya pun turut musnah dengan kerugian berpuluh ribu ringgit.

Industri pelancongan dan mata pencarian orang kampung biasa pun jahanam dan rugi.

Persoalannya kenapa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan dengan rondaan yang efektif?

Adakah nelayan asing ini begitu berani menghampiri pulau-pulau pelancongan ini tanpa tindakan pihak berkuasa kerana ada 'godfather' orang atasan atau VIP tertentu yang melindungi sindiket mereka?

## Meminda Akta Perikanan 1985

Nelayan juga bertanya, kenapa hanya denda yang ringan dan tempoh penahanan yang pendek dikenakan kepada pesalah? Kenapa kerajaan berkeras tidak mahu meminda Akta Perikanan 1985 yang pihak SPRM pun minta dipinda?

Kenapa kerajaan tidak mahu memberi sokongan untuk menjaga hak nelayan tempatan dengan meminda Akta Perikanan dan kelihatan lebih berpihak kepada kepentingan pihak nelayan asing yang hanya dikenakan tindakan dan hukuman yang ringan. Kepentingan siapakah yang dijaga dan didahulukan oleh



Raja Bahrin mendapatkan maklum balas nelayan di jeti Pulau Kambing.


kerajaan?

Pada tahun 2020, kesemua lesen B perikanan nelayan akan dimansuhkan dan nelayan dikehendaki menaik taraf bot mereka kepada lesen C yang memerlukan perbelanjaan besar sebanyak RM300,000.

Masalahnya nelayan yang mempunyai beberapa bot lesen B tidak dibenarkan menukar nama pindah milik untuk menjual bot mereka sebagai modal bagi dinaik taraf kepada lesen C. Oleh itu dengan penghapusan lesen B pada 2020 mereka tidak boleh beroperasi lagi! Oleh itu hanya pemilik lesen bot besar C, untuk laut dalam dengan nelayan warga Vietnam akan mendominasi pantai serta laut dalam kita.

## Halang pindah milik bot

Nelayan tempatan juga menyual



Zon rondaan Polis Marin dan penguatkuasa Maritim.



RM6 bilion hilang akibat kecurian 980,000 tan metrik hasil laut.

peraturan kerajaan yang menghalang mereka memindah milik bot mereka kepada orang lain untuk modal naik taraf bot kepada lesen C. Mengapakah sekatan ini yang merugikan nelayan tempatan diadakan sehingga membuka luas dominasi nelayan bot besar dan warga Vietnam yang dikuasai oleh orang berpengaruh VIP tertentu? Kenapakah kepentingan pihak elit atasan sahaja diberi keistimewaan?

Akhir sekali, kesemua menteri bertanggung jawab terhadap isu nelayan dan perikanan seperti Tan Sri Shahidan Kassim, Datuk Noh Omar, Datuk Ismail Sabri dan kini Datuk Shabery Cheek ialah menteri kanan dalam kerajaan. Kenapakah mereka tidak menyelesaikan sebahagian besar masalah nelayan tempatan? Kenapakah mereka sebagai menteri kanan tidak mencadangkan pindaan Akta Perikanan 1985 yang lapuk dan merugikan pengusaha hasil laut tempatan dengan kecurian meluas, seperti disyorkan SPRM?

Kepentingan siapakah menteri tersebut serta pihak penguatkuasa beri keutamaan selama ini? Kecurian 980,000 tan metrik hasil tangkapan laut berharga RM6 bilion adalah jumlah yang amat besar yang tidak mungkin telah terlepas pandang oleh menteri dan pihak penguatkuasa selama ini. Tidak ada alasan yang munasabah boleh diberikan. Sindiket tempatan dan asing mengaut RM6 bilion setahun dan telah lama bermaharajalela di perairan laut Malaysia.

Nelayan kita menuntut jawapan kepentingan siapakah dijaga kerajaan selama ini dengan kehilangan hasil RM6 bilion setahun?

Yang pasti jawapannya bukan kepentingan nelayan tempatan kita, yang masih tergolong dalam golongan termiskin dengan pendapatan RM400 sebulan.

**Datuk Raja Bahrin Shah ialah Ahli Parlimen Kuala Terengganu.**

# Karnival Peduli Rakyat Awan tanda prihatin PH Melaka

Oleh AKMAL HAZIQ

**MELAKA:** Prihatin terhadap nasib rakyat yang semakin tertekan ekoran peningkatan kos hidup mendorong Skwad Peduli Rakyat Awan Negeri Melaka dan D'Awan Shoppe Melaka mengadakan program Karnival Peduli Rakyat Awan Melaka di Bukit Baru, dekat sini, baru-baru ini.

Program itu sekali gus bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai supaya bangkit membuat perubahan pada pilihan raya umum akan datang bagi memilih

pemimpin yang benar-benar mahu membela nasib rakyat dan prihatin tentang nasib mereka.

Program berkenaan dilancarkan oleh Ketua Biro Kebajikan Awan Nasional, Ustazah Mariam Abdul Rashid dan ia mendapat sambutan yang hangat daripada penduduk setempat.

Antara pemimpin Pakatan Harapan (PH) yang hadir ialah Pengerusi PH Melaka merangkap Pengerusi AMANAH negeri Adly Zahari, Pengerusi DAP Melaka Tay Kok Kiew, Timbalan Ketua Wanita PH Melaka Ginnie Lim, Ketua Awan Melaka Mahani Othman Basir dan Ketua Penerangan Serikandi PPBM Melaka Roseliza Abdullah.

Ketika berucap, Ustazah Mariam mengingatkan rakyat Melaka agar mencontohi rakyat Selangor yang memberikan sokongan kepada PH pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

"Banyak manfaat yang diperolehi oleh rakyat Selangor seperti air percuma, bas percuma, bantuan kesihatan RM500 setahun, bantuan untuk warga emas, pelajar, khairat



Ustazah Mariam merasmikan Kedai Peduli D'Awan Melaka.

kematian dan banyak lagi,"katanya.

Menurutnya, AMANAH melalui Biro Kebajikan akan terus mengadakan program seumpama ini bagi menyedarkan rakyat tentang pentingnya melakukan perubahan bagi mengatasi masalah kos kehidupan yang semakin meningkat lantaran kenaikan harga minyak dan barangan keperluan harian.

"Dengan adanya Kedai Peduli Rakyat

seperti ini kami dapat menawarkan harga barangan yang jauh lebih murah daripada harga pasaran. Ini sedikit sebanyak dapat meredakan beban rakyat yang semakin sengsara sekarang,"tambah beliau.

Selain jualan barangan keperluan

harian seperti sayur-sayuran, kuih-muih serta barangan makanan, turut diadakan pemeriksaan kesihatan, peraduan melukis dan mewarna untuk kanak-kanak, sukaneka, dan sumbangan kepada golongan asnaf.



Ustazah Mariam berucap dan melancarkan Karnival Peduli Rakyat Awan Melaka.



Sebahagian orang ramai yang datang menjayakan Karnival Peduli Rakyat anjuran Awan Melaka.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA) **RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

**UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:**  
 **01132334322 (EN HAKIM)**



Banjir makin buruk, lebih 5000 ke pusat pemindahan

PP18978/03/2016(034450)




TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
03.12.2017	5:34	5:44	7:04	13:06	16:28	19:02	20:16
04.12.2017	5:35	5:45	7:04	13:06	16:29	19:03	20:17
05.12.2017	5:35	5:45	7:05	13:07	16:29	19:03	20:17
06.12.2017	5:35	5:45	7:05	13:07	16:30	19:03	20:18
07.12.2017	5:36	5:46	7:06	13:07	16:30	19:04	20:18
08.12.2017	5:36	5:46	7:06	13:08	16:30	19:04	20:19
09.12.2017	5:37	5:47	7:06	13:08	16:31	19:05	20:19

# Amanah

BIL 79 | 3 - 9 DISEMBER 2017

# 'BENA PERANG' LANDA PAS KEDAH

## Perjanjian Tanam Semula menjerut peneroka



**PERJANJIAN** Tanam Semula antara FelDA dengan penerokanya lebih satu dekad yang lalu kini menjadi kontroversi apabila peneroka dibebani hutang yang banyak manakala hasilnya pula jauh lebih rendah dari ladang yang diusahakan sendiri peneroka.

Kanun AMANAH membuat kajian ke atasnya dan memberikan beberapa cadangan kepada peneroka sebagai jalan penyelesaiannya.

*Ikuti kupasan badan perundangan AMANAH itu di muka 9*

Perjanjian tanam semula yang kontroversi dan kini menjerut peneroka dengan hutang yang banyak.

**PAS** kini hilang hak untuk menjadi Ketua Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Kedah apabila Adun mereka hanya minoriti (7) manakala Pakatan Harapan pula majoriti (PKR 4, DAP 2, AMANAH 1 dan Bersatu 2)

Penganalisis pula menyifatkan penyakit 'Bena Perang' sedang melanda Pas Kedah selepas Ketua Pembangkang negeri itu, Datuk Amiruddin Hamzah bertindak meninggalkan parti itu dan menyertai Bersatu.

Mohd Sayuti Omar, penulis buku "Kejatuhan Kerajaan Pas Kedah" berkata, Amiruddin akan mengukuhkan Pakatan Harapan di Kedah dengan tindakan itu.

← **Laporan penuh muka 8**



Amiruddin mengumumkan penyertaannya ke dalam Bersatu dan meninggalkan Pas.



## Jus Arif

**HANYA : RM 38 / 280ml**

**UNTUK TEMPAHAN :**  
**019-6239858 (HJ BAHAR)**

**KHASIAT :**

1. Membantu mengatasi masalah kesihatan
2. Membantu meningkatkan IQ pelajar
3. Membantu meningkatkan tenaga
4. Membantu meningkatkan kecergasan
5. Menarik minat anak-anak untuk belajar

**RAMUAN :**  
 Gabungan 8 makanan sunnah ~ kismis, kurma ajwah, kurma madu, madu, buah tin, buah zaitun, za'faran & habbatus sauda

**Jus Arif**